



KPKT

MANUAL OSC 3.0 PLUS

Proses dan Prosedur
Cadangan Pemajuan
Serta Pelaksanaan
Pusat Setempat (OSC)

**EDISI
PERTAMA
2019**





SENARAI KANDUNGAN

Penghargaan	02
Prakata	03
Perutusan Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	04
Perutusan Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	05

1. PENDAHULUAN 07

1.1 Latar Belakang	08
1.2 Kronologi	09
1.3 Kategori Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	12

2. PUNCA KUASA PERUNDANGAN 15

2.1 Tafsiran Berdasarkan Peruntukan Perundangan	17
2.2 Pemajuan Yang Memerlukan Kebenaran Merancang	20
2.3 Pemajuan Yang Boleh Dikecualikan Kebenaran Merancang (EXPA)	21

3. PUSAT SETEMPAT (ONE STOP CENTRE, OSC) 25

3.1 Objektif	26
3.2 Peranan Dan Tugas	26

MANUAL OSC 3.0 PLUS PROSES DAN PROSEDUR CADANGAN PEMAJUAN SERTA PELAKSANAAN PUSAT SETEMPAT (OSC)

Sebarang bahagian dalam dokumen ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan lagi, atau pun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara, sama ada dengan cara elektronik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit terlebih dahulu.

ISBN 978-967-12812-4-6

Edisi Pertama 2019 Cetakan Kedua
© Hakcipta Terpelihara
Jabatan Kerajaan Tempatan
Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan
Putrajaya

4. JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)	29	6. PROSES DAN PROSEDUR KELULUSAN PELAN PEMAJUAN	47
4.1 Tugas-Tugas Urus Setia Jawatankuasa OSC	30	6.1 Panduan Umum Pelaksanaan Manual OSC 3.0 <i>Plus</i>	48
4.2 Pra-Jawatankuasa OSC	30	6.2 Kaedah Permohonan Pelan Pemajuan	48
4.3 Fungsi Jawatankuasa OSC	30	6.3 Proses 1 : Pengumpulan Maklumat Teknikal	50
4.4 Keahlian Jawatankuasa OSC	31	6.4 Proses 2 : Pertimbangan Pelan Pemajuan	55
4.5 Peranan Ahli Jawatankuasa OSC	31	6.5 Proses 3 : Notifikasi Mula Kerja Binaan	100
4.5.1 Pengerusi	32	6.6 Proses 4 : Pemantauan Tapak Bina Dan Notifikasi Pemeriksaan Interim	107
4.5.2 Setiausaha	32	6.7 Proses 5 : Notifikasi Pemeriksaan Akhir	122
4.5.3 Jabatan Memperaku	33	6.8 Proses 6 : Pendepositan CCC	131
4.5.4 Ahli Teknikal	33		
4.5.5 Urus Setia	34		
4.5.6 Ahli Majlis	35		
5. STRUKTUR DAN FORMASI OSC 3.0 PLUS	36	7. PASUKAN INSPEKTORAT DAN KUALITI KPKT	135
5.1 Proses Utama OSC 3.0 <i>Plus</i>	38	7.1 Audit	136
5.2 Penetapan Kategori Kebenaran Merancang	42	7.2 Sistem Star Rating (SSR)	136
		7.2.1 Objektif Sistem Star Rating	136
		7.2.2 Kriteria Sistem Star Rating	136
		8. PENUTUP	139
Lampiran 1 : Punca Kuasa Perundangan Bagi Proses 2 Hingga Proses 6			144
Lampiran 2 : Struktur Organisasi OSC			162
Lampiran 3 : Senarai Semak Dan Senarai Borang			165
Lampiran 4 : Rujukan			203
• Garis Panduan / Pekeliling Agensi Teknikal Luaran Bagi Proses Kelulusan Pelan Pemajuan			203
• Pekeliling Dan Arahan Pentadbiran KPKT			204
Lampiran 5 : Singkatan			208
Lampiran 6 : Soalan Lazim (<i>Frequently Asked Questions, Faq</i>)			210

PENGHARGAAN

Dalam usaha untuk mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan kerajaan dalam sistem penyampaian permohonan pemajuan di Pusat Setempat (OSC), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersama-sama pelbagai pihak dari lain-lain jabatan dan agensi telah bekerjasama bagi menyediakan Manual OSC 3.0 Plus ini.

Sehubungan dengan itu, sukacita KPKT ingin merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih atas kerjasama dan komitmen daripada pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam proses menyediakan dan menyiapkan Manual OSC 3 Plus seperti yang berikut :

1. Kementerian:
 - a. Kementerian Kerja Raya
 - b. Kementerian Wilayah Persekutuan
 - c. Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli
 - d. Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
 - e. Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
2. Kerajaan Negeri (SUK):
 - a. Setiausaha Kerajaan Negeri Johor
 - b. Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
 - c. Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
 - d. Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
 - e. Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
 - f. Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang
 - g. Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
 - h. Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
 - i. Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
 - j. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
 - k. Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu
3. Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH);
4. *Malaysia Productivity Corporation (MPC)*;
5. *Construction Industry Development Board Malaysia (CIDB)*;
6. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Semenanjung Malaysia;
7. Jabatan/Agensi Teknikal:
 - a. Jabatan Kerja Raya
 - b. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
 - c. Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian
 - d. PLANMalaysia
 - e. Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia
 - f. Jabatan Alam Sekitar
 - g. Jabatan Pengairan dan Saliran
 - h. Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
 - i. Jabatan Landskap Negara
 - j. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
 - k. Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. / Majaari Services Sdn. Bhd.
 - l. Pihak Berkuasa Air Negeri
 - m. Tenaga Nasional Berhad
 - n. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
 - o. Lembaga Lebuhraya Malaysia
 - p. Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)
8. Lembaga dan Pertubuhan Profesional:
 - a. Lembaga Arkitek Malaysia
 - b. Lembaga Jurutera Malaysia
 - c. Lembaga Perancang Bandar Malaysia
 - d. Lembaga Jurukur Tanah Malaysia
 - e. Pertubuhan Akitek Malaysia
 - f. *Malaysia Institute of Planners*
 - g. *Institution of Engineers Malaysia*
 - h. *Institute of Landscape Architects Malaysia*

Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat, penambahbaikan serta pelaksanaan Manual OSC 3.0 Plus ini akan sentiasa dipantau agar ia sesuai dan relevan dengan keperluan semasa. Justeru, penglibatan serta kerjasama berterusan daripada semua pihak amatlah diharapkan demi mempertingkatkan dan melicinkan lagi proses permohonan pemajuan dan pelaksanaan OSC di PBT; khususnya di semua PBT Semenanjung Malaysia.

Sekian, terima kasih.



PRAKATA

Manual OSC 3.0 Plus merupakan dokumen rujukan utama bagi semua *stakeholders* yang terlibat dalam proses pemajuan dan industri pembinaan. Isi kandungannya mengandungi penerangan secara terperinci mengenai tatacara dan proses pengemukaan pemajuan untuk mendapat kelulusan pelan pemajuan terutamanya Kebenaran Merancang (KM), Pelan Kejuruteraan (Pelan Jalan dan Parit dan Pelan Kerja Tanah), Pelan Bangunan, Pelan Lanskap dan lain-lain termasuk permit sementara sebagaimana yang ditetapkan dalam undang-undang. Selain daripada itu, dokumen tersebut juga merangkumi fungsi, objektif, prosedur serta peranan pihak bertanggungjawab bagi semua peringkat sehingga bangunan siap didirikan dan diikuti dengan Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance*, CCC) dikeluarkan.

Penjelasan yang terperinci akan memastikan keseragaman dan ketelusan kepada proses pengemukaan pelan pemajuan, selaras dengan hasrat kerajaan untuk memudahcara pekhidmatan yang disampaikan kepada rakyat. Penentuan prosedur dan tatacara yang jelas akan membolehkan semua pihak memainkan peranan, menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan lebih teratur serta berkesan. Secara tidak langsung, ini akan membawa kepada peningkatan kecekapan dan produktiviti di dalam sektor pembinaan dan pembangunan di Malaysia.

Tambahan pula, dokumen ini boleh dijadikan sebagai alat kawalan rekod di mana sebarang perubahan atau pengemaskinian boleh dipantau bagi tujuan penambahbaikan masa hadapan. Perubahan dan penambahbaikan yang berterusan terutama yang

berpaksikan kepada penerokaan inovasi akan menyumbang kepada kecemerlangan sesebuah negara.

Pemakaian manual ini akan disokong oleh Sistem OSC 3.0 Plus Online yang telah dibangunkan melalui kolaborasi strategik di antara KPKT, MAMPU, Perbadanan Putrajaya dan CIDB. Pembangunan sistem di dalam platform 'web base' ini adalah berpandukan tatacara dan proses yang terdapat di dalam Manual OSC 3.0 Plus. Adalah diharapkan melalui pembangunan sistem ini, ianya dapat membantu kerajaan menyahut cabaran revolusi industri keempat (IR4) sedunia.

Akhir sekali adalah amat penting sekali untuk dinyatakan bahawa Manual OSC 3.0 Plus ini disediakan berasaskan kepada undang-undang yang diwartakan di Malaysia terutamanya yang berkaitan dengan aspek pemajuan tanah dan bangunan. Manual ini di harap dapat menjadi panduan kepada pihak berkuasa terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi/ jabatan teknikal dalam menunaikan amanah dan tanggungjawab dengan berpaksikan kepada kewajaran dan kesahan yang dimaksudkan oleh undang-undang atau '*Doctrine Legitimate Expectation*' untuk memastikan prinsip 'Rule of Law' dapat diterjemahkan dengan sebaik mungkin. Secara tidak langsung ia akan mengukuhkan nilai ketelusan dan nilai integriti yang tinggi dalam perkhidmatan awam sebagai katalis untuk menarik pelaburan dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara ini serta menyediakan persekitaran yang berdayahuni selaras dengan matlamat untuk mencapai Pembangunan Mampan atau '*Sustainable Development Goal*'.



**HAJAH
ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN**

PERUTUSAN MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Memenuhi peranan dan fungsi utama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu antaranya untuk menyediakan dasar dan khidmat nasihat mengenai hal ehwal perancangan, dan pengurusan pemajuan selaras dengan Rancangan Fizikal Negara, KPKT sentiasa mengambil langkah proaktif dalam merangka dasar, panduan dan inisiatif baru untuk meningkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian Kerajaan di semua peringkat. Penyampaian perkhidmatan awam yang efisien, cepat dan telus akan menjadi pemangkin kepada kepesatan pertumbuhan produktiviti negara, selain dapat meningkatkan keyakinan para pelabur untuk menjalankan bisnes di negara ini yang seterusnya akan memberi sumbangan besar kepada ekonomi negara serta kesejahteraan rakyat.

Manual OSC 3.0 *Plus* yang diperkenalkan ini adalah salah satu manifestasi kesungguhan dan usaha pihak kementerian yang berterusan dalam menambahbaik serta meningkatkan tahap kecekapan sistem penyampaian Kerajaan. Manual yang menggantikan Manual OSC 3.0 terdahulu ini akan menjadi panduan utama bagi melaksanakan pengurusan hal ehwal pemajuan oleh Unit Pusat Setempat (OSC) Pihak Berkuasa Tempatan di Semenanjung Malaysia serta pelbagai agensi/jabatan lain yang terlibat. Di samping itu, Manual ini juga akan menjadi rujukan utama kepada semua pihak lain yang berkepentingan, terutamanya pemain industri seperti perunding profesional dan pemaju, dalam memudahkan urusan mendapatkan permit pembinaan.

“Manual OSC 3.0 *Plus* yang diperkenalkan ini adalah salah satu manifestasi kesungguhan dan usaha pihak kementerian yang berterusan dalam menambahbaik serta meningkatkan tahap kecekapan sistem penyampaian Kerajaan.”

Pengenalan Manual OSC 3.0 *Plus* ini juga adalah sejajar dengan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya isu keberkesanan sistem penyampaian Kerajaan dalam urusan mendapatkan permit pembinaan dikaji dan ditangani dengan segera. Manual ini telah disediakan dengan mengambilkira semua pandangan dan maklum balas daripada semua pihak yang berkaitan dalam urusan pemajuan dan pembinaan. Dengan pelaksanaan prosedur yang seragam dan konsisten di semua PBT seluruh negara, pastinya tahap profesionalisme perkhidmatan di semua peringkat dapat ditingkatkan.

Oleh itu, bagi memastikan matlamat penyediaan Manual OSC 3.0 *Plus* ini dapat dicapai, semua pihak adalah diminta agar dapat memberikan komitmen dan kerjasama sepenuhnya dengan mematuhi dan melaksanakan semua prosedur dan proses kerja berpandukan Manual yang telah disediakan ini. Dalam urusan cadangan pemajuan, tanggungjawab untuk meningkatkan tahap kecekapan perkhidmatan bukan hanya terletak di bahu Pihak Berkuasa Tempatan sahaja, tetapi turut melibatkan semua agensi teknikal serta pemain industri yang berkaitan. Oleh itu, semua pihak perlulah komited dalam melaksanakan peranan masing-masing bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah cekap dan efisien.

**DATO' SRI HAJI
MOHAMMAD BIN MENTEK**



PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Sejajar dengan kepesatan pertumbuhan sektor industri pembinaan negara, usaha bagi meningkatkan kecekapan dan kompetensi sistem penyampaian perkhidmatan awam terutamanya di PBT seluruh negara sentiasa diberi perhatian oleh KPKT. Penambahbaikan ke atas proses, prosedur dan tempoh masa yang terlibat di dalam cadangan pemajuan serta urusan permit pembinaan merupakan antara aspek terpenting yang menjadi keutamaan kementerian untuk memastikan ia sentiasa relevan dengan tuntutan semasa serta dapat memenuhi keperluan semua pihak berkepentingan yang terlibat.

Inisiatif penubuhan Unit Pusat Setempat (OSC) di semua PBT di Semenanjung Malaysia telah mula diperkenalkan sejak tahun 2007 dengan objektif untuk menyelaras pelbagai permohonan pemajuan melalui satu sistem dan prosedur yang telus dan seragam. Fungsi dan peranan OSC kemudiannya telah diperkasakan lagi dengan terhasilnya Manual OSC 3.0 pada tahun 2014, yang menetapkan peranan OSC sebagai penyelaras dan pemantau proses pemajuan dari peringkat kelulusan pelan sehingga bangunan layak diduduki, melalui enam (6) proses utama yang digariskan.

Walau bagaimanapun, melalui maklumbalas yang diterima daripada pelbagai pihak yang terlibat dalam sektor pemajuan hartanah khususnya serta para penggiat industri pembinaan secara amnya, terdapat beberapa isu yang timbul sehingga menyebabkan pelaksanaan Manual OSC 3.0 tersebut tidak mencapai matlamat seperti yang diharapkan. Oleh yang demikian, kementerian telah mengkaji semula Manual tersebut bagi mengenalpasti kelemahan atau kekurangan yang ada, terutamanya daripada segi penetapan prosedur yang tidak lengkap atau tidak jelas, untuk diperhalusi dan ditambahbaik. Hasil maklumbalas serta cadangan daripada semua pihak melalui sesi-sesi libat urus dan turun padang, maka Manual OSC 3.0 Plus ini berjaya diterbitkan untuk dijadikan asas panduan yang lebih lengkap dan bersepadu kepada semua.

Secara umumnya, terdapat 3 penambahbaikan utama telah diperkenalkan di dalam Manual OSC 3.0 Plus terbaharu ini berbanding versi yang terdahulu iaitu; (i) Penetapan Kebenaran Merancang kepada 3 Kategori iaitu Kecil, Sederhana dan Besar; (ii) Penyelarasan jumlah Senarai Semak mengikut kategori Kebenaran Merancang; dan (iii) Penetapan Tempoh Masa kelulusan mengikut kategori Kebenaran Merancang.

Demi untuk memastikan Manual OSC 3.0 Plus ini dapat dilaksanakan dengan lebih seragam, cekap dan berkesan untuk digunapakai sepenuhnya di semua PBT seluruh negara, kementerian telah mengambil inisiatif tambahan dengan memperkenalkan sistem OSC atas talian yang canggih iaitu dinamakan Sistem OSC 3.0 Plus Online. Sistem ini telah dibangunkan secara khusus untuk menyokong pelaksanaan Manual OSC 3.0 Plus melalui kaedah digital sepenuhnya untuk semua proses yang terlibat di dalam urusan permohonan, pertimbangan dan kelulusan sesebuah pelan pemajuan. KPKT berharap agar inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan ini dapat memberi manfaat kepada semua yang terlibat, selain dapat membantu menyumbang ke arah pencapaian aspirasi pembangunan negara.





PENDAHULUAN

Latar Belakang

Kronologi

Kategori Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

MANUAL OSC 3.0 PLUS

Proses dan Prosedur Cadangan Pemajuan
Serta Pelaksanaan Pusat Setempat (OSC)

1. PENDAHULUAN

1.1 LATAR BELAKANG

Setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mempunyai tanggungjawab yang besar bagi mengawal pemajuan di kawasan pentadbirannya. Sistem penyampaian prosedur pemajuan sedia ada adalah OSC 3.0, iaitu versi ketiga sejak Pusat Setempat (*One Stop Centre, OSC*) ditubuhkan pada 13 April 2007. Pihak PBT akan menerima permohonan pemajuan dan menyelaras ulasan Agensi Teknikal Luaran (ATL) serta Agensi Teknikal Dalaman (ATD) melalui OSC. Jawatankuasa OSC di dalam PBT adalah jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Seksyen 28 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) bagi membuat pertimbangan untuk melulus atau menolak permohonan pemajuan tersebut.

OSC 3.0 telah diperkenalkan pada 1 Jun 2014 bagi mengatasi masalah kelewatan kelulusan pemajuan. Sistem tersebut memberi penumpuan terhadap pengurangan prosedur, masa dan kos serta merangkumi 6 proses utama. OSC 3.0 juga menggunakan platform atas talian *OSC Online* untuk menerima dan memproses permohonan pemajuan. Selain daripada itu, laman sesawang *Portal OSC* boleh dirujuk untuk semakan status permohonan tersebut.

Walaupun sistem OSC 3.0 telah memudahcara prosedur pemajuan sebelum ini, ia masih mengalami masalah seperti berikut:



- i. Manual OSC 3.0 tidak memperincikan tatacara proses menyebabkan kaedah pelaksanaan OSC 3.0 berbeza-beza di serata PBT
- ii. Kesukaran ATL untuk menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa OSC
- iii. Kegagalan ATL untuk memberi ulasan dalam tempoh 7 hari yang ditetapkan
- iv. Kompetensi Orang Utama Yang Mengemukakan (*Principal Submitting Person, PSP*) tidak seragam

1.2 KRONOLOGI

Melaksanakan sistem penyampaian perkhidmatan bagi memberikan kelulusan pelan pemajuan dan permit pembinaan merupakan salah satu daripada tanggungjawab utama Pihak Berkuasa Tempatan. Peranan tersebut bermula sejak era pra kemerdekaan berdasarkan kepada peruntukan undang-undang yang ditambahbaik dikenali sebagai *Town Board Enactment* (FMS CAP 137) pada tahun 1947 yang sebelumnya dikenali sebagai *Town Planning Enactment 1927* dan *Town Planning Enactment 1923*. Fungsi dan kuasa PBT terus diperkasakan dalam era selepas kemerdekaan melalui pewujudan set perundangan yang lebih sistematik dan fokus kepada hal-ehwal pentadbiran dan bidang kuasa kerajaan peringkat ketiga atau kerajaan tempatan. Penubuhan MAGERAN (Majlis Gerakan Negara) pada tahun 1969 yang bertujuan untuk menyusun semula undang-undang PBT di Tanah Melayu telah memansuhkan *Town Board Enactment* dan digantikan dengan 3 set perundangan utama dan sangat penting iaitu Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta 171, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Akta 172 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Akta 133.

Berkuatkuasanya peruntukan undang-undang tersebut, PBT menjalankan proses dan prosedur pengurusan pelan pemajuan mengikut garis panduan masing-masing dan ia mencetuskan perbezaan antara satu sama lain walaupun ia berasaskan kepada set dan sistem perundangan induk yang sama. Ketidakteraturan tersebut telah menyebabkan isu ketidakcekapan sistem penyampaian Pihak Berkuasa Tempatan yang berada di bawah kawal selia Pihak Berkuasa Negeri. Sejaran dengan Perlembagaan Persekutuan, melalui penubuhan Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) yang dipertanggungjawabkan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berperanan untuk memastikan sistem penyampaian perkhidmatan PBT seiring dengan dasar dan polisi kerajaan persekutuan.

Oleh yang demikian menjelang tahun 2007 inisiatif penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan awam di PBT telah dilaksanakan oleh KPKT sebagai satu usaha kerajaan persekutuan membantu kerajaan negeri bagi menyediakan satu dasar dan panduan untuk mencapai matlamat sistem penyampaian yang efektif, cepat, cekap dan berdaya saing. Selain itu semua agensi dan jabatan kerajaan yang berkaitan dengan PBT juga

Justeru itu, semenjak tahun 2017, pelbagai penambahbaikan telah dibuat kepada sistem OSC 3.0 berdasarkan sesi libat urus dan perjumpaan *Town Hall* serta maklumbalas daripada semua pihak *stakeholders* yang terlibat dalam industri pembangunan. Hasilnya adalah sistem penyampaian prosedur pemajuan versi terkini, iaitu **OSC 3.0 Plus**, yang akan menggantikan OSC 3.0.

hendaklah terus berusaha membina budaya kerja untuk meningkatkan kepuasan pelanggan dan produk yang bermutu tinggi. Maka dengan itu satu tatacara yang mengandungi proses dan prosedur kerja yang seragam telah disediakan oleh pihak KPKT sebagai panduan kepada semua PBT dalam menguruskan hal-ehwal untuk memberikan kelulusan pelan pemajuan dan permit pembinaan.

Seiring dengan itu kerajaan persekutuan telah mewujudkan satu entiti baharu di PBT yang dikenali sebagai Unit Pusat Setempat (OSC) bagi memantau dan mengawalselia pelaksanaan tatacara atau panduan tersebut. Era baru pengurusan dan pentadbiran ini tidak melibatkan sebarang perubahan atau pindaan kepada undang-undang sedia ada. Walau bagaimanapun semua ketetapan dan tatacara yang disediakan telah mendapat persetujuan di peringkat Jemaah Menteri dan Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan. Evolusi era baru iaitu pengenalan OSC di Pihak Berkuasa Tempatan bagi mengurus dan mengawalselia proses dan prosedur pelan-pelan pemajuan bermula pada tahun 2000 dan terus mengalami pelbagai peringkat penambahbaikan utama sebagaimana berikut;

- a. Tahun 2007 – Penyediaan Buku Panduan Penambahbaikan Sistem Penyampaian Prosedur Dan Proses Cadangan Pemajuan Serta Pelaksanaan Pusat Setempat serta disokong oleh sistem merekod data secara digital melalui Portal OSC;
- b. Tahun 2010 dan 2011 – Status OSC ditambahbaik melalui penyediaan sistem OSC *Online* dan penyediaan *Template* ISO Proses - Proses Utama OSC Versi MS ISO 9001:2008 dan *Template* Seragam Senarai Semak Dokumen Dan Senarai Semak Terperinci Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi Teknikal Luaran;
- c. Tahun 2014 – Pelaksanaan OSC 3.0.

Dalam tempoh masa tersebut sehingga kini, ianya telah mengalami perubahan dan penambahbaikan. Kronologi pelaksanaan OSC yang bermula pada tahun 2000 adalah seperti berikut ([sila rujuk Rajah 1.1](#)):

MANUAL OSC 3.0 PLUS

Proses dan Prosedur Cadangan Pemajuan
Serta Pelaksanaan Pusat Setempat (OSC)

Rajah 1.1 : Kronologi Pusat Setempat (OSC) di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

KRONOLOGI PUSAT SETEMPAT (OSC) DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)



21 | **APRIL**
2000

**MNKT Ke-48**

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) bangkitkan **isu-isu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) lewat mengeluarkan Sijil Kelayakan Menduduki (CFO)**

**MNKT Ke-49**

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) kemukakan **Draf Laporan Kajian Unit Pusat Setempat (OSC) kepada Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) pada 3 Ogos 2001.**



04 | **MEI**
2001



Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) **perlu kaji Garis Panduan Proses Kelulusan Pembangunan dan Pertimbangan Pelaksanaan Unit Pusat Setempat (OSC) di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**



08 | **APRIL**
2002

**MNKT Ke-50**

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengenalpasti Unit Pusat Setempat (OSC) setelah mendapati OSC merupakan cara mempercepatkan permohonan Sijil Kelayakan Menduduki (CFO)





MNKT Ke-51

Pusat Setempat (OSC) diterimapakai dan dilaksanakan di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan peringkat negeri

13 OGOS 2003



MNKT Ke-52

Kerajaan Negeri memantau pelaksanaan Pusat Setempat (OSC).

Kementerian Tenaga Teknologi Hijau Dan Air (KeTTHA) memperkemas proses kelulusan pelan pembentangan.



MNKT Ke-53

Pindaan terhadap Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 untuk ketatkan syarat bagi pemaju.



11 OKTOBER 2004

Perbincangan antara KPKT, MAMPU, PBT dan agensi teknikal yang terlibat bagi inisiatif *Fastlane* kepada pengguna.

13 OKTOBER 2005



Sistem Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) diperkenalkan dan diterimapakai di semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menggantikan Sijil Kelayakan Menduduki (CFO)

MNKT Ke-54

Sistem Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) diperkenalkan dan dipanjangkan untuk pelaksanaan oleh PBT pada tarikh yang ditetapkan.



22 JUN 2006
25 SEPTEMBER 2006
28 NOVEMBER 2006

MNKT Ke-55

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) menyediakan Garis Panduan Penambahbaikan Proses Kebenaran Merancang mengikut Akta 172 untuk rujukan pihak-pihak terlibat.

Pindaan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1974 (Pindaan) 2006 oleh KPKT akan dibentangkan pada MNKT Ke-57.

MNKT Ke-56

Unit Pusat Setempat (OSC), PBT dalam proses meluaskan fungsi. **Garis Panduan Pelaksanaan CCC, COB dan OSC dilancarkan** untuk Penambahbaikan dan Pengurusan Hartanah.

MNKT Ke-57, MNKT Ke-58 & MNKT Ke-59

KPKT membentangkan kertas makluman status pelaksanaan OSC.

Kerajaan Negeri menubuhkan OSC baru bagi menerima dan memproses cadangan pemajuan.

Kerajaan Negeri melaksanakan sistem Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) mengikut dasar negeri masing-masing.

23 MAC 2007



OSC telah dilancarkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 13 April 2007

Ia bertujuan bagi memendekkan prosedur dan proses permohonan cadangan pemajuan, sekaligus mempercepatkan kelulusan cadangan pemajuan oleh PBT.



03 JUN 2008
02 DISEMBER 2008

MNKT Ke-60 & MNKT Ke-61

Proses penambahbaikan dan fungsi OSC merujuk kepada **Surat Pekeliling Bilangan 6 Tahun 2008**.

KPKT mengadakan **Bengkel e-Readiness PBT** untuk memastikan kesediaan PBT untuk melaksanakan OSC *online*.

Makluman mengenai status pelaksanaan OSC bagi tempoh 13 April 2007 sehingga 31 Oktober 2008.




MNKT Ke-62

Makluman mengenai keahlian Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) di dalam usaha penambahbaikan pelaksanaan OSC.

Makluman mengenai status pelaksanaan OSC bagi tempoh 13 April 2007 sehingga 31 Oktober 2009.

17 SEPTEMBER 2009



02 SEPTEMBER 2010

MNKT Ke-63

Makluman mengenai status pelaksanaan OSC bagi tempoh 13 April 2007 sehingga 31 Ogos 2009.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengambil tindakan untuk meningkatkan kedudukan Ranking-Malaysia dalam *World Bank-Doing Business Report* khususnya bagi *indicator Dealing With Construction Permits*.



MNKT Ke-64

Makluman mengenai status pelaksanaan OSC bagi tempoh 13 April 2007 sehingga 30 April 2011 berkaitan dengan cadangan pemajuan.

23 MEI 2011



21 MAC 2012

MNKT Ke-65

Makluman mengenai status pelaksanaan OSC bagi tempoh 13 April 2007 sehingga 31 Januari 2012



MNKT Ke-66

Model Baru OSC diperluaskan melalui Bengkel Pemantapan Urusan Permit Pembinaan dan berkuatkuasa **pemakaiannya mulai 1 Jun 2014**.

03 SEPTEMBER 2013



Semua Kerajaan Negeri telah membuatkan edaran pekeliling kecuai Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Kelantan, Kedah, Terengganu dan Johor.




04 MAC 2014

MNKT Ke-67

Makluman mengenai status pelaksanaan OSC bagi tempoh 13 April 2007 sehingga 31 Disember 2013.

OSC 3.0 dilaksanakan sepenuhnya di semua PBT mulai **1 Jun 2014**.

Makluman mengenai pemantapan Urusan Pengeluaran Permit Pembinaan melalui **OSC 3.0 yang mengurangkan prosedur, masa dan kos mengeluarkan Permit Pembinaan**. OSC 3.0 melibatkan **6 proses utama**.



MNKT Ke-72

KPKT akan menambah baik Manual OSC 3.0 kepada Manual OSC 3 Plus melalui penyediaan dan penetapan prosedur yang jelas dan terperinci berdasarkan peruntukan undang-undang dan peraturan untuk memudahkan dan mempercepatkan proses kelulusan projek.

06 SEPTEMBER 2018



1.3. KATEGORI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

Terdapat tiga (3) kategori Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah. Kategori PBT adalah berdasarkan kriteria seperti berikut:

BIL.	KRITERIA	MAJLIS BANDARAYA	MAJLIS PERBANDARAN	MAJLIS DAERAH
1.	Keterangan	<ul style="list-style-type: none"> Kawasan pusat pentadbiran sesebuah negeri. Melebihi 500,000 orang. 	<ul style="list-style-type: none"> Bandar utama atau pusat pentadbiran sesebuah negeri ataupun daerah. 	<ul style="list-style-type: none"> Kawasan selain bandar utama.
2.	Penduduk	<ul style="list-style-type: none"> Sumber kewangan yang mapan. 	<ul style="list-style-type: none"> Melebihi 150,000 orang. 	<ul style="list-style-type: none"> Kurang daripada 150,000 orang.
3.	Pendapatan	<ul style="list-style-type: none"> Hasil tahunan tidak kurang dari RM100 juta. Mampu mengimbangkan perbelanjaan. 	<ul style="list-style-type: none"> Sumber kewangan yang mapan. Hasil tahunan tidak kurang dari RM20 juta. Menyediakan perkhidmatan yang selesa. 	<ul style="list-style-type: none"> Hasil tahunan kurang daripada RM20 juta.
4.	Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan perkhidmatan pada tahap yang tinggi. 	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan ruang dan peluang kepada para peniaga. Menggalakkan pertumbuhan aktiviti pelaburan, perniagaan dan komersial. 	<ul style="list-style-type: none"> Lebih tertumpu kepada kemudahan infrastruktur dan utiliti awam.
5.	Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> Menekankan kepada pembangunan mapan. Memberi tumpuan kepada usaha untuk menangani isu-isu perbandaran seperti setinggan, operasi kilang haram, keselamatan, perumahan untuk golongan berpendapatan rendah dan pemeliharaan alam sekitar. Indikator bandar mapan seperti yang ditekankan dalam Sistem <i>Malaysia Urban Indicator Network</i> (MURNInet). 	<ul style="list-style-type: none"> Perancangan bandar yang mapan yang berupaya menyediakan persekitaran yang selamat dan selesa untuk didiami. Indikator bandar mapan seperti yang ditekankan dalam Sistem <i>Malaysia Urban Indicator Network</i> (MURNInet). 	<ul style="list-style-type: none"> Tiada
6.	Kemudahan Lain	<ul style="list-style-type: none"> Mempunyai pusat perindustrian, institusi kewangan, pusat institusi pendidikan yang lengkap, pusat kepada aktiviti kebudayaan, acara sukan dan riadah. Kemudahan infrastruktur yang lengkap, utiliti awam termasuklah taman-taman awam yang mesra pengguna terutamanya kepada OKU. Pengiktirafan tertentu sama ada di peringkat kebangsaan atau pun antarabangsa. 	<ul style="list-style-type: none"> Manggalakkan penduduk setempat untuk membangunkan komuniti masing-masing melalui tadbir urus bandar yang cekap seperti pelaksanaan Program <i>Local Agenda 21</i> (LA 21). 	<ul style="list-style-type: none"> Tiada







MANUAL OSC 3.0 PLUS

Proses dan Prosedur
Cadangan Pemajuan
Serta Pelaksanaan
Pusat Setempat (OSC)

2

PUNCA KUASA PERUNDANGAN

Tafsiran Berdasarkan Peruntukan Perundangan

Pemajuan Yang Memerlukan Kebenaran Merancang

Pemajuan Yang Boleh Dikecualikan Kebenaran Merancang (EXPA)

2. PUNCA KUASA PERUNDANGAN

Semua aspek pembangunan perlu berasaskan peruntukan perundangan semasa. Ia penting bagi memastikan semua proses dan prosedur kerja dari sebarang tindakan penguatkuasaan adalah berdasarkan punca kuasa yang sah seperti di Jadual 2.1 dan Jadual 2.2.

Jadual 2.1 : Akta dan Agensi Yang Terlibat

BIL.	AGENSI KERAJAAN	PERUNDANGAN	NAMA LAIN
1.		Perlembagaan Persekutuan 1948	
2.	JKT	Akta Kerajaan Tempatan 1976	Akta 171
3.	PLANMalaysia	Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976	Akta 172
4.	JKPTG	Kanun Tanah Negara 1965	Akta 56
5.	JKT	Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974	Akta 133
6.	JAS	Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974	Akta 127
7.	KKR	Akta Jalan Persekutuan	Akta 376
8.	JPS	Akta Kerja-Kerja Saliran 1954 (1988)	
9.	PPSPPA	Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007	Akta 672
10.	SPAN	Akta Industri Perkhidmatan Air 2006	Akta 655
11.	TNB	Akta Bekalan Elektrik 1990	Akta 447
12.	SKMM	Akta Komunikasi dan Multimedia 1998	Akta 588
13.	JBPM	Akta Perkhidmatan Bomba 1988	Akta 341
14.	KPM	Akta Pengangkutan Jalan 1987	Akta 333
15.	LLM	Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) 1980	Akta 231
16.	JKPTG	Akta Pengambilan Tanah 1960	Akta 486
17.	JWN	Akta Warisan Kebangsaan 2005	Akta 645
18.	JMG	Akta Pembangunan Mineral 1994	Akta 525
19.	JMG	Akta Penyiasatan Kaji Bumi 1974	Akta 129
20.	JKPTG	Akta Hakmilik Strata 1985	Akta 318
21.	COB	Akta Pengurusan Strata 2013	Akta 757
22.	JKKP	Akta Kilang dan Jentera 1967	Akta 139
23.	JKKP	Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994	Akta 154
24.	PLANMalaysia	Akta Perancang Bandar 1995	Akta 538
25.	LJM	Akta Pendaftaran Jurutera 1967	Akta 138
26.	LAM	Akta Arkitek 1976	Akta 117
27.	JMG	Akta Ahli Geologi 2008	Akta 689
28.	JPN	Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 + Peraturan-peraturan	Akta 118

Jadual 2.2 : Undang-undang Kecil dan Kaedah-Kaedah Pewartaan Negeri

BIL.	AGENSI KERAJAAN	PERUNDANGAN	NAMA LAIN
1.	JKT	Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984	UKBS 1984
2.	PBT	Undang-Undang Kecil Kerja Tanah	
3.	JAS	Perintah Kualiti Alam Sekeliling	
4.	PLANMalaysia	Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan Am	KPPA
5.	PLANMalaysia	Kaedah Caj Pemajuan	
6.	PLANMalaysia	Kaedah Lembaga Rayuan	
7.	PLANMalaysia	Kaedah Orang Berkelayakan	
8.	Pihak Berkuasa Negeri	Undang-Undang, Enakmen, Undang-Undang Kecil (Kaedah-Kaedah) yang diwartakan	

2.1. TAFSIRAN BERDASARKAN PERUNTUKAN PERUNDANGAN

Tafsiran utama bagi jenis-jenis Pelan Cadangan Pemajuan adalah seperti berikut :

BIL.	PROSES TERLIBAT	RUJUKAN PERUNDANGAN
1.	Kebenaran Merancang	<p>1. Subseksyen 2(1); Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172)</p> <p><i>Mentakrifkan 'Kebenaran Merancang' sebagai kebenaran yang diberikan, dengan atau tanpa syarat, untuk menjalankan pemajuan.</i></p> <p>2. Subseksyen 19(1); Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172)</p> <p><i>Bahawa tiada seorang pun, selain Pihak Berkuasa Tempatan, boleh memulakan, mengusahakan atau menjalankan apa-apa pemajuan melainkan jika Kebenaran Merancang berkenaan dengan pemajuan itu telah diberikan kepadanya dibawah Seksyen 22 atau dilanjutkan dibawah Seksyen 24(3).</i></p>
2.	Jalan Dan Parit	<p>3. Subseksyen 9(1) Akta 133; Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)</p> <p>9. Orang persendirian membuat jalan baharu (1) <i>Tiada seorang pun boleh membuat apa-apa jalan tanpa mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan.</i></p>
3.	Bangunan	<p>4. Subseksyen 70(1); Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)</p> <p>70. Notis mengenai bangunan baharu (1) <i>Tiada seorang pun boleh mendirikan sesuatu bangunan tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan</i></p>
4.	Kerja Tanah	<p>5. Subseksyen 70A(1) Akta 133; Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).</p> <p>70A. Kerja tanah (1) <i>Tiada seorang pun boleh memulakan menjalankan atau membenarkan supaya dimulakan atau dijalankan sesuatu kerja tanah tanpa terlebih dahulu mengemukakan kepada pihak berkuasa tempatan pelan dan penentuan berkenaan dengan kerja tanah itu dan mendapat kelulusan pihak berkuasa tempatan mengenainya.</i></p>

Definisi Yang Berkaitan Dengan Permohonan Cadangan Pemajuan

Cadangan pemajuan melibatkan pelbagai aktiviti dan proses dan penyediaan dokumen-dokumen tertentu. Tafsiran-tafsiran yang berkaitan ialah:-

BIL.	PROSES TERLIBAT	RUJUKAN PERUNDANGAN
1.	Agensi Teknikal Dalaman	Jabatan / Bahagian / Unit Teknikal di dalam PBT yang memproses permohonan untuk mengeluarkan perakuan atau membuat semakan pematuhan untuk mengeluarkan ulasan teknikal untuk dipertimbangkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa OSC. Bagi Jabatan / Bahagian / Unit Teknikal ini yang diturunkan kuasa untuk membuat keputusan terhadap sesuatu permohonan, keputusan masih perlu dimaklumkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa OSC.
2.	Agensi Teknikal Luaran	Jabatan / Agensi Teknikal di luar PBT yang memproses permohonan melalui semakan pematuhan kepada permohonan untuk mengeluarkan ulasan

BIL.	PROSES TERLIBAT	RUJUKAN PERUNDANGAN
		<p>teknikal sebagai input kepada jabatan memproses mengeluarkan perakuan. Di antara Jabatan / Agensi Teknikal Luaran termasuklah PLANMalaysia Negeri, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Mineral dan Geosains, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Alam Sekitar, Pentadbiran Tanah Negeri, Pihak Berkuasa Air Negeri, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Tenaga Nasional Berhad, Indah Water Konsortium/ Majaari Services dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.</p> <p>Sebarang cadangan tambahan rujukan Agensi Teknikal Luaran yang berkaitan atau mengikut keperluan Negeri perlu mendapat kelulusan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).</p>
3.	Bangunan	<p>Termasuklah apa-apa rumah, pondok, bangsal atau kepungan beratap, sama ada digunakan atau tidak digunakan sebagai kediaman manusia, dan apa-apa tembok, pagar, pelantar, perancah, pintu pagar, tiang, pilar, pagar pancang, bingkai, papan dinding, pelancar, limbungan, dermaga, tembok sambut jeti, pentas pengkalan, atau jambatan dan apa-apa struktur, topang atau asas yang bersambung pada atau dengan mana-mana daripada struktur itu;</p>
4.	Jabatan Memproses/ Memperaku	<p>Jabatan / Bahagian / Unit Teknikal yang memproses sesuatu permohonan bagi mengeluarkan perakuan terhadap permohonan untuk dipertimbangkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa OSC. Pemprosesan adalah melibatkan 3 peringkat utama yang berturutan iaitu bermula dengan proses semakan, penilaian dan pengesahan.</p>
5.	Jabatan yang mengeluarkan ulasan teknikal	<p>Jabatan / Bahagian / Unit Teknikal yang membuat semakan pematuhan ke atas permohonan bagi mengeluarkan ulasan teknikal sebagai input kepada jabatan memproses melengkapkan perakuan. Proses semakan pematuhan juga melibatkan 3 peringkat utama yang berturutan iaitu bermula dengan proses semakan, penilaian dan pengesahan.</p>
6.	Kerja bangunan	<p>Ertinya meruntuhkan, mendirikan, mendirikan semula, atau meluaskan suatu bangunan atau sebahagian daripadanya termasuklah :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Apa-apa tambahan pada ketinggian atau luas lantai suatu bangunan; ii. Membuat bumbung atau membuat semula bumbung suatu bangunan atau sebahagian daripadanya; iii. Apa-apa tambahan atau pengubahan kepada suatu bangunan yang menjejaskan atau mungkin akan menjejaskan susunan saliran atau kebersihannya atau keteguhannya; iv. Apa-apa tambahan atau pengubahan kepada suatu bangunan sama ada dibuat sebelum atau selepas bangunan itu siap, yang menyimpang dengan apa-apa cara daripada mana-mana pelan atau ketentuan berkenaan dengan bangunan itu, yang diluluskan pada bila-bila masa oleh mana-mana undang-undang bertulis untuk meluluskan pelan dan ketentuan itu; v. Apa-apa tambahan atau pengubahan kepada suatu bangunan yang menjejaskan secara material atau mungkin akan menjejaskan secara material bangunan itu dengan apa-apa cara; dan vi. Apa-apa kerja lain yang biasanya dilakukan oleh seseorang yang menjalankan urusan pembinaan bangunan.
7.	Kerja kejuruteraan	<p>Termasuklah membentuk atau meratakan tanah, membentuk atau menyediakan jalan masuk ke suatu jalan, atau memasang kabel, sesalur, atau menyediakan bekalan air atau aliran</p>
8.	Kerja tanah	<p>Termasuklah apa-apa perbuatan mengorek, merata, menimbus dengan apa-apa bahan, atau menebang pokok atas mana-mana tanah, atau apa-apa perbuatan lain yang menyentuh atau mengganggu mana-mana tanah</p>

BIL.	PROSES TERLIBAT	RUJUKAN PERUNDANGAN
9.	Kelulusan Jawatankuasa OSC	Kelulusan yang diberi dengan syarat atau tanpa syarat tetapi bukan kelulusan rasmi. Bagi kelulusan dengan syarat-syarat atas pelan, maka peluang 2 kali berturut-turut Mesyuarat Jawatankuasa OSC hendaklah diberi kepada pemohon bagi melengkapkan permohonan dan sekiranya gagal dipatuhi, Mesyuarat Jawatankuasa OSC boleh menolak permohonan tersebut. Bagi permohonan yang mematuhi syarat dan permohonan yang diluluskan dengan syarat semasa pembinaan, maka kelulusan rasmi hendaklah dikemukakan dalam tempoh maksimum 19 hari dari tarikh keputusan Mesyuarat Jawatankuasa OSC.
10.	Kelulusan Rasmi	Kelulusan yang diberi dengan disertakan dengan pelan-pelan yang telah diperakumkan untuk menjalankan pemajuan. Pengarah Jabatan Memperaku PBT yang berkaitan hendaklah bertanggungjawab untuk mengeluarkan kelulusan rasmi dalam tempoh yang ditetapkan.
11.	Laporan Cadangan Pemajuan	Termasuklah laporan mengenai sesuatu cadangan pemajuan yang hendak dicadangkan dan dibuat kepada pihak berkuasa perancang tempatan serta perlu mengikut bentuk, mengandungi butir-butir dan disertakan dengan dokumen, pelan dan bayaran yang telah ditetapkan di bawah subseksyen 21A(1) Akta 172.
12.	Mesyuarat Jawatankuasa OSC	Mesyuarat Jawatankuasa OSC dipengerusikan oleh Yang Dipertua PBT atau pengerusi ganti yang dilantik dalam kalangan ahli-ahli Jawatankuasa OSC yang dilantik. Pembentukan Jawatankuasa OSC adalah selaras seksyen 28, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dengan keahliannya terdiri daripada wakil-wakil jabatan teknikal luaran dan jabatan teknikal dalaman PBT serta 4 orang Ahli Majlis (tambahan 2 orang Ahli Majlis sekiranya diperlukan, duduk bersidang sebagai pemerhati sahaja). PBT dari masa ke semasa dibenarkan menjemput wakil-wakil jabatan teknikal lain untuk memberi maklumbalas dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC.
13.	Pelan susun atur	Ertinya pelan cadangan pemajuan secara berskala dan termasuklah: <ul style="list-style-type: none"> i. pelan yang menunjukkan aturan atau perancangan umum bangunan dan sebagainya; ii. sebahagian daripada pelan tempatan yang direka bentuk secara terperinci sebagai asas rujukan pembangunan; dan iii. pelan yang menunjukkan susunan ruang dalam sesebuah bangunan atau kawasan.
14.	Pemajuan	Ertinya menjalankan apa-apa kerja bangunan, kejuruteraan, perlombongan, perindustrian, atau apa-apa kerja lain yang seumpamanya pada, di atas, di sebelah atas atau di bawah tanah, membuat apa-apa perubahan material mengenai penggunaan mana-mana tanah atau bangunan atau mana-mana bahagian daripadanya, atau memecah sempadan atau mencantumkan tanah; dan “ memajukan ” hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.
15.	Perindustrian	Termasuklah pembinaan atau penyenggaraan kilang, bengkel, fondri, gudang, limbungan, jeti, keretapi atau bangunan atau pemasangan lain untuk mengilang, melebur, pengeluaran dan penyebaran kuasa, penyimpanan, pemasangan, pemprosesan, pengangkutan atau penyebaran barang-barang.
16.	Perlombongan	Termasuklah aktiviti-aktiviti untuk mengeluarkan, memindah, menggali atau menggunakan apa-apa bahan batuan yang terdapat di dalam atau di atas tanah.
17.	Pertanian	Termasuklah hortikultur, perladangan, penanaman tanaman, pokok buah-buahan, sayur-sayuran, atau pokok, penanaman tumbuh-tumbuhan untuk digunakan sebagai makanan binatang, perladangan tenusu, pembiakan dan pemeliharaan ternakan, ikan, atau lebah, dan menggunakan tanah bagi maksud tambahan pada mana-mana kegiatan itu atau pada mana-mana kegiatan pertanian yang lain; tetapi tidak termasuk menggunakan tanah sebagai sebuah taman untuk digunakan bersama dengan suatu bangunan yang bercantum pada tanah itu; dan “ pertanian ” hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

BIL.	PROSES TERLIBAT	RUJUKAN PERUNDANGAN
18.	Principal Submitting Person – PSP (orang utama yang mengemukakan)	Orang yang berkeelayakan yang mengemukakan pelan bangunan kepada pihak berkuasa tempatan untuk kelulusan mengikut Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam dan termasuklah mana-mana orang yang berkeelayakan lain yang mengambil alih kewajipan dan tanggungjawab atau bertindak untuk orang yang berkeelayakan yang pertama disebut itu mengikut undang-undang kecil 7.
19.	Pemohon Submitting Person – SP (orang yang mengemukakan)	Orang yang berkeelayakan yang mengemukakan pelan, selain pelan bangunan, kepada pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun yang berkaitan mengikut Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam dan termasuklah mana-mana orang yang berkeelayakan lain yang mengambil alih kewajipan dan tanggungjawab atau bertindak untuk orang yang berkeelayakan yang perta disebut mengikut undang-undang kecil 7.
20.	Tanah	Termasuklah : i. Permukaan bumi, dan segala benda yang menjadi permukaan bumi; ii. Segala benda di bawah permukaan bumi; iii. Segala tumbuh-tumbuhan dan keluaran semula jadi yang lain, sama ada atau tidak memerlukan penggunaan buruh secara berkala untuk pengeluarannya, dan sama ada di atas atau di bawah permukaan bumi; iv. Segala benda, sama ada di atas atau di bawah permukaan bumi, yang bercantum pada bumi atau yang terpasang dengan kekal pada apa-apa benda yang bercantum pada bumi; v. Tanah yang diliputi air; dan vi. Apa-apa harta atau kepentingan mengenai, atau hak ke atas, tanah.

2.2. PEMAJUAN YANG MEMERLUKAN KEBENARAN MERANCANG

Pada dasarnya, semua aktiviti pemajuan dikehendaki untuk mengemukakan permohonan kebenaran merancang. Umumnya, berdasarkan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Akta 172, aktiviti pemajuan yang memerlukan Kebenaran Merancang terbahagi kepada 3 kumpulan utama seperti berikut;

- i. Kerja Operasi;
- ii. Perubahan Material (material change of use);
- iii. Pecah Sempadan dan Cantuman Tanah.

i. KERJA OPERASI

Kerja operasi adalah yang berbentuk operasi iaitu menjalankan kerja-kerja:

- a. Bangunan termasuk merobohkan bangunan;
- b. Kejuruteraan;
- c. Perlombongan; dan
- d. Perindustrian.

atau yang seumpamanya, pada, di atas, di sebelah atas atau di bawah tanah.

ii. PERUBAHAN MATERIAL

Perubahan material bermaksud membuat sesuatu perubahan yang ketara tentang penggunaan sesuatu tanah, atau bangunan atau mana-mana bahagian daripadanya. Bagi mengelakkan keraguan dalam hal ini subseksyen 2(2) Akta 172 menjelaskan dengan lebih lanjut apa yang dimaksudkan dengan istilah

perubahan material tentang penggunaan tanah merangkumi :

- a. tempat pembuangan sampah; dan
- b. penggunaan tanah yang tidak memenuhi peruntukan rancangan pemajuan.

Manakala perubahan bangunan pula merangkumi:

- a. tambahan kepada bilangan unit dalam sesuatu bangunan;
- b. penggunaan bangunan yang pada mulanya bukan untuk kediaman manusia;
- c. perubahan atau tambahan kepada sesuatu bangunan;
- d. penggunaan bangunan yang bertentangan dengan peruntukan rancangan pemajuan; dan
- e. penggunaan bangunan yang mula-mulanya yang dibina sebagai rumah tempat tinggal kemudian digunakan bagi maksud lain.

Aktiviti “pemajuan” dalam konteks ini tidak melibatkan sebarang perubahan fizikal kepada tanah atau bangunan sebaliknya ia semata-mata berkaitan dengan perubahan tentang penggunaan tanah atau bangunan tersebut.

Sebagai contoh:-

“Sesebuah bangunan yang dihuni sebagai rumah kediaman ditukar kegunaannya kepada pejabat tanpa mengubah struktur bangunan itu. Ini disifatkan sebagai ‘perubahan penggunaan’ dan memerlukan Kebenaran Merancang”.

Perubahan kepada sifat kegunaan tanah atau bangunan boleh juga disifatkan sebagai pemajuan. Sebagai contoh:-

“Sesebuah bangunan rumah kediaman ditukar kepada bangunan perniagaan seperti bilik pameran, restoran, klinik dan seumpamanya”.

iii. MEMECAH SEMPADAN DAN MENCANTUM TANAH

Komponen ketiga dalam istilah “pemajuan” adalah melibatkan pecah sempadan atau cantuman tanah yang perlu mendapatkan kelulusan kebenaran merancang terlebih dahulu.

Ia adalah sejajar dengan ketetapan yang digariskan didalam Kanun Tanah Negara dimana Kelulusan bagi hal ehwal tanah termasuk pecah sempadan, cantuman, tukar syarat dan pecah sempadan dan penyerahan balik dan pemberimilikan semula atau hendaklah mendapatkan kelulusan KM terlebih dahulu dari Pihak Berkuasa Perancang Tempatan.

2.3. PEMAJUAN YANG BOLEH DIKECUALIKAN KEBENARAN MERANCANG EXEMPTION FROM PLANNING APPROVAL (EXPA)

Subseksyen 19(2) Akta 172, telah memberi pengecualian kepada beberapa bentuk atau jenis pemajuan. Berdasarkan **Panduan Pelaksanaan Pengecualian Kebenaran Merancang** yang diterbitkan pada tahun 2011 oleh PLANMalaysia, beberapa cadangan pemajuan yang boleh dikecualikan KM termasuklah :

i. PENDIRIAN, PEROBOHAN, PENDIRIAN SEMULA ATAU PENGUBAHAN SATU UNIT RUMAH KEDIAMAN SESEBUAH

Pemajuan ini adalah khusus untuk pembangunan satu unit rumah sesebuah bagi kediaman keluarga yang dibina secara tunggal di atas lot yang dipunyai oleh orang perseorangan.

Definisi:

- Pendirian bermaksud membina satu unit rumah sesebuah yang baru tidak melebihi 3 tingkat.
- Perobohan bermaksud apa-apa aktiviti meroboh rumah sedia ada.
- Pendirian semula bermaksud berdiri semula satu unit rumah sesebuah yang baru di atas tapak yang sama.
- Pengubahan rumah kediaman sesebuah bermaksud pengubahsuaian di sebelah luar termasuk struktur di luar rumah seperti tembok, pagar serta rumah pengawal dan penambahan ruang lantai.

Ciri-ciri:

Pengecualian yang diberikan adalah tertakluk kepada ciri-ciri berikut:

- Pembangunan rumah sesebuah yang dicadangkan terletak dalam plot yang telah mendapat kebenaran merancang di peringkat pelan susun atur/ pelan induk dan telah memiliki surat hak milik yang sah; atau
- Sekiranya tiada kebenaran merancang di peringkat susun atur, pemajuan hendaklah terletak di dalam kawasan yang dizonkan sebagai kawasan perumahan dan tidak termasuk sebagai kawasan warisan atau kawasan alam sekitar yang sensitif dalam suatu rancangan tempatan. Syarat nyata tanah tersebut adalah kediaman. Telah ada jalan masuk/ akses ke tapak dan urusan perihal tanah telah diselesaikan;
- Tidak melibatkan kerja-kerja pemotongan bukit dan penambunan tanah (*cut and fill*) kecuali kerja pembersihan tapak; dan
- Ketinggian satu unit rumah sesebuah yang baru tersebut tidak melebihi 3 tingkat.

ii. PENDIRIAN, PEROBOHAN, PENDIRIAN SEMULA ATAU PENGUBAHAN SATU UNIT BANGUNAN INDUSTRI RINGAN SESEBUAH

Pengecualian ini adalah khusus bagi pembangunan satu unit bangunan industri ringan setingkat sesebuah dalam plot yang tidak melebihi 1 ekar.

Definisi:

- Pendirian bermaksud membina satu unit bangunan industri ringan yang baru.
- Perobohan bermaksud meroboh bangunan industri setingkat sesebuah sedia ada.
- Pendirian semula bermaksud berdiri semula satu unit bangunan industri setingkat sesebuah yang baru di atas plot yang sama.
- Pengubahan bangunan industri ringan sesebuah bermaksud;
 - Penambahan ruang lantai, tidak termasuk tambah ketinggian.
 - Pengubahsuaian rupa di sebelah luar termasuk struktur di luar bangunan seperti tembok, pagar, rumah pengawal serta tempat letak kenderaan berbumbung.

Ciri-ciri:

Pengecualian yang diberikan adalah tertakluk kepada ciri-ciri berikut:

- Industri ringan mengikut klasifikasi di dalam *Guidelines For Siting and Zoning of Industries*, Jabatan Alam Sekitar (JAS);
- Telah mendapat kebenaran merancang di peringkat pelan susun atur/ pelan induk, perihal tanah telah diselesaikan dan telah memiliki suratan hak milik yang sah;
- Plot pemajuan tidak melebihi 1 ekar;
- Ketinggian bangunan industri ringan sesebuah yang baru adalah tidak melebihi 1 tingkat;
- Tidak melibatkan kerja-kerja pemotongan bukit dan penambunan tanah (*cut and fill*) kecuali kerja pembersihan tapak;
- Kawasan tersebut telah mempunyai kemudahan infrastruktur yang lengkap dan sedia untuk disambungkan ke tapak cadangan pemajuan; dan
- Bagi pendirian semula dan pengubahan bangunan industri, penambahan ruang lantai tidak melebihi 500 kaki persegi dan tidak melibatkan penambahan ketinggian bangunan.

iii. PENDIRIAN, PEROBOHAN, PENDIRIAN SEMULA ATAU PENGUBAHAN SUATU BANGUNAN HARTA BERSAMA DALAM KAWASAN PERUMAHAN STRATA

Berdasarkan Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318), “bangunan guna sama” bermaksud bangunan yang dibina untuk kegunaan bersama penduduk skim perumahan strata terbabit seperti dewan, surau, tempat letak kereta bertingkat, pondok pengawal, gimnasium, bilik riadah, rumah kelab, ruang pejabat, tadika dan lain-lain. Pengecualian ini adalah bagi pemajuan semua bangunan yang dimaksudkan seperti di atas.

Definisi:

- Pendirian bermaksud membina bangunan guna sama yang baru.
- Perobohan bermaksud meroboh bangunan guna sama sedia ada.
- Pendirian semula bermaksud berdiri semula bangunan guna sama yang baru dengan mengekalkan kegunaan di atas tapak yang asal.
- Pengubahan bangunan guna sama bermaksud:
 - Penambahan ruang lantai, tidak termasuk tambah ketinggian.
 - Pengubahsuaian rupa di sebelah luar.

Ciri-ciri:

Pengecualian yang diberikan adalah tertakluk kepada ciri-ciri berikut:-

- Pemajuan adalah di atas tapak yang telah ditentukan dalam pelan susun atur mengikut kelulusan kebenaran merancang terdahulu;
- Pembangunan tidak mengubah jalan masuk dan infrastuktur sedia ada;
- Pengubahan hendaklah dalam lingkungan tapak sedia ada dan mengekalkan kegunaan yang asal mengikut kelulusan terdahulu;
- Pengubahsuaian melibatkan penambahan ruang lantai, tidak termasuk tambahan ketinggian; dan
- Mendapat pengesahan *Joint Management Body* (JMB) atas persetujuan pemunya petak dalam skim tersebut.

iv. PENGUBAHAN UNTUK MENAIKTARAF DAN MEMBAIKPULIH FASAD BANGUNAN

Pengubahan untuk menaiktaraf dan membaikpulih fasad bangunan bermaksud kerja-kerja penambahbaikan yang melibatkan rupa di sebelah luar sesebuah bangunan. Pengecualian ini adalah perubahan struktur bangunan tetapi lebih kepada untuk menaiktaraf reka bentuk serta membaikpulih fasad bangunan yang terlibat.

Ciri-ciri:

Pengecualian yang diberikan TIDAK termasuk:-

- a. Bangunan yang ditetapkan sebagai bangunan warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan (Akta 645);
- b. Bangunan warisan yang perlu dikekalkan mengikut Rancangan Tempatan;
- c. Bangunan yang tertakluk kepada inventori bangunan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang perlu dikekalkan;
- d. Bangunan yang ditetapkan oleh PBT sebagai bangunan yang memerlukan kawalan fasad; dan
- e. Pengubahan struktur bangunan.

v. PENDIRIAN, PEROBHAN, PENDIRIAN SEMULA ATAU PENGUBAHAN SUATU BANGUNAN UTILITI

Pengecualian ini adalah bagi pemajuan bangunan utiliti seperti bangunan Pencawang Masuk Utama (PMU), Pencawang Pembahagi Utama (PPU), Stesen Suis Utama (SSU), Pencawang Elektrik (PE), *Permanent Telecommunication Exchange*, Loji Rawatan Kumbahan, rumah pam dan tangki air.

Definisi:

- a. Pendirian bermaksud membina bangunan utiliti yang baru.
- b. Perobhan bermaksud meroboh bangunan utiliti sedia ada.
- c. Pendirian semula bermaksud mendirikan semula bangunan utiliti yang baru dengan mengekalkan kegunaan di atas tapak yang asal.
- d. Pengubahan bermaksud menaiktaraf bangunan utiliti tanpa melibatkan penambahan bebanan tahap keupayaan utiliti tersebut kerana penambahan bebanan memerlukan anjakan zon penampakan yang mencukupi.

Ciri-ciri:

Pengecualian yang diberikan adalah tertakluk kepada ciri-ciri berikut:

- a. Pengecualian yang diberikan melibatkan pemajuan bangunan utiliti di atas tapak yang telah ditentukan dalam pelan susun atur mengikut kelulusan kebenaran merancang terdahulu;
- b. Pemajuan bangunan utiliti adalah selaras dengan syarat-syarat kebenaran merancang;
- c. Pengubahan atau pendirian semula tidak melibatkan penambahan bebanan tahap keupayaan utiliti dan tidak memerlukan tambahan zon penampakan; dan
- d. Tanah telah diberi hak milik ke atas penyedia perkhidmatan (services provider) dan syarat nyata tanah adalah untuk kegunaan utiliti tersebut.





MANUAL OSC 3.0 PLUS

Proses dan Prosedur
Cadangan Pemajuan
Serta Pelaksanaan
Pusat Setempat (OSC)

3

PUSAT SETEMPAT (*ONE STOP CENTRE, OSC*)

Objektif

Peranan Dan Tugas

3. PUSAT SETEMPAT (ONE STOP CENTRE, OSC)

Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), 2016-2020, kerajaan akan lebih berpaksikan rakyat serta menumpukan kepada peningkatan produktiviti dan **kecekapan** perkhidmatan awam. Penyampaian perkhidmatan akan terus ditingkatkan dan dilaksanakan dengan **cepat, tepat dan berintegriti** menerusi pendekatan kreatif dan inovatif.

Pada peringkat tempatan, kecekapan penyampaian perkhidmatan oleh PBT akan ditambah baik menerusi strategi-strategi seperti berikut :

- i. memperkasa dan meningkatkan akauntabiliti PBT;
- ii. memperkukuh penyampaian perkhidmatan oleh PBT melalui peningkatan integrasi antara Kerajaan Persekutuan dan negeri;
- iii. **memperkemas peraturan dan proses** bagi meningkatkan kepantasan bertindak PBT;
- iv. memperkukuh kerjasama untuk merangsang pembangunan ekonomi tempatan; dan
- v. mempergiat penglibatan masyarakat setempat dan perkongsian data.

Penekanan diberi kepada usaha menambahbaik sistem dan proses kerja. **Peraturan yang rumit dan kurang berkesan akan dipermudahkan dan diperkemas serta prosedur yang tidak relevan akan dimansuhkan.** Inisiatif ini akan menambah baik kecekapan perkhidmatan PBT dengan **mengurangkan masa tindak balas serta meningkatkan tahap kepuasan rakyat.**

Kebolehcapaian kepada perkhidmatan PBT akan diperluaskan melalui saluran digital termasuk laman web dan aplikasi mudah bagi memastikan sistem penyampaian ini lebih efisien dan komprehensif. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 Mac 2007 telah bersetuju supaya penubuhan Pusat Setempat di PBT adalah merupakan salah satu daripada inisiatif yang telah diputuskan di dalam Persidangan Mempertingkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan yang dilancarkan oleh Y.A.B Perdana Menteri pada 13 April 2007.

Dengan penubuhan Pusat Setempat ini, norma masa memproses permohonan dapat dipendekkan. Selain itu, kes-kes pertindihan ulasan teknikal semasa memproses permohonan kebenaran merancang, permohonan pelan bangunan dan permohonan untuk mendapat kelulusan pembangunan tanah dapat dielakkan. Mesyuarat MNKT Ke-56 pada 28 November 2006 telah bersetuju untuk memperluaskan fungsi Pusat Setempat sedia ada sebagai penyelaras permohonan cadangan pemajuan.

3.1. OBJEKTIF

- i. Menyelaras dan memudahcara proses kelulusan permohonan pembangunan tanah, permohonan kebenaran merancang, pelan bangunan, pelan kerja tanah, pelan jalan dan parit, dan pelan-pelan lain berkaitan cadangan pemajuan;
- ii. Memendekkan norma masa dan mempercepatkan proses permohonan cadangan pemajuan di bawah Konsep Bina Kemudian Jual (BKJ) dalam tempoh empat (4) bulan dan di bawah konsep Jual Kemudian Bina (JKB) dalam tempoh enam (6) bulan dan
- iii. Menyeragamkan prosedur dan proses cadangan pemajuan dengan mengambilkira peruntukan-peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 (KTN 56), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).

3.2. PERANAN DAN TUGAS

Bagi tujuan meningkatkan sistem penyampaian prosedur dan proses permohonan cadangan pemajuan, semua permohonan akan diterima melalui Pusat Setempat.

Peranan Pusat Setempat adalah seperti berikut :

- i. Menyelaras dan memantau permohonan cadangan pemajuan dan permohonan-permohonan lain yang diterima;
- ii. Memaklumkan keputusan kelulusan permohonan cadangan pemajuan kepada pemohon;
- iii. Membuat perakuan permohonan pembangunan tanah kepada Pejabat Tanah; dan
- iv. Menyediakan pelaporan berkala.





MANUAL OSC 3.0 PLUS

Proses dan Prosedur
Cadangan Pemajuan
Serta Pelaksanaan
Pusat Setempat (OSC)

4

JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)

Tugas-Tugas Urus Setia Jawatankuasa OSC

Pra-Jawatankuasa OSC

Fungsi Jawatankuasa OSC

Keahlian Jawatankuasa OSC

Peranan Ahli Jawatankuasa OSC

4. JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)

4.1. TUGAS-TUGAS URUS SETIA JAWATANKUASA OSC

Antara tugas utama urus setia Jawatankuasa OSC adalah :

- i. Memastikan pengurusan proses pemajuan mematuhi prosedur dan peraturan sebagaimana ketetapan undang-undang;
- ii. Menerima dan menyemak permohonan pembangunan tanah, kebenaran merancang, pelan kejuruteraan, pelan bangunan dan pelan-pelan lain yang berkaitan daripada pemohon;
- iii. Meneliti permohonan yang diterima memenuhi kehendak asas atau senarai semak yang ditetapkan;
- iv. Membuat edaran permohonan cadangan pemajuan kepada agensi/jabatan teknikal berkenaan untuk diproses bagi pengeluaran ulasan teknikal;
- v. Memaklumkan kepada Jawatankuasa OSC mengenai permohonan yang telah diterima;
- vi. Mendapatkan maklumbalas lanjut daripada agensi teknikal sekiranya terdapat isu dan masalah;
- vii. Mengumpul dan menyelaras kertas perakuan yang disediakan oleh Jabatan Memperaku untuk diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa OSC;
- viii. Menetapkan tarikh mesyuarat dan memastikan ianya diadakan minimum dua(2) kali sebulan;
- ix. Menyediakan minit mesyuarat dan maklumbalas untuk edaran;
- x. Mengedar keputusan Mesyuarat Jawatankuasa OSC untuk dimaklumkan ke Mesyuarat Majlis Penuh PBT; dan
- xi. Mengedarkan keputusan rasmi kepada pemohon, pembantah dan jabatan/agensi teknikal.

4.2. PRA-JAWATANKUASA OSC

Mesyuarat pra-Jawatankuasa OSC dilaksanakan secara pentadbiran bagi mengkoordinasi ulasan teknikal yang diterima daripada semua agensi mengulas sebelum Jabatan Memperaku memuktamadkan kertas perakuan yang mengandungi syor pertimbangan (Lulus/ Lulus Bagi Pindaan Atas Pelan/ Tolak). Pelaksanaan mesyuarat ini juga adalah bagi melancarkan prosiding pertimbangan di dalam mesyuarat Jawatankuasa OSC serta memberi peluang awal kepada pemohon untuk mematuhi keperluan ulasan teknikal.

Mesyuarat pra-jawatankuasa akan dipengerusikan oleh Datuk Bandar/ Yang Dipertua PBT. Walau bagaimanapun

Pengerusi Jawatankuasa OSC boleh mengarahkan sama ada Timbalan Pengerusi (Setiausaha Majlis) yang dilantik (sekiranya ada), Setiausaha PBT atau Setiausaha Jawatankuasa OSC bagi mempengerusikan mesyuarat pra-jawatankuasa OSC. Manakala ahli mesyuarat adalah sama sebagaimana keanggotaan di dalam mesyuarat Jawatankuasa OSC kecuali Ahli Majlis.

Mesyuarat pra-jawatankuasa OSC juga digalakkan untuk menjemput pihak perunding profesional dan pemaju bagi tujuan menyampaikan pembentangan dan memberi maklum balas bagi pematuhan keperluan teknikal sebagai satu langkah untuk memudahcara proses pertimbangan kelulusan.

4.3. FUNGSI JAWATANKUASA OSC

Jawatankuasa OSC dipengerusikan oleh Datuk Bandar/ Yang Dipertua Majlis PBT. Jawatankuasa ini mempunyai **kuasa**¹-yang diperturunkan oleh Majlis Penuh dan akan bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali sebulan. Fungsi Jawatankuasa Pusat Setempat ini ialah :

- i. Menimbang dan membuat keputusan muktamad terhadap permohonan kebenaran merancang, pelan kejuruteraan, pelan bangunan dan pelan-pelan lain yang berkaitan;
- ii. Membuat perakuan dan memaklumkan keputusan ke atas permohonan perihal tanah berhubung cadangan pemajuan di bawah peruntukan Kanun Tanah Negara;
- iii. Menimbang dan membuat perakuan ke atas penerimapaakaian dan pelaksanaan undang-undang, peraturan, dasar, rancangan pemajuan, garis panduan, piawaian, arahan pentadbiran dan sebarang kertas dasar yang berkaitan dengan aktiviti pemajuan sama ada yang disediakan oleh kerajaan persekutuan, kerajaan negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan;
- iv. Menimbang dan membuat perakuan ke atas tindakan penguatkuasaan di bawah Akta 172 dan Akta 133 bagi tujuan memantau dan mengawalselia proses pemajuan; dan
- v. Menimbang dan membuat keputusan terhadap permohonan-permohonan lain yang diletakkan di bawah tanggungjawab OSC.



kuasa¹

“Berdasarkan peruntukan seksyen 28 Akta 171, PBT bolehlah melantik Jawatankuasa OSC dan diperturunkan kuasa untuk menimbang dan membuat keputusan terhadap semua permohonan yang diletakkan di bawah tanggungjawab OSC. Dengan penurunan kuasa tersebut Jawatankuasa OSC bolehlah membuat keputusan untuk meluluskan ataupun menolak permohonan yang dikemukakan. Sebagai tindakan susulan, urus setia OSC hendaklah menyediakan kertas keputusan mesyuarat Jawatankuasa OSC untuk dimaklumkan kepada mesyuarat Majlis Penuh PBT. Dengan itu juga keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa OSC adalah merupakan keputusan PBT itu sendiri.”

Memo PUJ KPKT (10 April 2009)

4.4. KEAHLIAN JAWATANKUASA OSC

Jawatankuasa OSC yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar/Yang Dipertua PBT terdiri daripada ahli-ahli seperti berikut :

Jadual 4.1: Keahlian Jawatankuasa OSC

Pengerusi	Datuk Bandar/ Yang Dipertua PBT
Setiausaha	Ketua Unit Pusat Setempat
Ahli	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa 2. Pengarah Pejabat Tanah dan Galian/Pentadbir Tanah Daerah 3. Pengarah Jabatan Kerja Raya 4. Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran 5. Pengarah Jabatan Alam Sekitar 6. Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains 7. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia 8. Pengurus Tenaga Nasional Berhad 9. Pengurus Agensi Perakuan Pembetungan (IWK/ MAAJARI) 10. Pengurus Pihak Berkuasa Air Negeri 11. Pengarah Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia 12. Ketua Pegawai Eksekutif SWCorp 13. Pengarah Wilayah Lembaga Lebuhraya Malaysia 14. Pengarah Jabatan Perancang PBT 15. Pengarah Jabatan Kejuruteraan PBT 16. Pengarah Jabatan Bangunan PBT 17. Pengarah Jabatan Landskap PBT 18. Pengarah Jabatan Kesihatan PBT 19. Pengarah Jabatan Pelesenan PBT 20. Penolong Pesuruhjaya Bangunan (COB) PBT 21. Pengarah Jabatan Penilaian PBT 22. 4 Orang Ahli Majlis <p>Jabatan-jabatan teknikal lain yang berkaitan akan dijemput dari semasa ke semasa</p>

Nota:

- i. Yang Dipertua PBT hendaklah mengeluarkan surat pelantikan rasmi kepada semua ahli jawatankuasa/wakil tetap yang dilantik.
- ii. Dua orang Ahli Majlis boleh dijemput turut hadir sebagai pemerhati.
- iii. Perunding/pemohon akan dijemput untuk pembentangan dari semasa ke semasa.

4.5. PERANAN AHLI JAWATANKUASA OSC

Peranan Pengerusi Jawatankuasa OSC adalah untuk menimbang dan membuat keputusan sama ada lulus, tidak lulus atau lulus dengan pindaan pelan ke atas permohonan kebenaran merancang, pelan bangunan, pelan kejuruteraan dan pelan-pelan lain yang berkaitan serta membuat perakuan ke atas permohonan pembangunan tanah.

Timbalan Pengerusi akan mengambil alih tanggungjawab Pengerusi sekiranya Pengerusi tidak dapat menjalankan tugasnya. Dalam keadaan ini, Setiausaha Majlis dicadangkan sebagai Timbalan Pengerusi dan Pengerusi terlebih dahulu melantik Setiausaha Majlis sebagai ahli Jawatankuasa OSC.

4.5.1. PENERUSI

Pengerusi hendaklah memastikan tindakan-tindakan berikut dilaksanakan iaitu:

- | | |
|-------------------------------|--|
| Tindakan Pra-Mesyuarat | <ol style="list-style-type: none">Menentukan agenda, tarikh, masa dan tempat mesyuarat bersama Setiausaha Jawatankuasa;Menentukan kertas kerja permohonan yang lengkap untuk diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa OSC;Perbincangan Mesyuarat Pra-Jawatankuasa OSC bersama Setiausaha dan Agensi teknikal untuk meneliti maklumbalas; danMengenalpasti tindakan-tindakan yang perlu untuk menyelesaikan masalah-masalah yang timbul. |
|-------------------------------|--|

- | | |
|----------------------------------|--|
| Tindakan Semasa Mesyuarat | <ol style="list-style-type: none">Mempengerusikan mesyuarat mengikut agenda yang telah ditetapkan;Mengetuai perbincangan mengenai cadangan permohonan bersama-sama ahli mesyuarat;Membuat keputusan berdasarkan persetujuan perbincangan;Mengarahkan ahli mesyuarat mengambil tindakan susulan berdasarkan keputusan mesyuarat; danMengarahkan dan memastikan prosedur dan peraturan pengurusan pelan pemajuan dipatuhi mengikut ketetapan undang-undang dan pekeliling dari semasa ke semasa. |
|----------------------------------|--|

- | | |
|-----------------------------------|---|
| Tindakan Selepas Mesyuarat | <ol style="list-style-type: none">Mengesahkan minit mesyuarat dan maklum balas mesyuarat sebelum diedarkan kepada ahli mesyuarat; danMenandatangani dokumen-dokumen kelulusan cadangan pemajuan kepada permohonan dan keputusan perakuan terhadap permohonan ke Pentadbir Tanah. |
|-----------------------------------|---|

4.5.2. SETIAUSAHA

Peranan Setiausaha Jawatankuasa OSC ialah untuk mengendalikan Mesyuarat Jawatankuasa OSC dan memastikan kelancaran perjalanan mesyuarat tersebut. Peranan Setiausaha adalah seperti berikut :

- | | |
|-------------------------------|---|
| Tindakan Pra-Mesyuarat | <ol style="list-style-type: none">Menentukan agenda, tarikh, masa dan tempat mesyuarat bersama Pengerusi;Memastikan setiap permohonan mendapat ulasan teknikal daripada agensi teknikal terlibat;Melaporkan jumlah kertas permohonan yang lengkap kepada Pengerusi untuk diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat; danPerbincangan pra mesyuarat dengan Pengerusi untuk meneliti maklum balas yang diterima dan mengenalpasti tindakan yang perlu bagi menyelesaikan masalah-masalah yang timbul. |
|-------------------------------|---|

- | | |
|----------------------------------|--|
| Tindakan Semasa Mesyuarat | <ol style="list-style-type: none">Memberikan nasihat kepada Pengerusi dan Jawatankuasa OSC berkenaan peraturan dan prosedur pengurusan pelan pemajuan mengikut ketetapan undang-undang, dasar dan pekeliling;Memberikan nasihat dan maklum balas melalui koordinasi aspek teknikal yang selaras dengan keperluan garis panduan dan piawaian;Melaporkan minit mesyuarat;Melaporkan status pelaksanaan dan tindakan-tindakan susulan yang telah atau belum diambil;Melaporkan jumlah dan status permohonan yang telah diterima dan diproses; danMencatat segala perbincangan dan keputusan mesyuarat. |
|----------------------------------|--|

- | | |
|-----------------------------------|--|
| Tindakan Selepas Mesyuarat | <ol style="list-style-type: none">Menyediakan surat iringan keputusan permohonan secara terperinci dan mengedarkannya kepada pemohon dalam tempoh 5 hari dari tarikh Mesyuarat Jawatankuasa OSC bersidang. |
|-----------------------------------|--|

- 2) Memastikan minit mesyuarat disediakan 3 hari selepas mesyuarat dan diedarkan dalam tempoh 5 hari dari tarikh Mesyuarat Jawatankuasa OSC bersidang;
- 3) Mendapatkan persetujuan dan tandatangan Pengerusi ke atas minit mesyuarat yang disediakan; dan
- 4) Memastikan laporan maklum balas dan perkara berbangkit disediakan dan diedarkan untuk tindakan ahli mesyuarat.

4.5.3. JABATAN MEMPERAKU

Agensi Teknikal dalaman PBT hendaklah terdiri daripada Pengarah-Pengarah atau pegawai-pegawai yang boleh membuat keputusan semasa mesyuarat.

Tindakan Pra-Mesyuarat	<ol style="list-style-type: none"> 1) Menyemak dan menyelaras semua ulasan teknikal yang diterima daripada agensi/ jabatan pemberi ulasan (agensi/ jabatan teknikal luaran dan dalaman); 2) Perbincangan (Mesyuarat Pra-Jawatankuasa OSC) dengan pengerusi dan urus setia bagi menyelaras isu teknikal; dan 3) Menyediakan kertas perakuan yang mengandungi syor pertimbangan (Lulus, Lulus dengan Pindaan Pelan atau Tolak)
Tindakan Semasa Mesyuarat	<ol style="list-style-type: none"> 1) Membentangkan kertas perakuan dengan mengemukakan isu-isu teknikal untuk dibincangkan; dan 2) Mengemukakan syor² bagi pertimbangan Jawatankuasa OSC sama ada lulus, lulus Lulus Bagi Pindaan Pelan atau tolak.
Tindakan Selepas Mesyuarat	<ol style="list-style-type: none"> 1) Memastikan tindakan susulan telah diambil oleh pemohon berdasarkan keputusan mesyuarat Jawatankuasa OSC; dan 2) Memberi maklum balas kepada perkara berbangkit.

Syor²

Jabatan Memperaku hendaklah menyediakan kertas perakuan setelah mengambilkira dan menyelaras semua ulasan teknikal. Kertas perakuan tersebut hendaklah mengandungi syor kepada Jawatankuasa OSC sama ada Lulus Penuh, Lulus Dengan Pindaan Pelan atau Tolak.

4.5.4. AHLI TEKNIKAL

Ahli-ahli mesyuarat daripada Agensi/ Jabatan Teknikal luaran dan dalaman PBT hendaklah terdiri daripada - Pengarah atau Pegawai-pegawai Teknikal yang kompeten yang boleh membuat keputusan semasa mesyuarat di dalam bidang teknikal masing-masing.

Tindakan Pra-Mesyuarat	<ol style="list-style-type: none"> 1) Menyediakan dan mengeluarkan ulasan³ teknikal kepada jabatan memperaku dan salinan kepada urus setia OSC; dan 2) Perbincangan Mesyuarat Pra-Jawatankuasa OSC dengan urus setia bagi mengulas isu teknikal.
Tindakan Semasa Mesyuarat	<ol style="list-style-type: none"> 1) Memberi input semasa perbincangan mengikut bidang kuasa masing-masing; dan 2) Memberi justifikasi kepada keputusan mesyuarat bagi permohonan yang diangkat.
Tindakan Selepas Mesyuarat	<ol style="list-style-type: none"> 1) Mengambil tindakan susulan mengikut keputusan mesyuarat; dan 2) Memberi maklum balas kepada perkara berbangkit.

Ulasan³

Agensi/ Jabatan Teknikal hendaklah mengeluarkan ulasan berdasarkan skop dan bidang kuasa masing-masing yang hanya perlu mengandungi keperluan teknikal dan bukan teknikal bagi diselaraskan dan pertimbangan PBT. Agensi/ Jabatan Teknikal TIDAK PERLU mengeluarkan SYOR bagi kelulusan atau penolakan permohonan pelan pemajuan seperti 'Tiada Halangan', 'Menyokong', 'Tidak Menyokong' dan seumpamanya. Mekanisma ini adalah selaras dengan ketetapan perkara 8 Kaedah Pengawalan Perancangan Am (KPPA).

Agensi/ Jabatan Teknikal tidak digalakkan memberi salinan ulasan teknikal kepada pemohon (PSP/ SP/ Pemaju) bagi mengelakkan sebarang keputusan dibuat secara UNILATERAL tanpa pengetahuan dan pertimbangan Jawatankuasa OSC yang dipertanggungjawabkan untuk membuat keputusan muktamad.

Sekiranya terdapat sebarang keputusan yang dibuat secara unilateral antara pemohon dengan Agensi/ Jabatan Teknikal ia hendaklah dibentangkan bagi pertimbangan dan keputusan secara KOLEKTIF oleh Jawatankuasa OSC.

4.5.5. URUS SETIA

Peranan Urus Setia adalah membantu Setiausaha dalam pengurusan pengendalian mesyuarat serta memastikan kelancaran perjalanan mesyuarat tersebut. Peranan Urus Setia adalah seperti berikut:

Tindakan Pra-Mesyuarat

- 1) Menentukan agenda, tarikh, masa dan tempat mesyuarat bersama Pengerusi Jawatankuasa;
- 2) Membuat tempahan bilik mesyuarat dan memastikan kemudahan-kemudahan bilik mesyuarat yang disediakan;
- 3) Menentukan kertas perakuan permohonan disediakan untuk perbincangan sekurang-kurangnya 5 hari sebelum mesyuarat;
- 4) Menghantar surat panggilan mesyuarat dalam tempoh sekurang-kurangnya 5 hari sebelum mesyuarat itu diadakan;
- 5) Agenda mesyuarat hendaklah disusun di dalam bentuk seperti berikut:
 - i. Perutusan Pengerusi;
 - ii. Pengesahan Minit Mesyuarat;
 - iii. Perkara-perkara berbangkit;
 - iv. Pembentangan laporan jumlah dan status fail permohonan pelan-pelan pemajuan;
 - v. Pembentangan dan pertimbangan kertas dasar bagi tujuan:
 - a. Kelulusan dan penerimapakaian sebelum diperakukan Majlis Penuh;
 - b. Kelulusan dan timbalguna sebelum diperakukan Majlis Penuh.
 - vi. **Pembentangan kertas perakuan fail permohonan; pelan pemajuan untuk pertimbangan dan keputusan Jawatankuasa seperti berikut:**
 - a. Kaedah I;
 - b. Kaedah II;
 - c. Kaedah III;
 - d. Kaedah IV; dan
 - e. Kaedah V.
 - vii. **Pembentangan untuk pengesahan kertas pemakluman permohonan/pendepositan bagi tujuan rekod PBT:**
 - a. Seksyen 20A Akta 172;
 - b. Pendepositan CCC; dan
 - c. Pengeluaran CFO
 - viii. **Pembentangan dan pengesahan kertas pemakluman permohonan pelan pemajuan yang diturunkuasa;**
 - ix. **Pembentangan status dan isu pemantauan tapak Proses 4 (Pemantauan Tapak Bina dan Notifikasi Pemeriksaan Interim);**
 - x. **Hal-hal lain; dan**
 - xi. **Penutup**

- 6) Menentukan kehadiran ahli-ahli mesyuarat untuk membuat senarai kehadiran ahli-ahli.

Tindakan Semasa Mesyuarat

- 1) Membuat catitan minit mesyuarat dan hendaklah merekodkan:
 - i. Senarai kehadiran mesyuarat;
 - ii. Perkara-perkara dan keperluan teknikal secara terperinci yang diputuskan bagi pematuhan oleh pemohon;
 - iii. Perkara-perkara lain yang berkaitan dan memerlukan tindakan susulan (tidak berkaitan dengan hal pemajuan); dan
 - iv. Keputusan-keputusan yang dibuat.

Tindakan Selepas Mesyuarat

- 1) Menyediakan dan mengedarkan keputusan Jawatankuasa OSC bagi setiap fail permohonan secara terperinci bagi tindakan pemohon dan jabatan memperaku dalam tempoh 5 hari dari tarikh Jawatankuasa OSC bersidang;
- 2) Mendapatkan maklum balas keputusan mesyuarat daripada ahli-ahli mesyuarat; dan
- 3) Minit mesyuarat yang telah disahkan dan ditandatangani oleh Pengerusi mesyuarat hendaklah diedarkan bersama-sama laporan maklum balas kepada ahli-ahli mesyuarat tidak lewat dari 7 hari selepas tarikh Jawatankuasa OSC bersidang.

4.5.6. AHLI MAJLIS

Seramai empat orang Ahli Majlis menganggotai Jawatankuasa OSC dan dua orang Ahli Majlis lain boleh dijemput turut hadir sebagai pemerhati dalam mesyuarat.

Ahli-ahli Majlis ini berperanan untuk memberi input dari aspek **SOSIAL** dan **POLITIK** sahaja bagi permohonan yang diangkat untuk kelulusan. Walau bagaimanapun sekiranya ulasan 'sosial' dan 'politik' akan memberi kesan kepada aspek teknikal yang akan memberi manfaat kepada kepentingan awam, mana-mana jabatan dalaman PBT atau agensi/ jabatan luaran boleh mengambilkira dengan sewajarnya sebagai ulasan teknikal setakat ia mematuhi dan selaras dengan garis panduan teknikal perancangan agensi/ jabatan masing-masing.

Selaras dengan persetujuan Jemaah Menteri dan MNKT pada tahun 2007 serta diperincikan di dalam memo PUU KPKT (BAHAGIAN UNDANG-UNDANG KPKT) kepada Ketua Pengarah JKT KPKT bertarikh 10 April 2009, penubuhan/ perlantikan Jawatankuasa OSC di bawah Seksyen 28, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) oleh Pihak Berkuasa Tempatan telah menetapkan bahawa kehadiran Ahli Majlis sebagai **kuorum**⁴ di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC adalah TIDAK DIMANDATORIKAN. Ketetapan ini adalah selaras dengan matlamat utama penubuhan Pusat Setempat (OSC) untuk mengurangkan karenah birokrasi di dalam prosedur dan proses cadangan pemajuan bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan di PBT.

kuorum⁴

“ Berhubung dengan isu kuorum pula, PUU MBI merujuk kepada peruntukan seksyen 24 Akta 171. Dalam mentafsirkan peruntukan tersebut, beliau merumuskan bahawa kuorum bagi semua mesyuarat PBT perlulah dihadiri oleh Ahli Majlis. Wakil daripada jabatan teknikal bukanlah kuorum sesuatu mesyuarat dan ulasan yang diberikan bukanlah suatu keputusan kerana keputusan perlulah dibuat oleh PBT, iaitu Yang diPertua (YDP) PBT dan Ahli Majlis. Bahagian ini berpandangan bahawa tafsiran dan rumusan tersebut adalah tidak tepat dan mengelirukan. Peruntukan yang dirujuk adalah berkaitan dengan kuorum Mesyuarat Majlis Penuh PBT dan peruntukan tersebut tidak terpakai kepada Mesyuarat Jawatankuasa OSC. Sekiranya PBT hendak menentukan kuorum untuk Mesyuarat Jawatankuasa OSC, perkara tersebut perlulah dinyatakan secara jelas berdasarkan kepada kuasa yang diperuntukkan kepada PBT di bawah seksyen 28, Akta 171.

Sementara itu Jawatankuasa OSC yang dilantik PBT adalah terdiri dari Pengerusi, empat orang Ahli Majlis dan sejumlah ahli lain yang mewakili jabatan teknikal. Kesemua mereka adalah merupakan ahli mesyuarat Jawatankuasa OSC dan sekiranya PBT tidak menetapkan kuorum bagi mesyuarat tersebut, keputusan yang dibuat oleh pengerusi dan ahli yang hadir mesyuarat adalah keputusan Jawatankuasa OSC walaupun tidak ada Ahli Majlis yang hadir. Kehadiran Ahli Majlis dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC bukanlah mandatori kecuali PBT secara jelas memperuntukkan demikian dalam kuorum atau tatacara yang ditetapkan untuk perjalanan Mesyuarat Jawatankuasa OSC.”

Memo PUU KPKT (10 April 2009)



MANUAL OSC 3.0 PLUS

Proses dan Prosedur
Cadangan Pemajuan
Serta Pelaksanaan
Pusat Setempat (OSC)

5

STRUKTUR DAN FORMASI OSC 3.0 PLUS

Proses Utama OSC 3.0 Plus

Penetapan Kategori Kebenaran Merancang

5. STRUKTUR DAN FORMASI OSC 3.0 PLUS

Secara dasarnya formula pembentukan struktur dan formasi utama OSC 3.0 Plus adalah berdasarkan Manual OSC 3.0 sedia ada yang disediakan pada tahun 2014. Ia ditambahbaik secara sistematik berdasarkan maklum balas pelbagai *stakeholder* dan diselaraskan berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan industri pembinaan dari peringkat mendapatkan kelulusan sehingga bangunan layak untuk dihuni.

Penyediaan Manual OSC 3.0 Plus merupakan tindakan penambahbaikan ke atas Manual OSC 3.0 sedia ada bagi mencapai objektif seperti berikut;


- i) Menyediakan dokumen manual prosedur dan proses pemajuan yang lengkap dan terperinci bagi rujukan 'stakeholders' dan pihak berkepentingan terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan, agensi/ jabatan teknikal, pemaju, perunding profesional dan orang awam;
- ii) Mengukuhkan peranan dan tanggungjawab OSC sebagai urus setia induk kepada Jawatankuasa OSC bagi mencapai keseragaman yang sewajarnya;
- iii) Menggariskan skop, peranan dan tanggungjawab pihak pemohon (pemilik tanah, pemaju dan perunding profesional) dalam proses pemajuan bagi meningkatkan kompetensi dan profesionalisme;
- iv) Menetapkan tempoh masa (kelulusan/ ulasan/ sokongan) yang munasabah bagi setiap peringkat proses pemajuan sebagai sasaran (KPI) untuk mengukuhkan sistem penyampaian pihak berkuasa;

- v) Menggariskan prosedur memproses, memantau dan memeriksa tapak projek pembangunan oleh PBT dan agensi/ jabatan teknikal sehingga bangunan layak dihuni;
- vi) Memastikan keberkesanan proses pemantauan dan tindakan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan ke atas tapak projek pembangunan;
- vii) Mengurangkan bebanan kerja, karenah birokrasi dan memastikan tadbir urus yang telus melalui pembangunan Sistem OSC 3.0 Plus Online.


5.1 PROSES UTAMA OSC 3.0 PLUS

Di dalam Manual OSC 3.0 Plus, 6 proses utama masih dikekalkan iaitu :


- Proses 1 : Pengumpulan Maklumat teknikal **(Bukan Mandatori)**
- Proses 2 : Pertimbangan Pelan Pemajuan
- Proses 3 : Notifikasi Mula Kerja Binaan
- Proses 4 : Pemantauan Tapak Bina dan Notifikasi Pemeriksaan Interim
- Proses 5 : Notifikasi Pemeriksaan Akhir Peringkat I dan Peringkat II
- Proses 6 : Pendepositan CCC/CFO




Rajah 5.1 : Carta Alir Keseluruhan Proses 1 Hingga Proses 6




STRUKTUR DAN
 FORMASI OSC 3.0 PLUS




**PROSES 3:
 NOTIFIKASI
 MULA KERJA BINAAN**



**PROSES 4:
 PEMANTAUAN
 TAPAK BINA
 DAN NOTIFIKASI
 PEMERIKSAAN INTERIM**



**PROSES 5:
 NOTIFIKASI
 PEMERIKSAAN AKHIR**




**PROSES 6:
 PENDEPOSITAN
 CCC**

STRUKTUR DAN FORMASI OSC 3.0 PLUS

5.2 PENETAPAN KATEGORI KEBENARAN MERANCANG


Sejajar dengan kehendak peruntukan undang-undang khususnya Subseksyen 19(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Akta 172, setiap cadangan pemajuan hendaklah mendapatkan Kebenaran Merancang (KM) dari Pihak Berkuasa Perancang Tempatan sebelum pemajuan itu boleh dimulakan, dijalankan atau diusahakan di atas tapak pemajuan. Langkah penetapan kategori Kebenaran Merancang berdasarkan intensiti dan risiko sesuatu pemajuan adalah sangat penting bagi menentukan kaedah layanan memproses kelulusan termasuk penentuan bilangan hari memproses dan keperluan senarai semak dokumen di peringkat mengemukakan permohonan.

Rajah 5.2 : Nukleus Pemajuan




Kebenaran Merancang merupakan manifestasi kepada matlamat untuk mencapai pembangunan mampan yang mengambilkira semua aspek dalam pembangunan termasuk elemen alam sekitar, fizikal, ekonomi dan sosial. Proses pertimbangan yang menyeluruh dan seimbang oleh PBT berdasarkan dasar-dasar pembangunan negara merupakan faktor penting sebelum Kebenaran Merancang diberikan. Kebenaran Merancang adalah asas utama kepada permulaan sesuatu pembangunan. Tanpa Kebenaran Merancang, permohonan untuk mendapatkan kelulusan permit-permit pembinaan yang utama iaitu Pelan Jalan dan Parit, Pelan Bangunan dan Pelan Kerja Tanah tidak dapat diberi pertimbangan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Manakala kelulusan kesemua permit pembinaan hendaklah mematuhi dan selaras dengan Kebenaran Merancang yang telah diberikan. Berdasarkan proses pembangunan, tanpa kelulusan permit pembinaan, kerja-kerja pembinaan tidak akan dapat dilaksanakan. Kesyinambungan proses pemajuan dari peringkat Kebenaran Merancang sehingga bangunan siap dibina hendaklah dipantau sehingga pengeluaran perakuan siap dan pematuhan (CCC) bagi menjamin keselesaan, keselamatan dan kelestarian persekitaran. Sehubungan itu, OSC 3.0 Plus telah menetapkan KM kepada 3 kategori iaitu kecil, sederhana dan besar. Jadual 5.1 menunjukkan kriteria terperinci mengikut kategori Kebenaran Merancang.


i) Kriteria Umum Kategori Kecil



ii) Kriteria Umum Kategori Sederhana



iii) Kriteria Umum Kategori Besar



STRUKTUR DAN FORMASI OSC 3.0 PLUS

Jadual 5.1 : Kriteria Terperinci Mengikut Kategori Kebenaran Merancang

KATEGORI	PLANMalaysia	TNB	IWK	PBAN
BESAR A	1) Rujukan MPFN 22(2A); i. Bandar : > 100 hektar/penduduk > 10,000 orang; ii. Infrastruktur atau kemudahan utama; iii. Puncak/ lereng bukit (KSAS rancangan pemajuan).	1) Stesen Suis Utama – Voltan 275kV @ 132kV & Beban maksima > 25MVA (<i>Single Customer/ Public Distribution License</i>); 2) Pencawang Masuk Utama – Voltan 275kV @ 132 kV & Beban maksima > 25MVA (<i>mix development</i>).	1) Loji Rawatan Kumbahan (<i>Sewerage Treatment Plant - STPS</i>) dan Stesen Pam (<i>Network Pump Station – NPS</i>). [Loji Rawatan Kumbahan (STP) bawah bangunan/ Loji Rawatan Kumbahan (STP) Persendirian].	1) Load >10,000 liter/hari 2) Panjang paip dari tempat tebukan (tapping point) ke titik meter ialah melebihi 30m 3) Saiz paip : > 150mm 4) Tangki Air; i. 460,000 liter/hari – Johor ii. 460,000 liter/hari – Pulau Pinang iii. 100,000 liter/hari – Kelantan iv. 227,000 liter/hari – Perak v. 1,000,000 liter/hari – Selangor vi. 1,000,000 liter/hari – Putrajaya vii. 1,000,000 liter/hari – Kuala Lumpur viii. 227,000 liter/hari – Negeri Sembilan ix. 363,687 liter/hari – Pahang x. 227,000 liter/hari – Terengganu xi. 325,000 liter/hari – Melaka xii. 227,000 liter/hari – Kedah
BESAR B	n/a			
SEDERHANA	n/a	1) Stesen Suis Utama – Voltan 33kV @ 11kV & Beban maksima 350kVA sehingga 25MVA (<i>Single Customer/ Public Distribution License</i>); 2) Pencawang Pembahagian Utama/ Pencawang Elektrik – Voltan 33kV @ 11kV & Beban maksima 350kVA sehingga 25MVA (<i>mix development</i>).	1) Loji Rawatan Kumbahan (STP) Awam dan Stesen Pam;	
KECIL	n/a	1) Keperluan Pencawang Elektrik bergantung kepada sistem sedia ada Voltan 11kV @ LV & Beban maksima sehingga 350kVA (<i>mix development / Single Customer</i>)	1) <i>Single Connection (Network Connection – NWC)/ Tangki Septik (Individual Septic Tank – IST)/ Sistem Rawatan Kumbahan Kecil (Small Sewerage Treatment System – SSTS).</i>	1) Load < 10,000 liter/hari.





MANUAL OSC 3.0 PLUS

Proses dan Prosedur
Cadangan Pemajuan
Serta Pelaksanaan
Pusat Setempat (OSC)

6

PROSES DAN PROSEDUR KELULUSAN PELAN PEMAJUAN

Panduan Umum Pelaksanaan Manual OSC 3.0 Plus

Kaedah Permohonan Pelan Pemajuan

Proses 1 : Pengumpulan Maklumat Teknikal

Proses 2 : Pertimbangan Pelan Pemajuan

Proses 3 : Notifikasi Mula Kerja Binaan

Proses 4 : Pemantauan Tapak Bina Dan Notifikasi Pemeriksaan Interim

Proses 5 : Notifikasi Pemeriksaan Akhir

Proses 6 : Pendepositan CCC

6. PROSES DAN PROSEDUR KELULUSAN PELAN PEMAJUAN

Proses dan prosedur merupakan teras utama di dalam manual ini. Ia adalah bagi memastikan setiap pelan permohonan yang diterima mematuhi segala keperluan perundangan dan peraturan yang ditetapkan

6.1. PANDUAN UMUM PELAKSANAAN MANUAL OSC 3.0 PLUS

Manual OSC 3.0 Plus ini disediakan bagi rujukan semua pihak yang berkepentingan di dalam industri pembinaan terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan, Agensi/ Jabatan Teknikal, Perunding Profesional, Pemaju Hartanah dan lain-lain pihak yang berkaitan. Penyediaan manual ini secara terperinci menggariskan langkah dan tatacara yang seragam ke arah mendapatkan kelulusan pelan pemajuan atau permit pembinaan dari Pihak Berkuasa Tempatan. Berikut merupakan panduan umum bagi memandu penggunaan dan pelaksanaan Manual OSC 3.0 Plus;

- i) Manual ini disediakan secara kombinasi prosedur dan tatacara bagi 3 pihak utama terlibat dengan proses mendapatkan kelulusan pelan pemajuan atau permit pembinaan iaitu PBT, Agensi/ Jabatan Teknikal dan Perunding Profesional;
- ii) Tatacara dan prosedur yang digariskan adalah berdasarkan ketetapan undang-undang, dasar, garis panduan dan pekeliling kerajaan yang masih berkuatkuasa;
- iii) Penyediaan manual ini hanya memberi fokus kepada keperluan senarai semak dokumen yang boleh diseragamkan bagi setiap permohonan pelan pemajuan;
- iv) Keperluan senarai semak terperinci yang mengandungi perincian keperluan teknikal PBT dan agensi/ jabatan teknikal tidak disertakan di dalam manual ini kerana ia tertakluk kepada merit, senario lokatiti dan keperluan dari semasa ke semasa;
- v) Nama/ tajuk dokumen senarai semak yang mengandungi keperluan perincian teknikal yang disediakan oleh setiap Agensi/ Jabatan Teknikal

dalam bentuk garis panduan, arahan teknik, piawaian, manual dan lain-lain dinyatakan di dalam manual ini sebagai rujukan;

- vi) Keperluan teknikal terkini yang terdapat di dalam dokumen senarai semak terperinci PBT dan Agensi/ Jabatan Teknikal adalah tertakluk kepada perubahan dan keperluan dari semasa ke semasa;
- vii) Manual ini menyediakan carta alir proses yang menetapkan KPI atau tempoh masa bilangan hari secara khusus mengikut peringkat tatacara prosedur yang mesti dipatuhi oleh PBT, Agensi/ Jabatan Teknikal dan Perunding Profesional;
- viii) Manual ini disediakan sebagai panduan dan sumber rujukan berdasarkan kepada konsep *Self-Regulation* dan *Self-Certification* yang mengiktiraf para Perunding Profesional sebagai kompeten dan beretika dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai Orang Yang Mengemukakan (SP), Orang Berkelayakan (QP) atau Orang Utama Yang Mengemukakan (PSP);
- ix) PBT dan Agensi/ Jabatan Teknikal hendaklah mematuhi peruntukan undang-undang yang mentadbir fungsi, peranan dan tanggungjawab masing-masing dan hendaklah melaksanakan tindakan penguatkuasaan sejajar dengan punca kuasa dan undang-undang bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan awam terjamin sejajar dengan konsep '*Duty of Care*' dan kepentingan '*Check and Balance*'; dan
- x) Pengiraan tempoh bilangan hari yang diambilkira di dalam manual ini adalah berdasarkan bilangan hari kalendar iaitu dengan mengambilkira kiraan hari cuti hujung minggu, cuti umum dan cuti kelepasan am.

6.2 KAEDAH PERMOHONAN PELAN PEMAJUAN

Kaedah permohonan pelan pemajuan ini disediakan bagi memberi pilihan kepada pemohon untuk merancang kaedah permohonan mengikut kemampuan dan keselesaan pemaju. Pilihan kaedah permohonan secara serentak merupakan satu bentuk insentif kepada pemohon untuk memastikan proses pembangunan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan pantas. Selain itu, ia juga dapat memastikan tindakan penyediaan dokumen dan pelan permohonan dengan cekap, teratur dan mematuhi semua peraturan yang ditetapkan berdasarkan kaedah permohonan.

KAEDAH	JENIS PERMOHONAN
KAEDAH I	<p>Permohonan hendaklah secara serentak dan lengkap mengandungi jenis-jenis permohonan seperti berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Perihal Tanah (124A atau 204D); dan 2. Kebenaran Merancang (Susun atur dan Pendirian Bangunan atau Pendirian Bangunan Sahaja); dan 3. Pelan Jalan dan Parit; dan

KAEDAH	JENIS PERMOHONAN
	<ol style="list-style-type: none"> 4. Pelan Bangunan; dan 5. Pelan Kerja Tanah; dan 6. Permit Sementara Bangunan/ Struktur Sementara; dan <ol style="list-style-type: none"> a. Papan Dinding (<i>hoarding</i>); b. Papan Tanda; c. Rumah Pekerja; d. <i>Batching Plant</i>. 7. Pelan Landskap; dan 8. Pelan Lampu Jalan; dan 9. Pelan Nama Taman/ Kawasan; dan 10. Pelan Nama Jalan; dan 11. Pelan Nama Bangunan.
<p>KAEDAH II</p>	<p>Permohonan hendaklah secara serentak dan lengkap mengandungi jenis-jenis permohonan seperti berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kebenaran Merancang (Susun atur dan Pendirian Bangunan atau Pendirian Bangunan Sahaja); dan 2. Pelan Jalan dan Parit; dan 3. Pelan Bangunan; dan 4. Pelan Kerja Tanah; dan 5. Permit Sementara Bangunan/ Struktur Sementara; dan <ol style="list-style-type: none"> a. Papan Dinding (<i>Hoarding</i>); b. Papan Tanda; c. Rumah Pekerja; d. <i>Batching Plant</i>. 6. Pelan Landskap; dan 7. Pelan Lampu Jalan; dan 8. Pelan Nama Taman/ Kawasan; dan 9. Pelan Nama Jalan; dan 10. Pelan Nama Bangunan.
<p>KAEDAH III</p>	<p>Permohonan hendaklah secara serentak dan lengkap mengandungi jenis-jenis permohonan seperti berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Perihal Tanah (124A atau 204D); dan 2. Kebenaran Merancang (Susun atur).
<p>KAEDAH IV</p>	<p>Permohonan hendaklah secara berasingan dan lengkap mengandungi jenis-jenis permohonan seperti berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Perihal Tanah (124A) bersama KM (Susunatur); atau 2. Perihal Tanah (204D) bersama KM (Susunatur); atau 3. Kebenaran Merancang (Susun atur); atau 4. Kebenaran Merancang (Pembinaan); atau 5. Pelan Jalan dan Parit; atau 6. Pelan Bangunan; atau 7. Pelan Kerja Tanah; atau 8. Permit Sementara Bangunan/ Struktur Sementara; atau 9. Permit Sementara Papan Dinding (<i>hoarding</i>); atau 10. Permit Sementara Papan Tanda; atau 11. Permit Sementara Rumah Pekerja; atau 12. Permit Sementara <i>Batching Plant</i>; atau 13. Pelan Landskap; atau 14. Pelan Lampu Jalan; atau 15. Pelan Nama Taman/ Kawasan; atau 16. Pelan Nama Jalan; atau

KAEDAH	JENIS PERMOHONAN
KAEDAH V	17. Pelan Nama Bangunan; atau 18. Permohonan pelan pindaan kepada pelan lulus (semua jenis); atau 19. Permohonan pelan bangunan rumah sesebuah kediaman persendirian; atau 20. Permohonan perlanjutan dan pembaharuan pelan pemajuan.
	<p>Pengemukaan (deposit) untuk tujuan rekod rasmi di jabatan Pihak Berkuasa Tempatan yang berkaitan iaitu :</p> 1. Borang B (Mula Kerja Binaan); 2. Notifikasi Pemeriksaan Interim; 3. Notifikasi Pemeriksaan Akhir; 4. Borang G1 – G21; 5. Borang F dan F1 (CCC) 6. CFO; 7. Pelan sanitari; 8. Pelan konkrit tetulang; 9. Pelan bangunan bagi projek-projek kerajaan yang tidak memerlukan (CFO/ CCC) bangunan dikeluarkan.

Jadual 6.1 : Jenis-Jenis Permohonan Serentak Dan Tempoh Masa

BIL.	PERMOHONAN SERENTAK	TEMPOH MASA
1.	Kombinasi Mana-Mana Permohonan berikut; [KM Pembinaan Kategori Besar Jenis A*/ Pelan Jalan dan Parit/ Pelan Bangunan/ Pelan Kerja Tanah/ Pelan Landskap/ Pelan Permit Sementara/ Pelan Lampu Jalan/ Pelan Nama Taman, Jalan dan Bangunan.]	Maksimum 300 hari
2.	Kombinasi Mana-Mana Permohonan berikut; [KM Pembinaan Kategori Besar Jenis B*/ Pelan Jalan dan Parit/ Pelan Bangunan/ Pelan Kerja Tanah/ Pelan Landskap/ Pelan Permit Sementara/ Pelan Lampu Jalan/Pelan Nama Taman, Jalan dan Bangunan.]	Minimum 71 hari Maksimum 115 hari
3.	Kombinasi Mana-Mana Permohonan berikut; [KM Pembinaan Kategori Sederhana*/ Pelan Jalan dan Parit/ Pelan Bangunan/ Pelan Kerja Tanah/ Pelan Landskap/ Pelan Permit Sementara/ Pelan Lampu Jalan/Pelan Nama Taman, Jalan dan Bangunan.]	Minimum 57 hari Maksimum 99 hari
4.	Kombinasi Mana-Mana Permohonan berikut; [KM Pembinaan Kategori Kecil*/ Pelan Jalan dan Parit/ Pelan Bangunan/ Pelan Kerja Tanah/ Pelan Landskap/ Pelan Permit Sementara/ Pelan Lampu Jalan/Pelan Nama Taman, Jalan dan Bangunan.]	Minimum 42 hari Maksimum 98 hari
5.	Kombinasi Mana-Mana Permohonan berikut; [Pelan Jalan dan Parit/ Pelan Bangunan/ Pelan Kerja Tanah/ Pelan Landskap/ Pelan Permit Sementara/ Pelan Lampu Jalan/Pelan Nama Taman, Jalan dan Bangunan.]	Minimum 50 hari Maksimum 92 hari

PROSES DAN PROSEDUR
 KELULUSAN PELAN PEMAJUAN


6.3. PROSES 1 : PENGUMPULAN MAKLUMAT TEKNIKAL

PANDUAN PELAKSANAAN PROSES 1 Pengumpulan Maklumat Teknikal (Bukan Mandatori)

- 1.0 Objektif utama proses **PENGUMPULAN MAKLUMAT**⁵ ialah untuk mendapatkan maklumat dan khidmat nasihat berkaitan DATA dan KEPERLUAN TEKNIKAL umum dari setiap agensi/ jabatan teknikal (ATD dan ATL) yang terlibat dalam memberikan ulasan teknikal dalam permohonan pelan pemajuan;

- 2.0 Prosedur Proses 1 (PENGUMPULAN MAKLUMAT) adalah BUKAN PROSEDUR MANDATORI. Ia merupakan PROSEDUR PILIHAN kepada pemohon;
- 3.0 DATA dan KEPERLUAN TEKNIKAL adalah bagi membantu pemohon menyediakan reka bentuk pelan dan penyediaan dokumen mengikut senarai semak dokumen sebelum permohonan rasmi dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- 4.0 DATA dan KEPERLUAN TEKNIKAL yang terdapat di setiap agensi boleh diperolehi daripada dokumen-dokumen yang diterbitkan secara massa (umum) atau dokumen terhad dengan implikasi kos;
- 5.0 Sekiranya melibatkan temujanji atau secara *walk in* dengan pegawai agensi, pemohon hendaklah mematuhi peraturan dan tatacara pelaksanaan prosedur Proses 1 (PENGUMPULAN MAKLUMAT) yang ditetapkan oleh agensi/ jabatan teknikal (ATD dan ATL);
- 6.0 Sebarang dokumen bertulis atau catatan hasil pengumpulan maklumat teknikal (jika ada) yang dikeluarkan oleh agensi/ jabatan teknikal (ATD dan ATL) sebelum permohonan rasmi dikemukakan kepada Pusat Setempat (OSC) PBT adalah BUKAN dokumen rasmi ulasan teknikal agensi/ jabatan teknikal (ATD dan ATL) yang berkaitan;
- 7.0 Agensi/ jabatan teknikal (ATD dan ATL) TIDAK BOLEH mengeluarkan ulasan teknikal dan membuat pengesahan rasmi ke atas hasil proses pengumpulan maklumat teknikal;
- 8.0 Ulasan teknikal rasmi yang dikeluarkan agensi/ jabatan teknikal (ATD dan ATL) adalah MENGATASI dokumen bertulis pengumpulan maklumat sekiranya terdapat sebarang percanggahan;
- 9.0 Permohonan rasmi hendaklah DITERIMA di kaunter OSC PBT TANPA pemohon melaksanakan Proses 1 atau pemohon melaksanakan Proses 1 tetapi tidak menerima maklumbalas maklumat dari agensi tertakluk kepada pematuhan ke atas senarai semak dokumen.

Rajah 6.1 : Carta Alir Proses 1 - Pengumpulan Maklumat Teknikal



PROSES DAN PROSEDUR
 KELULUSAN PELAN PEMAJUAN

PENGUMPULAN MAKLUMAT⁵

“ Terminologi ‘Pengumpulan Maklumat’ adalah bagi menggantikan terminologi ‘Pra-Rundingan’ yang digunakan di dalam Manual OSC 3.0. Pra-Rundingan telah dimansuhkan melalui surat arahan pentadbiran Ketua Setiausaha Negara No. Rujukan : JPM.KSN. 100/2/2/5/Jld.7(161) kepada semua Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Pengarah Jabatan, Setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua Pihak Berkuasa Tempatan dan Ketua Agensi Teknikal Luaran bertarikh 23 Julai 2019. Walau bagaimanapun pemohon digalakkan untuk mengadakan sesi pengumpulan maklumat teknikal bagi mendapatkan informasi yang relevan. Namun ia satu keperluan prosedur yang bukan mandatori bagi membantu pemohon untuk memperolehi maklumat yang tepat sebelum merekabentuk dan menyediakan pelan dan dokumen bagi tujuan mengemukakan permohonan rasmi. Pemohon yang tidak melaksanakan proses pengumpulan maklumat tidak akan menjejaskan haknya untuk mengemukakan permohonan rasmi tertakluk kepada pematuhan senarai semak dokumen yang ditetapkan di dalam Manual OSC 3.0 Plus.”

PROSES 1
PENGUMPULAN MAKLUMAT TEKNIKAL
 [Permohonan Dan Penyediaan Maklumat]

SEMUA AGENSI/ JABATAN TEKNIKAL DALAMAN DAN LUARAN

TANGGUNG JAWAB	TINDAKAN	LAMPIRAN/ RUJUKAN
PSP/ SP	1. Mengemukakan permohonan atau membuat kunjungan kepada agensi berkaitan bagi pengumpulan maklumat. (sekiranya perlu)	
SEMUA AGENSI/ JABATAN TEKNIKAL DALAMAN DAN LUARAN	2. Rekod tarikh terima permohonan maklumat atau terima kunjungan dari pemohon/ PSP/ SP;	
SEMUA AGENSI/ JABATAN TEKNIKAL DALAMAN DAN LUARAN	3. Memberi khidmat nasihat, menyediakan dan membekalkan maklumat (dalam tempoh yang wajar) dari tarikh permohonan atau kunjungan diterima dari pemohon/ PSP/ SP.	
PSP/ SP	4. Mencatat dan mengumpul maklumat dari agensi berkaitan (sekiranya ada).	

6.4 PROSES 2 : PERTIMBANGAN PELAN PEMAJUAN

PROSES 2
PERTIMBANGAN PELAN PEMAJUAN


- 1.0 Objektif utama Proses 2 ialah memproses dan mempertimbangkan semua permohonan pelan pemajuan yang diterima oleh Pusat Setempat (OSC) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- 2.0 Semua permohonan pelan pemajuan hendaklah dikemukakan melalui Sistem OSC 3.0 *Plus Online* dan hendaklah mematuhi senarai semak dokumen;
- 3.0 Permohonan diterima secara rasmi selepas pemohon mengemukakan 2 salinan dokumen (*hardcopy*) yang lengkap mengikut senarai semak dokumen di kaunter OSC;
- 4.0 Setiap permohonan pelan pemajuan diedarkan secara atas talian (*online*) tanpa salinan dokumen (*hardcopy*) kepada Jabatan Mengulas (ATD dan ATL);
- 5.0 Semua jabatan teknikal dalaman dan jabatan teknikal luaran hanya akan menerima surat rasmi permohonan dari Unit OSC bagi tujuan rekod dan fail;
- 6.0 Salinan dokumen (*hardcopy*) hanya akan diedarkan kepada kepada Jabatan Memperaku;
- 7.0 Proses pengeluaran ulasan teknikal dan penyediaan kertas perakuan hendaklah menepati tempoh masa yang ditetapkan dengan dipantau oleh Unit OSC;
- 8.0 Bagi penyediaan kertas perakuan untuk permohonan Kebenaran Merancang, Jabatan Memperaku digalakkan merujuk panduan Penerimaan Kod-Kod Peringkat Pematuhan Syarat-Syarat Permohonan Kebenaran Merancang PLANMalaysia bagi mengklasifikasikan keperluan teknikal dan bukan teknikal mengikut peringkat pematuhan di dalam proses pemajuan;
- 9.0 Mesyuarat Pra-Jawatankuasa OSC hendaklah dilaksanakan mengikut proses kerja dan tempoh yang ditetapkan bagi menyelaraskan keperluan teknikal antara semua jabatan teknikal dalaman dan luaran;

- 10.0 Setiap permohonan hanya diberi pertimbangan di dalam Jawatankuasa Pusat Setempat (JK OSC) sebanyak 2 kali mengikut proses kerja dan tempoh masa yang ditetapkan seperti berikut;
- Keputusan Jawatankuasa Kali Pertama adalah sama ada **Lulus Dengan Pindaan Pelan⁶, Lulus Penuh atau Tolak**;
 - Keputusan Jawatankuasa Kali Kedua adalah samada ada **Lulus Penuh atau Tolak**.
- 11.0 Penyata/ Minit Mesyuarat JK OSC kali pertama hendaklah mengandungi perincian semua keperluan teknikal atau yang berkaitan sebagaimana yang disyorkan di dalam kertas perakuan dan apa-apa perkara baharu yang mengikut peraturan sebagaimana hasil perbincangan/ keputusan mesyuarat JK OSC;
- 12.0 Sebarang pengeluaran baharu, penukaran dan pertambahan ulasan teknikal sama ada dari jabatan berperaku atau jabatan mengulas selepas Jawatankuasa Pusat Setempat kali pertama membuat keputusan adalah **TIDAK DIBENARKAN** dan disifatkan sebagai **TIDAK BERKENAAN (void)**;
- 13.0 Penyata/ minit mesyuarat keputusan Mesyuarat JK OSC kali kedua hendaklah mengandungi perincian teknikal sebagaimana disyorkan dalam kertas perakuan dan apa-apa perkara yang mengikut peraturan yang diputuskan oleh Jawatankuasa OSC;
- 14.0 Perincian keperluan teknikal berdasarkan Keputusan Lulus Dengan Pindaan Pelan oleh JK OSC hendaklah dipatuhi sepenuhnya oleh pemohon sebelum pertimbangan kali kedua di dalam JK OSC;
- 15.0 Keperluan atau syarat-syarat lain bukan teknikal yang perlu dipatuhi oleh pemohon terutamanya sama ada di peringkat pembinaan atau selepas pembinaan hendaklah dinyatakan di dalam dokumen kelulusan penuh sebagai syarat kelulusan yang mesti dipatuhi oleh pemohon;
- 16.0 Bagi permohonan Pelan Utiliti Terperinci yang melibatkan JPBM, PBAN, TNB, IWK/ MAAJARI, JKPP dan SKMM permohonan hendaklah dikemukakan terus dan diluluskan di bawah bidang kuasa agensi/ jabatan berkenaan selepas menerima kelulusan semua pelan pemajuan utama iaitu Kebenaran Merancang, Pelan Jalan dan Parit, Pelan Bangunan dan Pelan Kerja Tanah. Kelulusan Pelan Utiliti Terperinci hendaklah diperolehi sebelum pemohon mengemukakan Notifikasi Pemeriksaan Interim.
- 17.0 Implikasi keputusan permohonan ke atas setiap jenis permohonan yang dikemukakan secara serentak seperti berikut;

BIL.	KOMBINASI PERMOHONAN SERENTAK	KEPUTUSAN JAWATANKUASA OSC		
1.	Kategori 1	Status		
	i. Kebenaran Merancang	Lulus	LDPP	Tolak
	ii. Jalan dan parit	Lulus/ LDPP/ Tolak	LDPP/ Tolak	Tolak
	iii. Bangunan	Lulus/ LDPP/ Tolak	LDPP/ Tolak	Tolak
	iv. Kerja Tanah	Lulus/ LDPP/ Tolak	LDPP/ Tolak	Tolak
	v. Permit Sementara	Lulus/ LDPP/ Tolak	LDPP/ Tolak	Tolak
2.	Kategori 2	Status		
	i. Jalan dan parit	Lulus	LDPP	Tolak
	ii. Bangunan	Lulus/ LDPP/ Tolak	LDPP/ Tolak	Tolak
	iii. Kerja Tanah	Lulus/ LDPP/ Tolak	LDPP/ Tolak	Tolak
	iv. Permit Sementara	Lulus/ LDPP/ Tolak	LDPP / Tolak	Tolak
3.	Kategori 3	Status		
	i. Bangunan	Lulus	LDPP	Tolak
	ii. Kerja Tanah	Lulus/ LDPP/ Tolak	LDPP/ Tolak	Tolak
	iii. Permit Sementara	Lulus/ LDPP/ Tolak	LDPP/ Tolak	Tolak

Nota : Permohonan serentak yang tidak melibatkan permohonan hal tanah.
LDPP – Lulus Dengan Pindaan Pelan

PROSEDUR SEMAKAN PELAN MELALUI PERMOHONAN ONLINE



PROSES DAN PROSEDUR KELULUSAN PELAN PEMAJUAN

Lulus Dengan Pindaan Pelan⁶

Penggunaan terminologi ‘Lulus Dengan Pindaan Pelan’ merupakan pengubahsuaian ke atas terminologi ‘Lulus Bersyarat’ sebagai salah satu keputusan Jawatankuasa OSC yang ditetapkan di dalam Manual OSC 3.0 Plus Tindakan pengubahsuaian ini adalah sejajar dengan surat arahan pentadbiran Ketua Setiausaha Negara No. Rujukan : JPM.KSN. 100/2/2/5/Jld.7(161) kepada semua Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Pengarah Jabatan, Setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua Pihak Berkuasa Tempatan dan Ketua Agensi Teknikal Luaran bertarikh 23 Julai 2019.

Lulus Dengan Pindaan Pelan bermakna keputusan tersebut bukan satu kelulusan penuh (muktamad) yang membolehkan permohonan pelan pemajuan tersebut diperakukan oleh PBT. Lulus Dengan Pindaan Pelan juga tidak membolehkan kerja binaan dimulakan dan dijalankan di atas tapak pemajuan. Keputusan Lulus Dengan Pindaan Pelan bermaksud, permohonan tersebut hendaklah mematuhi semua ketetapan Jawatankuasa OSC yang mengkehendaki pindaan dilaksanakan di atas pelan sebelum ia boleh diberi keputusan sebagai Lulus Penuh melalui pembentangan kali kedua di dalam Jawatankuasa OSC yang berikutnya.

Peranan penting Unit OSC adalah untuk memastikan pengeluaran surat pemakluman kepada pemohon yang mengandungi setiap perincian teknikal bagi meminda pelan sebagaimana keputusan yang dipersetujui di dalam Jawatankuasa OSC terdahulu. Pemohon hendaklah memastikan semua keperluan pindaan teknikal dipatuhi sepenuhnya manakala Jabatan Memperaku hendaklah menyediakan kertas perakuan bagi pertimbangan Jawatankuasa OSC mengikut tempoh masa yang ditetapkan di dalam carta alir Manual OSC 3.0 Plus.

Manakala bagi keperluan atau syarat-syarat lain bukan teknikal yang perlu dipatuhi oleh pemohon terutamanya sama ada diperingkat pembinaan atau selepas pembinaan hendaklah dinyatakan di dalam dokumen kelulusan penuh sebagai syarat kelulusan yang mesti dipatuhi oleh pemohon. Selaras dengan itu, keputusan ‘Tangguh’ oleh Jawatankuasa OSC telah dimansuhkan. Pemansuhan keputusan Tangguh dilaksanakan kerana ia tidak menetapkan sebarang perincian keperluan teknikal bagi pematuan pindaan atas pelan oleh Jawatankuasa OSC bagi mengelakkan situasi ketidaktentuan yang boleh menyebabkan permohonan pelan pemajuan tersebut tertunggak tanpa tindakan yang wajar sama ada dari pihak PBT, Agensi/ Jabatan Teknikal, Pemaju atau pihak Perunding Profesional.

PROSES 2

PERTIMBANGAN PELAN PEMAJUAN

[Pengemukaan, Penyemakan, Penerimaan, Pendaftaran, Pengedaran dan Pertimbangan Permohonan]

UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)

TANGGUNG JAWAB	TINDAKAN	LAMPIRAN/ RUJUKAN
PSP/ SP	<p>PENGEMUKAAN PERMOHONAN</p> <ol style="list-style-type: none"> Menentukan kaedah dan kategori permohonan dan melengkapkan keperluan senarai semak dokumen mengikut jenis permohonan seperti berikut; <ol style="list-style-type: none"> Kaedah I; atau Kaedah II; atau Kaedah III; atau Kaedah IV; atau Kaedah V. Bagi permohonan Kebenaran Merancang hendaklah melengkapkan Borang Penetapan Kategori Kebenaran Merancang; Mengemukakan permohonan secara <i>online</i>; 	P2_03
OSC	<p>SEMAKAN DOKUMEN PERMOHONAN</p> <ol style="list-style-type: none"> Memastikan permohonan menepati kaedah dan kategori permohonan yang telah ditetapkan seperti berikut; <ol style="list-style-type: none"> Kaedah I; atau Kaedah II; atau Kaedah III; atau Kaedah IV; atau Kaedah V; 	P2_03

TANGGUNG JAWAB	TINDAKAN	LAMPIRAN/ RUJUKAN
<p>OSC</p> <p>OSC</p>	<p>5. Semak secara <i>online</i> dokumen permohonan pelan pemajuan mengikut kaedah dan kategori permohonan;</p> <p>a) Jika lengkap, sahkan secara online dokumen dan maklumkan kepada PSP/SP bagi mengemukakan 2 salinan dokumen (<i>hardcopy</i>) dalam tempoh 3 hari; atau</p> <p>b) Jika tidak lengkap, maklumkan kepada PSP/SP bagi melengkapkan dokumen secara <i>online</i> dan mengemukakan 2 salinan dokumen (<i>hardcopy</i>) dalam tempoh 3 hari.</p> <p>6. Batalkan dan padamkan rekod permohonan secara <i>online</i> sekiranya pemohon gagal mematuhi perkara 5(a) dan 5(b);</p> <p><i>Nota:</i> Permohonan secara online bukan permohonan rasmi. Permohonan akan dianggap secara rasmi hanya selepas menjelaskan fi dan salinan hardcopy dikemukakan dan diterima oleh OSC.</p>	<p>Senarai semak dokumen pelan pemajuan.</p>
MENDAFTAR DAN MEREKOD PERMOHONAN		
<p>PSP/ SP</p> <p>OSC</p>	<p>7. Mengemukakan 2 salinan dokumen (<i>hardcopy</i>) kepada OSC;</p> <p>8. Semak 2 salinan dokumen (<i>hardcopy</i>);</p> <p>a) Jika lengkap, sahkan dan cop terima di atas surat rasmi permohonan; atau</p> <p>b) Jika tidak lengkap, kembalikan kepada pemohon untuk dilengkapkan dalam tempoh 3 hari.</p>	<p>i. Subseksyen 21(1) dan 21(2) Akta 172;</p> <p>ii. Subseksyen 9 (2) Akta 133;</p> <p>iii. Subseksyen 70(2) Akta 133;</p> <p>iv. Subseksyen 70A(1) Akta 133;</p> <p>v. Senarai semak dokumen pelan pemajuan.</p>
<p>PSP/ SP</p> <p>OSC</p> <p>OSC</p>	<p>9. Mengemukakan 2 salinan dokumen (<i>hardcopy</i>) yang telah dilengkapkan mengikut senarai semak kepada OSC;</p> <p>10. Batal dan padamkan rekod permohonan secara <i>online</i> sekiranya pemohon gagal mematuhi perkara 8(b).</p> <p>11. Terima bayaran fi dan keluarkan resit bagi permohonan yang lengkap;</p> <p>a) Satu salinan resit kepada pemohon;</p> <p>b) Satu salinan resit kepada Jabatan Memperaku;</p> <p>c) Satu salinan resit dalam fail OSC.</p>	
<p>PSP/ SP</p> <p>OSC</p>	<p>12. Terima salinan resit bayaran fi permohonan dan pengesahan terimaan permohonan daripada OSC;</p> <p>13. Daftar nombor fail permohonan dalam Buku Rekod Pendaftaran / sistem (Portal OSC V3 KPKT);</p> <p>a) Dua fail permohonan (2 salinan dokumen) diedar kepada Jabatan Memperaku.</p>	

TANGGUNG JAWAB	TINDAKAN	LAMPIRAN/ RUJUKAN
<p>OSC</p> <p>OSC</p> <p>OSC</p> <p>OSC</p>	<p>PENGEDARAN PERMOHONAN</p> <p>14. Menyediakan surat iringan (<i>cover letter</i>) dan Edaran permohonan secara <i>online</i>.</p> <p>14.1 Sediakan surat iringan bersama fail 2 salinan dokumen (<i>hardcopy</i>) sebagaimana perkara 13(b) untuk edaran kepada Jabatan Memperaku;</p> <p>14.2 Sediakan surat iringan untuk edaran kepada Agensi/ Jabatan Teknikal bagi mendapatkan ulasan;</p> <p>14.3 Memastikan surat iringan dan fail salinan dokumen (<i>hardcopy</i>) telah disahkan dan ditandatangani oleh KU OSC/ PPU OSC sebelum edaran;</p> <p>14.4 Edar permohonan secara <i>online</i> dan fail dokumen (<i>hardcopy</i>) bersama surat iringan dalam tempoh 2 hari dari tarikh permohonan didaftarkan di OSC.</p>	<p>P2_16</p> <p>P2_15</p>
<p>OSC</p> <p>OSC</p> <p>OSC</p> <p>OSC</p> <p>PSP/ SP</p> <p>OSC</p>	<p>MEMANTAU DAN MENYELARAS PENGELUARAN ULASAN TEKNIKAL DAN PENYEDIAAN KERTAS PERAKUAN</p> <p>Penerimaan Dan Pemantauan Ulasan Teknikal Dari Agensi/ Jabatan Teknikal</p> <p>15. Terima salinan ulasan teknikal dari Agensi/ Jabatan Teknikal dan rekod tarikh terima.</p> <p>15.1 Memastikan ulasan dikeluarkan dalam tempoh ditetapkan dari tarikh edaran secara <i>online</i>;</p> <p>a) Kebenaran Merancang</p> <p>i. 14 hari bagi kategori kecil dan sederhana; dan</p> <p>ii. 30 – 120 hari bagi kategori besar.</p> <p>b) Selain Kebenaran Merancang</p> <p>i. 14 hari.</p> <p>15.2 Menerima dan merekod ulasan teknikal yang disalinkan kepada OSC termasuk salinan Borang A1 KPPA (Arahan Bertulis) daripada Jabatan Perancang PBT bagi permohonan KM.</p> <p>15.3 Bagi permohonan KM - Terima dan rekod salinan Borang A1 KPPA (Arahan Bertulis) daripada Jabatan Perancang PBT dan Borang A2 KPPA (Pematuhan Arahan Bertulis) daripada pemohon/ PSP/ SP.</p> <p>15.4 Bagi permohonan Kebenaran Merancang – Salinkan Borang A2 KPPA (Pematuhan Arahan Bertulis) yang telah disahkan terima oleh Jabatan Memperaku kepada OSC.</p> <p>15.5 Terima notis pembatalan permohonan KM dan lain-lain pelan pemajuan yang dikemukakan serentak dari Jabatan Memperaku bagi permohonan yang gagal mengembalikan Borang A2 KPPA (Pematuhan Arahan Bertulis).</p>	<p>Portal OSC dan Fail</p> <p>i. Subseksyen 21(3) Akta 172;</p> <p>ii. Subseksyen 21(4) Akta 172;</p> <p>iii. Subseksyen 21B(2) Akta 172;</p> <p>iv. Subseksyen 21B(3) Akta 172.</p> <p>i. Subseksyen 21(5) Akta 172.</p> <p>ii. Subseksyen 21B(4) Akta 172.</p>

TANGGUNG JAWAB	TINDAKAN	LAMPIRAN/ RUJUKAN
	<p>Penerimaan Dan Pemantauan Kertas Perakuan Daripada Jabatan Memperaku</p> <p>16. Terima dan selaras Kertas Perakuan dari Jabatan Memperaku dan rekod tarikh terima.</p> <p>16.1 Memastikan terima Kertas Perakuan dalam tempoh 23 hari dari tarikh edaran secara <i>online</i> permohonan berasingan seperti berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Pelan Bangunan; b) Pelan Jalan dan Parit; c) Pelan Kerja Tanah; d) Pelan Landskap; e) Pelan Lampu Jalan; f) Nama Jalan, Taman dan Bangunan; g) Permit Sementara; h) Permit Pembinaan Kecil. <p>16.2 Memastikan terima Kertas Perakuan dalam tempoh ditetapkan dari tarikh edaran secara <i>online</i> bagi semua permohonan seperti berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Kebenaran Merancang : <ul style="list-style-type: none"> i. Kecil - 17 hari ii. Sederhana - 30 hari iii. Besar - 46 hari. <p>16.3 Memastikan terima Kertas Perakuan dalam tempoh 89 hari dari tarikh edaran secara <i>online</i> bagi semua permohonan di kawasan PBT tidak mewartakan RT seperti berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Kebenaran Merancang; b) Permohonan Serentak dengan kombinasi. <p>17. Selaraskan penyediaan Kertas Perakuan untuk dibincangkan dalam mesyuarat Pra-JK OSC.</p>	
	<p>MESYUARAT PRA-JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)</p> <p>18. Membuat persiapan mesyuarat Pra-JK OSC;</p> <p>18.1 Menyenaraikan fail permohonan dalam tempoh matang dan menyediakan agenda mesyuarat;</p> <p>18.2 Mengeluarkan notis mesyuarat kepada;</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Jabatan Teknikal Dalaman; b) Agensi/ Jabatan Teknikal Luaran; c) PSP/ SP; d) Pemilik/ Pemaju. <p>19. Terima notis mesyuarat dan hendaklah hadir mesyuarat mengikut ketetapan;</p> <p>20. Datuk Bandar/ Yang Dipertua atau pegawai yang dilantik bagi menggantikan Datuk Bandar/ Yang Dipertua mempengerusikan mesyuarat Pra-JK OSC sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh mesyuarat JK OSC;</p> <p>21. Mencatat, memfailkan dan mengedarkan catatan perbincangan serta membuat edaran kepada agensi memperaku dan PSP/ SP;</p>	


TANGGUNG JAWAB	TINDAKAN	LAMPIRAN/ RUJUKAN
<p>OSC</p>	<p>MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)</p> <p>Persediaan Sebelum Mesyuarat JK OSC</p> <p>22. Tentukan tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat bersama Pengerusi Jawatankuasa;</p> <p>22.1 Perutusan Pengerusi;</p> <p>22.2 Pengesahan Minit Mesyuarat;</p> <p>22.3 Perkara-perkara berbangkit;</p> <p>22.4 Pembentangan laporan jumlah dan status fail permohonan pelan-pelan pemajuan;</p> <p>22.5 Pembentangan dan pertimbangan kertas dasar bagi tujuan;</p> <p>a) Kelulusan dan penerimapakaian sebelum diperakukan Majlis Penuh;</p> <p>b) Kelulusan dan timbalguna sebelum diperakukan Majlis Penuh.</p> <p>22.6 Pembentangan kertas perakuan fail permohonan pelan pemajuan untuk pertimbangan dan keputusan Jawatankuasa seperti berikut:</p> <p>a) Kaedah I;</p> <p>b) Kaedah II;</p> <p>c) Kaedah III;</p> <p>d) Kaedah IV;</p> <p>e) Kaedah V.</p> <p>22.7 Pembentangan untuk pengesahan kertas pemakluman permohonan/ pendepositan bagi tujuan rekod PBT;</p> <p>a) Seksyen 20A Akta 172;</p> <p>b) Pendepositan CCC;</p> <p>c) Pengeluaran CFO.</p> <p>22.8 Pembentangan dan pengesahan kertas pemakluman permohonan pelan pemajuan yang diturunkan kuasa*;</p> <p>a) Permohonan permit pembinaan kecil (ubahan tambahan) dan permit sementara bangunan;</p> <p>b) Permohonan pelan Landskap.</p> <p><i>* Senarai atau jenis permohonan yang diturunkan kuasa adalah tertakluk kepada pelaksanaan PBT.</i></p> <p>22.9 Pembentangan status dan isu pemantauan tapak Proses 4 (Pemeriksaan Interim);</p> <p>22.10 Hal-hal lain;</p> <p>22.11 Penutup.</p>	
<p>OSC</p>	<p>23. Mengedarkan surat panggilan sekurang-kurangnya 5 hari sebelum tarikh mesyuarat JK OSC kepada;</p> <p>a) Jabatan Teknikal Dalam;</p> <p>b) Agensi/ Jabatan Teknikal Luaran;</p> <p>c) Ahli Majlis;</p> <p>d) PSP/ SP (jika perlu);</p> <p>e) Pemilik/ Pemaju (jika perlu).</p>	

TANGGUNG JAWAB	TINDAKAN	LAMPIRAN/ RUJUKAN
OSC	24. Terima dan selaras penyediaan kertas perakuan terkini dan lain-lain kertas (kertas dasar dan kertas pemakluman) daripada Jabatan Memperaku berdasarkan perbincangan mesyuarat Pra-Jawatankuasa OSC sekurang-kurangnya 3 hari sebelum tarikh JK OSC;	
OSC	25. Menyediakan dan menyelaras dokumen dan bahan pembentangan mesyuarat;	
OSC	26. Membuat edaran dokumen dan bahan pembentangan mesyuarat kepada ahli mesyuarat.	
	Tindakan Semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)	
OSC	27. Mengurus setia mesyuarat mengikut agenda mesyuarat yang telah ditetapkan;	
OSC	28. Memberi nasihat berkaitan prosedur dan keperluan teknikal (sekiranya perlu) kepada JK OSC;	
OSC	29. Mencatat keputusan dan perincian teknikal sebagai minit mesyuarat seperti berikut; 29.1 Melulus; atau <i>Nota:</i> <i>Bagi pertimbangan JK OSC kali pertama dan kali kedua.</i> 29.2 Menolak; atau <i>Nota:</i> <i>Bagi pertimbangan JK OSC kali pertama dan kali kedua.</i> 29.3 Melulus Dengan Pindaan Pelan; atau <i>Nota;</i> <i>Bagi pertimbangan JK OSC kali pertama sahaja.</i> 29.4 Membatal/ Menarik balik; atau; 29.5 Membuat perakuan ke atas perkara-perkara berikut; a) Pelan pra-perhitungan (bagi yang dikemukakan serentak bersama kebenaran merancang); atau b) Permohonan serentak pecah sempadan dan perubahan syarat-syarat, sekatan-sekatan dan kategori-kategori di bawah seksyen 124A; atau c) Permohonan penyerahan balik dan pemberimilikan semula seksyen 204D KTN.	1) Subsekyen 22(3) Akta 172; 2) Subseksyen 9(2) Akta 133; 3) Subseksyen 70(3) Akta 133; 4) Subseksyen 70A(2) Akta 133. i. Subseksyen 21(5) Akta 172; ii. Subseksyen 21B(4) Akta 172; iii. Subseksyen 70(6) Akta 133.
OSC	PENYEDIAAN DAN EDARAN KEPUTUSAN MESYUARAT 30. Menyediakan keputusan mesyuarat seperti berikut; 30.1 Keputusan dasar dalam tempoh 3 hari daripada tarikh mesyuarat;	Template penyata/ minit mesyuarat. P2-17

TANGGUNG JAWAB	TINDAKAN	LAMPIRAN/ RUJUKAN
	30.2 Keputusan terperinci dan minit mesyuarat dalam tempoh 5 hari daripada tarikh mesyuarat.	P2-18 P2-19 P2-20
OSC	31. Kemaskini maklumat keputusan mesyuarat dalam portal OSC V3 KPKT.	
OSC	32. Menyediakan surat pemakluman dan surat iringan seperti berikut; a) Surat pemakluman keputusan JK OSC kepada; i. Pemohon; ii. PSP/ SP; iii. Jabatan Memperaku.	
OSC	b) Surat iringan (<i>cover letter</i>) kepada; i. Urus setia Mesyuarat Majlis Penuh; ii. Ahli mesyuarat JK OSC.	
	Dalam tempoh 5 hari dari tarikh Mesyuarat JK OSC seperti berikut;	
OSC	32.1 a) Edar Surat Pemakluman Kelulusan Kebenaran Merancang Kepada Pentadbir Tanah (bagi permohonan kebenaran merancang yang dikemukakan serentak bersama permohonan 124A atau 204D) selepas Borang C1 dikeluarkan oleh Jabatan Perancang PBT dan disertakan dokumen berikut; i. Dokumen pelan susun atur kebenaran merancang yang telah diberi cop kelulusan; ii. Dokumen pelan pra-hitungan yang telah diberi cop kelulusan; iii. Borang C1 KPPA. b) Rekod tarikh surat pemakluman dikeluarkan.	P2_18 P2_19 P2_20
OSC	32.2 a) Edar Surat Pemakluman keputusan Mesyuarat JK OSC kepada pemohon/ PSP/ SP untuk arah pinda/ tunai syarat atas pelan dan salinkan kepada Jabatan Memperaku; b) Rekod tarikh surat pemakluman dikeluarkan.	
PSP/ SP	32.2a Terima surat pemakluman keputusan mesyuarat untuk arah pinda/ tunai syarat atas pelan dari OSC. Nota: Bagi permohonan Pelan Bangunan - Surat Pemakluman adalah 'Arahan Bertulis' yang dikeluarkan PBT kepada PSP/ SP.	Subseksyen 70(4) Akta 133.
PSP/ SP	32.2b Mematuhi Arahan Bertulis/ tunai syarat atas pelan. Nota: Bagi permohonan Pelan Bangunan - PSP/ SP hendaklah mematuhi Arahan Bertulis yang dikeluarkan oleh PBT.	Subseksyen 70(5) Akta 133.
PSP/ SP	32.2c Kemukakan surat iringan/ dokumen/ pelan yang telah dipinda/tunai syarat kepada Jabatan Memperaku dan salinkan surat iringan yang telah disahkan terima oleh Jabatan Memperaku kepada OSC.	


TANGGUNG JAWAB	TINDAKAN	LAMPIRAN/ RUJUKAN
	<p>Nota: Bagi permohonan Pelan Bangunan - PSP/ SP hendaklah mengemukakan semula dokumen/ pelan yang telah dipinda selepas mematuhi Arahan Bertulis kepada PBT.</p>	Subseksyen 70(5) Akta 133.
OSC	32.2d Rekod tarikh terima salinan surat iringan pengemukaan dokumen/ pelan yang telah mematuhi syarat pindaan atas pelan dari pemohon/ PSP/ SP yang telah disahkan terima oleh Jabatan Memperaku dari PSP/ SP.	
OSC	32.3 a) Edar Surat Pemakluman keputusan Mesyuarat JK OSC kepada Jabatan Memperaku untuk keluaran kelulusan rasmi (kelulusan muktamad) dan salinkan kepada pemohon/ PSP/ SP bagi penyediaan dokumen; b) Rekod tarikh surat pemakluman dikeluarkan; c) Rekod tarikh terima dokumen/ pelan untuk tujuan cop lulus dari pemohon/ PSP/ SP.	P2_18 P2_19 P2_20
PSP/ SP	32.3a Terima salinan surat pemakluman keputusan mesyuarat bagi penyediaan dokumen kelulusan rasmi (kelulusan muktamad) dari OSC dalam tempoh 5 hari dari tarikh mesyuarat JK OSC.	
PSP/ SP	32.3b Menyediakan dokumen kelulusan rasmi dan bayaran caj pemajuan atau apa-apa bayaran berkaitan.	
PSP/ SP	32.3c Kemukakan surat iringan/ dokumen/ pelan/ bayaran caj pemajuan bagi kelulusan rasmi (kelulusan muktamad) kepada Jabatan Memperaku dan salinkan surat iringan yang telah disahkan terima oleh Jabatan Memperaku kepada OSC dalam tempoh 7 hari dari tarikh terimaan surat pemakluman.	
OSC	32.3d Rekod tarikh terima salinan surat iringan pengemukaan dokumen/ pelan kelulusan rasmi (kelulusan muktamad) dari pemohon/ PSP/ SP yang telah disahkan terima oleh Jabatan Memperaku dari PSP/ SP.	
OSC	32.4 a) Edar minit mesyuarat JK OSC bersama surat iringan (cover letter) kepada ahli Mesyuarat; b) Rekod tarikh edaran.	
OSC	32.5 a) Edar minit mesyuarat bersama surat iringan (cover letter) kepada urus setia Mesyuarat Majlis Penuh PBT untuk makluman/ perakuan; b) Rekod tarikh edaran.	
	MENERIMA DAN MEREKOD SALINAN DOKUMEN/ PELAN KELULUSAN MUKTAMAD DARIPADA JABATAN MEMPERAKU.	
OSC	33. Terima salinan dokumen/ pelan yang telah diberi kelulusan muktamad daripada Jabatan Memperaku;	
OSC	34. Rekod tarikh terima dan failkan dokumen.	

Rajah 6.2 : Carta Alir Proses 2 – Pertimbangan Pelan Pemajuan



Nota :

- KM - Kebenaran Merancang
- KMT - Kebenaran Merancang Terhadap
- SSP - Struktur Sistem Pemancar
- PPK - Permit Pembinaan Kecil (Renovation)



Jadual 6.2 : Jadual Matriks Penglibatan Jabatan / Agensi Teknikal

BIL.	AGENSI TEKNIKAL	124A & 204D	KEBENARAN MERANCANG	PELAN BANGUNAN	STRUKTUR SISTEM PEMANCAR	PERMIT SEMENTARA	PAPAN IKLAN LUAR	PERMIT (KERJA UBAH SUAI KECIL)	PELAN KEJURUTERAAN				SUB KM		NOTIFIKASI/DEPOSIT							
									KERJA TANAH	JALAN & PARIT	LAMPU JALAN	UTILITI	LANDSKAP	NAMA JALAN / TAMAN / BANGUNAN	BORANG B	INTERIM	PEMERIKSAAN AKHIR I	PEMERIKSAAN AKHIR II	CCC / CFO			
1.	PLANMalaysia		✓																			
2.	Pentadbiran Tanah Negeri	JP	✓																			
3.	Jabatan Kerja Raya	✓ (124A)	✓	✓	✓		✓											✓				
4.	Jabatan Pengairan dan Saliran	✓	✓	✓																		
5.	Jabatan Alam Sekitar		✓																			
6.	Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia	✓	✓																			
7.	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia			✓				✓														
8.	Tenaga Nasional Berhad	✓	✓																			
9.	Agensi Perakuan Pembetungan (IWK/Majaari)		✓																			
10.	Pihak Berkuasa Air Negeri		✓																			
11.	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia		✓																			
12.	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam		✓																			
13.	Lembaga Lebuhraya Malaysia		✓																			
14.	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan																					
15.	Jabatan Perancangan PBT	✓	JP	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
16.	Jabatan Kejuruteraan PBT		✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
17.	Jabatan Bangunan PBT		✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
18.	Jabatan Landskap PBT		✓																			
19.	Jabatan Kesihatan PBT		✓																			
20.	Jabatan Pelesenan PBT		✓																			
21.	Jabatan Penilaian PBT		✓																			
22.	Pesuruhjaya Bangunan (COB)		✓	✓																		

Jabatan dirujuk


Jabatan / Agensi berperaku

ExPA (Pengecualian Kebenaran Merancang

Nota :

- Sebarang cadangan tambahan rujukan Agensi Teknikal Luaran yang berkaitan atau mengikut keperluan Negeri perlu mendapat kelulusan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).
- Permit sementara termasuklah papan dinding, papan tanda, rumah pekerja dan batching plant.

Rajah 6.3 : Carta Alir Kerja Unit Pusat Setempat (OSC)



PROSES DAN PROSEDUR
 KELULUSAN PELAN PEMAJUAN

PROSES 2
PERTIMBANGAN PELAN PEMAJUAN
 [Penerimaan, Pendaftaran, Mengeluarkan Ulasan Dan Menyediakan Kertas Perakuan]

PEJABAT TANAH DAERAH (PTD)

TANGGUNG JAWAB	TINDAKAN	LAMPIRAN/ RUJUKAN
	PENERIMAAN DAN PENDAFTARAN	
PTD	1. Mengesahkan terimaan permohonan secara <i>online</i> dan terimaan fail salinan dokumen (2 salinan <i>hardcopy</i>) daripada OSC;	
PTD	2. Mendaftarkan permohonan dalam rekod jabatan mengikut kaedah-kaedah permohonan yang telah ditetapkan seperti berikut; <ol style="list-style-type: none"> 1. Kaedah I; atau 2. Kaedah II; atau 3. Kaedah III; atau 4. Kaedah IV; atau 5. Kaedah V. 	
	MENGULAS PERMOHONAN (BAHARU DAN PINDAAN) PECAH SEMPADAN DAN TUKAR SYARAT TANAH (124A) DAN PERMOHONAN PENYERAHAN BALIK DAN PEMBERIMILIKAN SEMULA (204D) SECARA SERENTAK DENGAN KEBENARAN MERANCANG.	
PTD	3. Menyemak dokumen secara <i>online</i> bagi mengenalpasti profil cadangan pemajuan;	P2_01 P2_02
PTD	4. Membuat lawatan tapak pemajuan (jika perlu);	
PTD	5. Menyemak secara terperinci dokumen dan plan cadangan pemajuan secara <i>online</i> bagi mengeluarkan ulasan teknikal;	Senarai semak terperinci plan pemajuan.
PTD	6. Mengeluarkan ulasan teknikal bertulis secara rasmi dalam tempoh 14 hari daripada tarikh terimaan permohonan secara <i>online</i> ; <ol style="list-style-type: none"> a) Satu salinan kepada Jabatan Memperaku; b) Satu salinan kepada OSC. 	
PTD	7. Memastikan tiada pengeluaran ulasan teknikal baharu/ penambahan ulasan teknikal selepas JK OSC kali pertama membuat keputusan;	
	MENGULAS PERMOHONAN (BAHARU DAN PINDAAN) PELAN KEBENARAN MERANCANG.	
PTD	8. Menyemak dokumen secara <i>online</i> bagi mengenalpasti profil cadangan pemajuan;	Senarai semak dokumen plan pemajuan.
PTD	9. Membuat lawatan tapak pemajuan (jika perlu);	

TANGGUNG JAWAB	TINDAKAN	LAMPIRAN/ RUJUKAN
PTD	10. Menyemak secara terperinci dokumen dan pelan cadangan pemajuan secara online bagi mengeluarkan ulasan teknikal;	Senarai semak terperinci pelan pemajuan.
PTD	11. Mengeluarkan ulasan teknikal bertulis secara rasmi dalam tempoh 14 hari daripada tarikh terimaan permohonan secara <i>online</i> ; a) Satu salinan kepada Jabatan Memperaku; b) Satu salinan kepada OSC.	
PTD	12. Memastikan tiada pengeluaran ulasan teknikal baharu/ penambahan ulasan teknikal selepas JK OSC kali pertama membuat keputusan;	
	MENYEDIAKAN KERTAS PERAKUAN PERMOHONAN (BAHARU DAN PINDAAN) PECAH SEMPADAN DAN TUKAR SYARAT TANAH (124A) DAN PERMOHONAN PENYERAHAN BALIK DAN PEMBERIMILIKAN SEMULA (204D) KE MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (MMKN)	
PTD	13. Menerima dokumen kelulusan Kebenaran Merancang dari OSC PBT; a) Borang C1; b) Pelan Lulus Kebenaran Merancang; c) Pelan pra-hitungan (<i>pre-computation plan</i>).	Senarai semak dokumen pelan pemajuan.
PTD	14. Menyediakan draf kertas perakuan permohonan 124A atau 204D;	
PTD	15. Menyerahkan kertas draf perakuan permohonan 124A atau 204D kepada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG).	
	KELULUSAN PERMOHONAN 124A DAN 204D	
PTD	16. Menerima dan merekod salinan kelulusan permohonan 124A dan 204D daripada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG).	

PROSES 2 PERTIMBANGAN PELAN PEMAJUAN [Penerimaan, Pendaftaran, Mengeluarkan Ulasan dan Menyediakan Kertas Perakuan] JABATAN PERANCANG PBT		
TANGGUNG JAWAB	TINDAKAN	LAMPIRAN/ RUJUKAN
	PENERIMAAN DAN PENDAFTARAN	
JABATAN PERANCANG PBT	1. Mengesahkan terimaan permohonan secara <i>online</i> dan terimaan fail salinan dokumen (2 salinan <i>hardcopy</i>) daripada OSC;	
JABATAN PERANCANG PBT	2. Mendaftarkan permohonan dalam rekod jabatan mengikut kaedah-kaedah permohonan yang telah ditetapkan seperti berikut;	

PROSES DAN PROSEDUR
KELULUSAN PELAN PEMAJUAN

TANGGUNG JAWAB	TINDAKAN	LAMPIRAN/ RUJUKAN
	2.1 Kaedah I; atau 2.2 Kaedah II; atau 2.3 Kaedah III; atau 2.4 Kaedah IV; atau 2.5 Kaedah V.	
	<p>MENGULAS DAN MENYEDIAKAN KERTAS PERAKUAN PERMOHONAN (BAHARU, PINDAAN dan PERLANJUTAN) KEBENARAN MERANCANG</p>	
JABATAN PERANCANG PBT	3. Menyemak dokumen secara <i>online</i> dan menyemak salinan dokumen (<i>hardcopy</i>) bagi mengenalpasti profil cadangan pemajuan;	Senarai semak dokumen pelan pemajuan.
JABATAN PERANCANG PBT	4. Membuat lawatan tapak pemajuan (jika perlu);	
JABATAN PERANCANG PBT	5. Menyemak secara terperinci dokumen dan pelan cadangan pemajuan bagi mengeluarkan ulasan teknikal;	Senarai semak terperinci pelan pemajuan.
JABATAN PERANCANG PBT	6. Menerima, merekod dan meneliti ulasan teknikal daripada agensi/ jabatan teknikal;	Surat ulasan bertulis dari agensi/ jabatan teknikal.
JABATAN PERANCANG PBT	7. Bagi permohonan Kebenaran Merancang;	
JABATAN PERANCANG PBT	7.1 Menyediakan Borang A1 KPPA (Arahan Bertulis) dengan mengambilkira semua perkara dari perkara 5 dan perkara 6;	i. Subseksyen 21(3) Akta 172; ii. Subseksyen 21B(2) Akta 172.
JABATAN PERANCANG PBT	7.2 Edar Borang A1 KPPA (Arahan Bertulis) kepada pemohon dan memastikan pemohon mengembalikan Borang A2 KPPA (Pematuhan Arahan Bertulis) dalam tempoh 7 hari tertakluk kepada perlanjutan yang diberikan sekiranya ada dan salinkan kepada OSC.;	
SP	7.3 Terima Borang A1 KPPA (Arahan Bertulis) daripada Jabatan Memperaku.	
SP	7.4 Mematuhi pindaan atas pelan mengikut kehendak Borang A1 KPPA (Arahan Bertulis)	
SP	7.5 Kemukakan Borang A2 KPPA (Pematuhan Arahan Bertulis) kepada Jabatan Memperaku dan salinkan Borang A2 yang telah disahkan terima Jabatan Memperaku kepada OSC.	i. Subseksyen 21(4) Akta 172. ii. Subseksyen 21B(3) Akta 172.
JABATAN PERANCANG PBT	7.6 Terima dan rekod Borang A2 KPPA (Pematuhan Arahan Bertulis) daripada pemohon/ SP.	
JABATAN PERANCANG PBT	7.7 Membatalkan (tarik balik) permohonan KM ke atas kegagalan SP kemukakan Borang A2 KPPA (Pematuhan Arahan Bertulis).	i. Subseksyen 21(5) Akta 172. ii. Subseksyen 21B(4) Akta 172.

TANGGUNG JAWAB	TINDAKAN	LAMPIRAN/ RUJUKAN
JABATAN PERANCANG PBT	8. Bagi permohonan Kebenaran Merancang TIADA pewartaan Rancangan Tempatan;	
JABATAN PERANCANG PBT	8.1 Mengeluarkan notis jiran kepada pemunya tanah berjiran;	i. Subseksyen 21(6) Akta 172.
JABATAN PERANCANG PBT	8.2 Terima dan rekod bantahan daripada pemunya tanah berjiran;	
JABATAN PERANCANG PBT	8.3 Menjalankan sesi pendengaran bantahan pemunya tanah berjiran.	i. Subseksyen 21(7) Akta 172.
JABATAN PERANCANG PBT	9. Bagi permohonan Perlanjutan/ Pengesahan Tempoh Sah kelulusan KM;	
JABATAN PERANCANG PBT	9.2 Menyemak status mula kerja pembinaan berdasarkan Notifikasi Mula Kerja Binaan (Borang B – Mula Kerja Tanah dan Borang B – Mula/ Sambung Kerja Bangunan) daripada Jabatan Bangunan;	i. Subseksyen 70(9) Akta 133; ii. UUK 22 UKBS 1984 UKBS
JABATAN PERANCANG PBT	a) Tiada Notifikasi Mula Kerja Binaan, KM masih dalam tempoh kelulusan dan pembinaan tidak dijalankan – PERTIMBANGAN BAGI PERLANJUTAN;	
JABATAN PERANCANG PBT	b) Tiada Notifikasi Mula Kerja Binaan, KM telah luput tempoh kelulusan dan pembinaan tidak dijalankan – TIADA PERTIMBANGAN PERLANJUTAN DAN HENDAKLAH MENGEMUKAKAN PERMOHONAN BAHARU;	
JABATAN PERANCANG PBT	c) Tiada Notifikasi Mula Kerja Binaan, KM telah luput tempoh kelulusan dan pembinaan dilaksanakan Tanpa Notifikasi Mula Kerja Binaan – TIADA PERTIMBANGAN PERLANJUTAN DAN HENDAKLAH MENGEMUKAKAN PERMOHONAN BAHARU;	
JABATAN PERANCANG PBT	d) Ada Notifikasi Mula Kerja Binaan, kerja pembinaan dilaksanakan tetapi telah disahkan terhenti secara berturutan melebihi 3 bulan – TIADA PERTIMBANGAN PERLANJUTAN DAN HENDAKLAH MENGEMUKAKAN PERMOHONAN BAHARU.	i. Subseksyen 70(9) Akta 133;
JABATAN PERANCANG PBT	10. Menyediakan Kertas Perakuan beserta syor bagi pertimbangan permohonan pelan pemajuan oleh JK OSC kali pertama seperti berikut;	
JABATAN PERANCANG PBT	10.1 Dalam tempoh ditetapkan bagi kawasan PBT yang mempunyai pewartaan RT :	
JABATAN PERANCANG PBT	a) KM Kecil - 17 hari	
JABATAN PERANCANG PBT	b) KM Sederhana - 30 hari	
JABATAN PERANCANG PBT	c) KM Besar - 46 hari	
JABATAN PERANCANG PBT	10.2 Dalam tempoh 89 hari bagi kawasan PBT yang tidak mempunyai pewartaan RT.	
JABATAN PERANCANG PBT	11. Rekod dan serahkan kertas perakuan kepada OSC bagi tujuan penyelarasan.	

TANGGUNG JAWAB	TINDAKAN	LAMPIRAN/ RUJUKAN
<p>JABATAN PERANCANG PBT</p> <p>JABATAN PERANCANG PBT</p> <p>JABATAN PERANCANG PBT</p> <p>JABATAN PERANCANG PBT</p> <p>JABATAN PERANCANG PBT</p>	<p>MENGELUARKAN ULASAN TEKNIKAL BAGI PERMOHONAN (BAHARU DAN PINDAAN) SELAIN KEBENARAN MERANCANG</p> <p>12. Menyemak dokumen secara <i>online</i> bagi mengenalpasti profil cadangan pemajuan;</p> <p>13. Membuat lawatan tapak pemajuan (jika perlu);</p> <p>14. Menyemak secara terperinci dokumen dan pelan cadangan pemajuan secara <i>online</i> bagi mengeluarkan ulasan teknikal;</p> <p>15. Merekod dan mengeluarkan ulasan teknikal bertulis secara rasmi dalam tempoh 14 hari dari tarikh terimaan permohonan secara <i>online</i>;</p> <p>a) Satu salinan kepada Agensi/ Jabatan Memperaku; b) Satu salinan kepada OSC.</p> <p>16. Memastikan tiada pengeluaran ulasan teknikal baharu/ penambahan ulasan teknikal selepas JK OSC membuat keputusan;</p>	
<p>JABATAN PERANCANG PBT</p> <p>JABATAN PERANCANG PBT</p>	<p>MESYUARAT PRA JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)</p> <p>17. Rekod terimaan surat panggilan mesyuarat Pra-JK OSC;</p> <p>18. Menghadiri mesyuarat Pra-JK OSC;</p> <p>18.1 Membentangkan Kertas Perakuan;</p> <p>18.2 Memberi maklum balas dan ulasan teknikal.</p> <p>19. Terima dan rekod catatan perbincangan teknikal daripada OSC.</p>	
<p>JABATAN PERANCANG PBT</p> <p>JABATAN PERANCANG PBT</p> <p>JABATAN PERANCANG PBT</p> <p>JABATAN PERANCANG PBT</p> <p>JABATAN PERANCANG PBT</p>	<p>MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)</p> <p>20. Rekod terimaan surat panggilan beserta agenda mesyuarat JK OSC;</p> <p>21. Mengemaskini kertas perakuan terkini perakuan mengikut agenda dan serahkan kepada OSC sekurang-kurangnya 3 hari sebelum mesyuarat (jika berkaitan);</p> <p>22. Menghadiri mesyuarat JK OSC;</p> <p>22.1 Membentangkan Kertas Perakuan dan mengeluarkan syor bagi pertimbangan Jawatankuasa;</p> <p>22.2 Memberi maklum balas dan justifikasi berdasarkan ulasan teknikal bertulis yang telah dikeluarkan;</p> <p>22.3 Memberikan ulasan teknikal secara lisan sekiranya ulasan teknikal bertulis belum dikeluarkan.</p>	

TANGGUNG JAWAB	TINDAKAN	LAMPIRAN/ RUJUKAN
<p>JABATAN PERANCANG PBT</p> <p>JABATAN PERANCANG PBT</p> <p>JABATAN PERANCANG PBT</p>	<p>PENYEDIAAN KERTAS PERAKUAN UNTUK PERTIMBANGAN J/K OSC KALI KEDUA KE ATAS PEMATUHAN TEKNIKAL BERDASARKAN KELULUSAN DENGAN PINDAAN PELAN JK OSC KALI PERTAMA.</p> <p>27. Bagi permohonan menerima Kelulusan Dengan Pindaan Pelan di dalam JK OSC kali pertama;</p> <p>27.1 Terima dan sahkan terimaan surat iringan/ dokumen/ pelan yang telah dipinda/ tunai syarat sebagaimana keputusan Kelulusan Dengan Pindaan Pelan JK OSC kali pertama daripada SP;</p> <p>27.2 Menyediakan dan mengemaskini kertas perakuan beserta syor bagi permohonan pelan pemajuan yang menerima keputusan Kelulusan Dengan Pindaan Pelan bagi pertimbangan kali kedua JK OSC;</p> <p>27.3 Rekod dan serahkan kertas perakuan kepada OSC bagi tujuan penyelarasan.</p> <p>28. Melaksanakan prosedur Perkara 25 selepas menerima surat pemakluman terperinci dari OSC (Perkara 24) apabila Jawatankuasa OSC kali kedua membuat keputusan sama ada LULUS atau TOLAK.</p>	


Bayaran Caj Pemajuan⁷

Selaras dengan keperluan Perenggan 22(4)(b) Akta 172, kelulusan KM tidak boleh diberikan sehingga bayaran levi caj pemajuan telah dijelaskan oleh pemohon sebagaimana keperluan seksyen 34 Akta 172. Penetapan kadar dan tatacara bagi mengenakan jumlah bayaran levi adalah tertakluk kepada Kaedah Caj Pemajuan yang diwartakan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Bagi tujuan penyelarasan, PBT digalakkan melaksanakan perkara berikut untuk memastikan jumlah bayaran levi dapat dimuktamadkan melalui nilai input profesional dan layak dalam tempoh masa yang wajar dan segera sebagaimana pelan KM diberi pertimbangan oleh Jawatankuasa OSC;


- i. Melaksanakan perantukan Pengarah Jabatan Penilaian PBT bagi menganggotai Jawatankuasa OSC sebagai salah satu Jabatan Dalaman PBT yang akan memberi ulasan kepada Jabatan Memperaku (Jabatan Perancang PBT) ke atas skop penilaian untuk menentukan jumlah bayaran levi caj pemajuan;
- ii. Jabatan Memperaku (Jabatan Perancang PBT) membentangkan syor jumlah bayaran levi caj pemajuan bagi pertimbangan dan persetujuan Jawatankuasa OSC bersekali dengan pembentangan bagi kelulusan KM;
- iii. Tidak membentangkan skop caj pemajuan dalam mana-mana Jawatankuasa Tetap PBT yang lain dan Tidak menubuhkan Jawatankuasa Baharu terutama di bawah seksyen 28 Akta 171 bagi menimbang dan memutuskan skop caj pemajuan.

Rajah 6.4 : Carta Alir Kerja Kebenaran Merancang (Tiada pewartaan RT)




PROSES DAN PROSEDUR
KELULUSAN PELAN PEMAJUAN


Rajah 6.5 : Carta Alir Kerja KM Kategori Kecil



Rajah 6.6 : Carta Alir Kerja KM Kategori Sederhana




Rajah 6.7 : Carta Alir Kerja KM Kategori Besar Jenis A



PROSES DAN PROSEDUR
KELULUSAN PELAN PEMAJUAN

Nota :
 Jumlah Maksimum
 adalah bagi kawasan
 PBT yang mewartakan
 Rancangan Pemajuan

Rajah 6.8 : Carta Alir Kerja KM Kategori Besar Jenis B



PROSES 2
PERTIMBANGAN PELAN PEMAJUAN
[Penerimaan, Pendaftaran, Mengeluarkan Ulasan Dan Menyediakan Kertas Perakuan]

JABATAN KEJURUTERAAN PBT


TANGGUNG JAWAB	TINDAKAN	LAMPIRAN/ RUJUKAN
<p>JABATAN KEJURUTERAAN PBT</p> <p>JABATAN KEJURUTERAAN PBT</p>	<p>PENERIMAAN DAN PENDAFTARAN</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mengesahkan terimaan permohonan secara <i>online</i> dan terimaan fail salinan dokumen (2 salinan <i>hardcopy</i>) daripada OSC; 2. Mendaftarkan permohonan dalam rekod jabatan mengikut kaedah-kaedah permohonan yang telah ditetapkan seperti berikut; <ol style="list-style-type: none"> 2.1 Kaedah I; atau 2.2 Kaedah II; atau 2.3 Kaedah III; atau 2.4 Kaedah IV; atau 2.5 Kaedah V. 	
<p>JABATAN KEJURUTERAAN PBT</p> <p>JABATAN KEJURUTERAAN PBT</p> <p>JABATAN KEJURUTERAAN PBT</p> <p>JABATAN KEJURUTERAAN PBT</p> <p>JABATAN KEJURUTERAAN PBT</p> <p>JABATAN KEJURUTERAAN PBT</p>	<p>MENGULAS DAN MENYEDIAKAN KERTAS PERAKUAN PERMOHONAN (BAHARU DAN PINDAAN) PELAN JALAN DAN PARIT, PELAN KERJA TANAH, PELAN NAMA KAWASAN, NAMA BANGUNAN DAN NAMA JALAN.</p> <ol style="list-style-type: none"> 3. Menyemak dokumen secara online dan menyemak fail dokumen (<i>hardcopy</i>) bagi mengenalpasti profil cadangan pemajuan; 4. Membuat lawatan tapak pemajuan (jika perlu); 5. Menyemak secara terperinci dokumen dan pelan cadangan pemajuan bagi mengeluarkan ulasan teknikal; 6. Menerima, merekod dan meneliti ulasan teknikal daripada Agensi/ Jabatan Teknikal dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan diterima secara <i>online</i>; 7. Bagi permohonan Pembangunan/Pengesahan tempoh sah kelulusan Pelan Jalan dan Parit; <ol style="list-style-type: none"> 7.1 Menyemak tarikh tempoh sah kelulusan KM dari rekod Jabatan/mendapatkan tarikh tempoh sah kelulusan KM daripada Jabatan Perancang; 8. Menyediakan Kertas Perakuan beserta syor bagi pertimbangan permohonan pelan pemajuan oleh JK OSC kali pertama seperti berikut; <ol style="list-style-type: none"> 8.1 Dalam tempoh ditetapkan bagi permohonan secara serentak dengan KM dan kawasan PBT yang mempunyai pewartaan RT : <ol style="list-style-type: none"> a) KM Kecil - 17 hari b) KM Sederhana - 30 hari c) KM Besar - 46 hari 	<p>P2_04 P2_05</p> <p>Senarai semak terperinci pelan pemajuan.</p> <p>Surat ulasan bertulis dari agensi mengulas.</p>

TANGGUNG JAWAB	TINDAKAN	LAMPIRAN/ RUJUKAN
<p>JABATAN KEJURUTERAAN PBT</p> <p>JABATAN KEJURUTERAAN PBT</p> <p>JABATAN KEJURUTERAAN PBT</p> <p>JABATAN KEJURUTERAAN PBT</p>	<p>8.2 Dalam tempoh 89 hari bagi permohonan secara serentak dengan KM dan kawasan PBT yang tidak mempunyai pewartaan RT.</p> <p>8.3 Dalam tempoh 23 hari bagi permohonan secara berasingan;</p> <p>8.4 Dalam tempoh 16 hari bagi permohonan secara berasingan yang dipertimbangkan di bawah penurunan kuasa kepada Pengarah Jabatan Kejuruteraan.</p> <p>9. Rekod dan serahkan kertas perakuan kepada OSC bagi tujuan penyelarasan.</p>	
<p>JABATAN KEJURUTERAAN PBT</p> <p>JABATAN KEJURUTERAAN PBT</p> <p>JABATAN KEJURUTERAAN PBT</p> <p>JABATAN KEJURUTERAAN PBT</p> <p>JABATAN KEJURUTERAAN PBT</p>	<p>MENGELUARKAN ULASAN TEKNIKAL BAGI PERMOHONAN (BAHARU DAN PINDAAN) SELAIN PELAN JALAN DAN PARIT, PELAN KERJA TANAH, PELAN NAMA KAWASAN, NAMA BANGUNAN DAN NAMA JALAN.</p> <p>10. Menyemak dokumen secara <i>online</i> bagi mengenalpasti profil cadangan pemajuan;</p> <p>11. Membuat lawatan tapak pemajuan (jika perlu);</p> <p>12. Menyemak secara terperinci dokumen dan pelan cadangan pemajuan secara <i>online</i> bagi mengeluarkan ulasan teknikal;</p> <p>13. Mengeluarkan ulasan teknikal bertulis secara rasmi dalam tempoh 14 hari dari tarikh terimaan permohonan secara <i>online</i> di agensi; a) Satu salinan kepada Jabatan Memperaku; b) Satu salinan kepada OSC.</p> <p>14. Memastikan tiada pengeluaran ulasan teknikal baharu/ penambahan ulasan teknikal selepas JK OSC membuat keputusan;</p>	<p>P2_04 P2_05</p> <p>Senarai semak terperinci pelan pemajuan.</p>
<p>JABATAN KEJURUTERAAN PBT</p> <p>JABATAN KEJURUTERAAN PBT</p>	<p>MESYUARAT PRA JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)</p> <p>15. Rekod terimaan surat panggilan mesyuarat Pra-JK OSC ;</p> <p>16. Menghadiri mesyuarat Pra-JK OSC;</p> <p>16.1 Membentangkan Kertas Perakuan;</p> <p>16.2 Memberi maklum balas dan ulasan teknikal.</p> <p>17. Terima dan rekod catatan perbincangan teknikal dari OSC.</p>	
<p>JABATAN KEJURUTERAAN PBT</p>	<p>MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)</p> <p>18. Rekod terimaan surat panggilan beserta agenda mesyuarat JK OSC;</p>	

TANGGUNG JAWAB	TINDAKAN	LAMPIRAN/ RUJUKAN
<p>JABATAN KEJURUTERAAN PBT</p> <p>JABATAN KEJURUTERAAN PBT</p> <p>JABATAN KEJURUTERAAN PBT</p> <p>JABATAN KEJURUTERAAN PBT</p> <p>JABATAN KEJURUTERAAN PBT</p>	<p>19. Bagi permohonan pelan pemajuan yang akan dibenteng kali pertama dalam JK OSC sahaja - Mengemaskini kertas perakuan dan serahkan kepada OSC sekurang-kurangnya 3 hari sebelum mesyuarat (jika berkaitan);</p> <p>20. Menghadiri mesyuarat Jawatankuasa OSC;</p> <p>20.1 Membentangkan kertas perakuan dan mengeluarkan syor bagi pertimbangan JK OSC;</p> <p>20.2 Memberi maklum balas dan ulasan teknikal.</p> <p>20.3 Memberikan ulasan teknikal secara lisan sekiranya ulasan teknikal bertulis belum dikeluarkan.</p>	
<p>JABATAN KEJURUTERAAN PBT</p> <p>JABATAN KEJURUTERAAN PBT</p>	<p>PENERIMAAN SURAT PEMAKLUMAN KEPUTUSAN JK OSC DARI OSC</p> <p>21. Rekod dan terima keputusan dasar mesyuarat JK OSC daripada OSC dalam tempoh 3 hari dari tarikh mesyuarat;</p> <p>22. Rekod terimaan surat pemakluman keputusan terperinci dan minit mesyuarat keputusan mesyuarat JK OSC daripada OSC dalam tempoh 5 hari dari tarikh mesyuarat;</p>	
<p>JABATAN KEJURUTERAAN PBT</p> <p>JABATAN KEJURUTERAAN PBT</p> <p>JABATAN KEJURUTERAAN PBT</p> <p>JABATAN KEJURUTERAAN PBT</p>	<p>PENGELUARAN KEPUTUSAN RASMI DAN MUKTAMAD</p> <p>23. Bagi permohonan menerima keputusan rasmi sama ada LULUS atau TOLAK;</p> <p>23.1 Rekod dan terima dokumen/ pelan bagi tujuan cop lulus daripada pemohon/ PSP/ SP;</p> <p>23.2 Memastikan;</p> <p>a) Tiada pengeluaran ulasan teknikal baharu;</p> <p>b) Tiidak mengambilkira ulasan teknikal daripada Agensi/ Jabatan Teknikal; dan</p> <p>c) Tidak Membenarkan penambahan ulasan teknikal.</p> <p>selepas JK OSC membuat keputusan kelulusan penuh;</p> <p>23.3 Bagi permohonan Pelan Jalan dan Parit, sebelum memberikan cop kelulusan;</p> <p>a) Memastikan Pelan Kebenaran Merancang telah diberi cop kelulusan/ masih dalam tempoh sah kelulusan;</p> <p>b) Memastikan bayaran sumbangan ISF dijelaskan.</p> <p>23.4 Bagi permohonan Pelan Kerja Tanah, sebelum memberikan cop kelulusan;</p> <p>a) Memastikan Pelan Kebenaran Merancang/ Pelan Jalan dan Parit telah diberi cop kelulusan/ masih dalam tempoh sah kelulusan;</p> <p>b) Memastikan Pelan Bangunan diberi cop kelulusan secara bersama;</p>	<p>Subseksyen 9(2) Akta 133.</p> <p>Subseksyen 132(1) Akta 133. Subseksyen 70A(2) Akta 133.</p>


TANGGUNG JAWAB	TINDAKAN	LAMPIRAN/ RUJUKAN
<p>JABATAN KEJURUTERAAN PBT</p> <p>JABATAN KEJURUTERAAN PBT</p> <p>PSP/ SP</p>	<p>23.5 Mendapatkan cop dan tandatangan Datuk Bandar/ Yang Dipertua;</p> <p>23.6 Serahkan dokumen/ pelan yang telah diberi cop lulus/ tolak kepada pemohon/ PSP/ SP dan salinkan kepada OSC dalam tempoh 7 hari dari tarikh menerima surat iringan/ dokumen/ pelan bagi tujuan cop lulus daripada PSP/ SP.</p> <p>24. Terima SURAT KELULUSAN RASMI atau SURAT PENOLAKAN RASMI dari Jabatan Memperaku.</p>	
<p>JABATAN KEJURUTERAAN PBT</p> <p>JABATAN KEJURUTERAAN PBT</p> <p>JABATAN KEJURUTERAAN PBT</p>	<p>PENYEDIAAN KERTAS PERAKUAN UNTUK PERTIMBANGAN JK OSC KALI KEDUA KE ATAS PEMATUHAN TEKNIKAL BERDASARKAN KELULUSAN DENGAN PINDAAN PELAN JK OSC KALI PERTAMA.</p> <p>25. Bagi permohonan menerima Kelulusan Dengan Pindaan Pelan di dalam JK OSC kali pertama;</p> <p>25.1 Terima dan sahkan terimaan surat iringan/ dokumen/ pelan yang telah dipinda/ tunai syarat sebagaimana keputusan Kelulusan Dengan Pindaan Pelan JK OSC kali pertama dari PSP/ SP;</p> <p>25.2 Menyediakan dan mengemaskini kertas perakuan beserta syor bagi permohonan pelan pemajuan yang menerima keputusan Kelulusan Dengan Pindaan Pelan bagi pertimbangan kali kedua JK OSC;</p> <p>25.3 Rekod dan serahkan Kertas Perakuan kepada OSC bagi tujuan penyelarasan.</p> <p>26. Melaksanakan prosedur Perkara 23 selepas menerima surat pemakluman terperinci dari OSC (Perkara 22) apabila Jawatankuasa OSC kali kedua membuat keputusan sama ada LULUS atau TOLAK.</p>	

Rajah 6.9 : Carta Alir Kerja Pelan Jalan dan Parit/ Kerja Tanah / Nama (Taman,Jalan dan Bangunan)



PROSES DAN PROSEDUR
 KELULUSAN PELAN PEMAJUAN

Rajah 6.10 : Carta Alir Kerja Pelan Lampu Jalan/ Nama (Taman, Jalan dan Bangunan) Oleh Ketua Jabatan



PROSES DAN PROSEDUR
 KELULUSAN PELAN PEMAJUAN

PROSES 2
PERTIMBANGAN PELAN PEMAJUAN
 [Penerimaan, Pendaftaran, Mengeluarkan Ulasan Dan Menyediakan Kertas Perakuan]

JABATAN BANGUNAN PBT


TANGGUNG JAWAB	TINDAKAN	LAMPIRAN/ RUJUKAN
JABATAN BANGUNAN PBT	<p>PENERIMAAN DAN PENDAFTARAN</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mengesahkan terimaan permohonan secara <i>online</i> dan terimaan fail salinan dokumen (2 salinan <i>hardcopy</i>) daripada OSC; 2. Mendaftarkan permohonan dalam rekod jabatan mengikut kaedah-kaedah permohonan yang telah ditetapkan seperti berikut; <ol style="list-style-type: none"> 2.1 Kaedah I; atau 2.2 Kaedah II; atau 2.3 Kaedah III; atau 2.4 Kaedah IV; atau 2.5 Kaedah V. 	
JABATAN BANGUNAN PBT	<p>MENGULAS DAN MENYEDIAKAN KERTAS PERAKUAN PERMOHONAN (BAHARU, PINDAAN DAN PEMBAHARUAN) PELAN BANGUNAN, PERMIT SEMENTARA DAN PERMIT PEMBINAAN KECIL (UBAHAN TAMBAHAN).</p> <ol style="list-style-type: none"> 3. Menyemak dokumen secara <i>online</i> dan menyemak salinan dokumen (<i>hardcopy</i>) bagi mengenalpasti profil cadangan pemajuan; 	Senarai semak dokumen pelan pemajuan.
JABATAN BANGUNAN PBT	<ol style="list-style-type: none"> 4. Membuat lawatan tapak pemajuan (jika perlu); 	
JABATAN BANGUNAN PBT	<ol style="list-style-type: none"> 5. Menyemak secara terperinci dokumen dan pelan cadangan pemajuan bagi mengeluarkan ulasan teknikal; 	Senarai semak terperinci pelan pemajuan.
JABATAN BANGUNAN PBT	<ol style="list-style-type: none"> 6. Menerima, merekod dan meneliti ulasan teknikal daripada Agensi/ Jabatan Teknikal; 	Surat ulasan bertulis dari agensi mengulas.
JABATAN BANGUNAN PBT	<ol style="list-style-type: none"> 7. Bagi permohonan Pembaharuan/ Pengesahan tempoh sah kelulusan Pelan Bangunan; <ol style="list-style-type: none"> 7.1 Menyemak tarikh tempoh sah kelulusan KM dari rekod jabatan/ mendapatkan tarikh tempoh sah kelulusan KM daripada Jabatan Perancang; 7.2 Memastikan status kerja pembinaan berdasarkan Notifikasi Mula Kerja Binaan (Borang B – Mula Kerja Tanah dan Borang B – Mula/ Sambung Kerja Bangunan) daripada Jabatan Bangunan; 	
JABATAN BANGUNAN PBT	<ol style="list-style-type: none"> 8. Menyediakan Kertas Perakuan beserta syor bagi pertimbangan permohonan pelan pemajuan oleh JK OSC kali pertama seperti berikut; <ol style="list-style-type: none"> 8.1 Dalam tempoh ditetapkan bagi permohonan secara serentak dengan KM dan kawasan PBT yang mempunyai pewartaan RT : <ol style="list-style-type: none"> a) KM Kecil - 17 hari b) KM Sederhana - 30 hari c) KM Besar - 46 hari 	

TANGGUNG JAWAB	TINDAKAN	LAMPIRAN/ RUJUKAN
	<p>8.2 Dalam tempoh 89 hari bagi permohonan secara serentak dengan KM dan kawasan PBT yang tidak mempunyai pewartaan RT.</p> <p>8.3 Dalam tempoh 23 hari bagi permohonan secara berasingan;</p> <p>8.4 Dalam tempoh 16 hari bagi permohonan secara berasingan yang dipertimbangkan di bawah penurunan kuasa kepada Pengarah Jabatan Kejuruteraan.</p> <p>9. Rekod tarikh serahan kertas perakuan kepada OSC.</p>	
Selain itu, kejayaan sesuatu OSC ini amat bergantung kepada kepakaran teknikal dan tahap profesionalisme ahli-ahli Jawatankuasa dan Urus Setia OSC. Oleh yang demikian, adalah wajar dipastikan agar anggota-anggota Urus Setia OSC adalah terdiri daripada golongan yang mempunyai tahap profesionalisme dan kepakaran teknikal yang tinggi.

Sehubungan itu, adalah wajar diwujudkan suatu mekanisme untuk menyelia dan memantau kecekapan dan keberkesanan OSC. Bagi maksud tersebut, suatu Pasukan Inspektorat dan Kualiti telah ditubuhkan di peringkat KPKT untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti pemantauan berhubung dengan kelancaran OSC.





MANUAL OSC 3.0 PLUS

Proses dan Prosedur
Cadangan Pemajuan
Serta Pelaksanaan
Pusat Setempat (OSC)

LAMPIRAN

Lampiran 1 : Punca Kuasa Perundangan Bagi Proses 2 Hingga Proses 6

Lampiran 2 : Struktur Organisasi OSC

Lampiran 3 : Senarai Semak Dan Senarai Borang

Lampiran 4 : Rujukan

Lampiran 5 : Singkatan

Lampiran 6 : Soalan Lazim (*Frequently Asked Questions, FAQ*)

LAMPIRAN

LAMPIRAN 1 : PUNCA KUASA PERUNDANGAN BAGI PROSES 2 HINGGA PROSES 6

Lampiran 1.1 : Perundangan bagi Proses 2 Di OSC

BIL.	PROSES TERLIBAT	RUJUKAN PERUNDANGAN
1.	<p>PROSES 2</p> <p>MENDAFTAR DAN MEREKOD PERMOHONAN</p>	<p>1) Subseksyen 21(1) dan 21(2); Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172)</p> <p>21. Permohonan untuk kebenaran Merancang</p> <p>(1) Sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang berkenaan dengan suatu pemajuan hendaklah dibuat kepada pihak berkuasa perancang tempatan dan hendaklah dalam bentuk dan hendaklah mengandungi butir-butir dan disertakan dengan dokumen, pelan, dan fi yang ditetapkan.</p> <p>(2) Jika pemohon itu bukan pemunya tanah yang di atasnya pemajuan hendak dijalankan, keizinan bertulis pemunya tanah mengenai pemajuan yang dicadangkan itu hendaklah diperoleh dan dicatatkan dalam permohonan itu.</p> <p>2) Subseksyen 9 (2); Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)</p> <p>9. Orang persendirian membuat jalan baharu.</p> <p>(2) Mana-mana orang yang bercadang hendak membuat sesuatu jalan baharu hendaklah memohon kepada pihak berkuasa tempatan, disertai dengan suatu pelan dalam dua salinan, menunjukkan aras dan pembinaan yang dicadangkan bagi jalan itu dan aras rumah yang akan dibina atas tanah yang bersempadanan dengannya dan cara pamaritannya yang dicadangkan dan juga dengan suatu pernyataan menyatakan bagi kegunaan apakah jalan itu dicadangkan:</p> <p>Dengan syarat bahawa pihak berkuasa tempatan itu tidak boleh meluluskan pelan jelas bagi mana-mana jalan baharu melainkan penggunaan tanah itu bagi maksud ini telah diluluskan oleh pihak berkuasa yang layak di bawah mana-mana undang-undang berhubung dengan perancangan bandar dan desa.</p> <p>3) Subseksyen 70(2); Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974(Akta 133)</p> <p>70. Notis mengenai bangunan baharu.</p> <p>(2) Seseorang yang bercadang mendirikan sesuatu bangunan hendaklah menyebabkan untuk dikemukakan oleh orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan--</p> <p>(a) kepada pihak berkuasa tempatan apa-apa pelan dan penentuan sebagaimana yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta ini; dan</p> <p>(b) kepada pihak berkuasa berkanun yang berkaitan apa-apa pelan dan penentuan sebagaimana yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang bertulis lain.</p>

BIL.	PROSES TERLIBAT	RUJUKAN PERUNDANGAN
		<p>4) Subseksyen 70A; Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)</p> <p>70A. Kerja tanah.</p> <p>(1) Tiada seseorang boleh memula atau menjalankan atau membenarkan supaya dimula atau dijalankan sesuatu kerja-tanah tanpa terlebih dahulu mengemukakan kepada pihak berkuasa tempatan pelan-pelan dan penentuan-penentuan berkenaan dengan kerja-tanah itu dan mendapat kelulusan pihak berkuasa tempatan mengenainya.</p> <p>(2) Jika kerja tanah itu dimula atau dijalankan bagi maksud membina apa-apa bangunan, jalan, longkang, pembetung, atau benteng, atau bagi menanam apa-apa kabel atau paip, atau bagi maksud apa-apa jua pembinaan atau kerja lain, pelan-pelan penentuan-penentuan berhubung dengan pembinaan atau kerja itu yang kena dikemukakan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya hendaklah dikemukakan kepada pihak berkuasa tempatan pada masa mengemukakan pelan-pelan dan penentuan-penentuan berkenaan dengan kerja-tanah itu.</p>
2.	<p>PROSES 2</p> <p>MEMANTAU DAN MENYELARAS PENGELUARAN ULASAN TEKNIKAL DAN PENYEDIAAN KERTAS PERAKUAN</p> <p>Penerimaan Dan Pemantauan Ulasan Teknikal Dari Jabatan Teknikal</p>	<p>1) Subseksyen 21(3); Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172)</p> <p>21. Permohonan untuk kebenaran merancang.</p> <p>(3) Jika pemajuan itu melibatkan pendirian suatu bangunan, pihak berkuasa perancang tempatan boleh memberikan arahan bertulis kepada pemohon itu berkenaan dengan mana-mana daripada perkara yang berikut, iaitu—</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) aras tapak bangunan itu; (b) garisan hadapan dengan bangunan yang berjiran; (c) penaikan bangunan itu; (d) kelas, reka bentuk, dan rupa bangunan itu; (e) bahagian belakang bangunan itu ke suatu garisan bangunan; (f) laluan masuk ke tanah yang di atasnya bangunan itu akan didirikan; dan (g) apa-apa perkara lain yang difikirkan perlu oleh pihak berkuasa perancang tempatan bagi maksud perancangan. <p>2) Subseksyen 21(4); Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172)</p> <p>21. Permohonan untuk kebenaran merancang.</p> <p>(4) Pemohon yang diberikan apa-apa arahan bertulis di bawah subseksyen (3) hendaklah meminda pelan yang dikemukakan dengan permohonannya itu dengan sewajarnya dan mengemukakan semula pelan itu dalam tempoh atau tempoh lanjutan yang ditentukan oleh pihak berkuasa perancang tempatan.</p> <p>3) Subseksyen 21B(2); Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172)</p> <p>21B. Pelan susunatur</p> <p>(2) Pihak berkuasa perancang tempatan boleh memberikan arahan-arahan kepada seorang pemohon untuk kebenaran merancang berkenaan dengan perkara-perkara berkaitan pelan-pelan susunaturnya sebagaimana yang difikirkan perlu oleh pihak berkuasa perancang tempatan itu.</p>

BIL.	PROSES TERLIBAT	RUJUKAN PERUNDANGAN
		<p>4) Subseksyen 21B(3); Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172)</p> <p>21B. Pelan susunatur</p> <p>(3) Pemohon yang telah diberikan arahan-arahan di bawah seksyen-kecil (2) hendaklah meminda pelan-pelan susunaturnya dengan sewajarnya, dan menyampaikan semula pelan-pelan susunatur itu dalam masa apa-apa tempoh atau tempoh lanjutan yang ditentukan oleh pihak berkuasa perancang tempatan.</p>
<p>3.</p>	<p>MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT</p> <p>Tindakan Semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)</p>	<p>1) Subseksyen 22(3); Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172)</p> <p>22. Layanan terhadap permohonan</p> <p>(3) Selepas memberi pertimbangan kepada perkara yang dinyatakan dalam subseksyen (2) itu, pihak berkuasa perancang tempatan boleh, tertakluk kepada subseksyen (4), memberi kebenaran merancang sama ada secara mutlak atau tertakluk kepada syarat yang difikirkannya patut dikenakan, atau enggan memberikan kebenaran merancang.</p> <p>2) Subseksyen 9(2); Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)</p> <p>(2) Seseorang yang bercadang hendak membuat sesuatu jalan baharu hendaklah memohon kepada pihak berkuasa tempatan, disertai dengan suatu pelan dalam dua salinan, menunjukkan aras dan pembinaan yang dicadangkan bagi jalan itu dan aras rumah yang akan dibina atas tanah yang bersempadanan dengannya dan cara pemaritannya yang dicadangkannya dan juga dengan suatu pernyataan menyatakan bagi kegunaan apakah jalan itu dicadangkan:</p> <p>Dengan syarat bahawa pihak berkuasa tempatan itu tidaklah boleh meluluskan pelan-pelan jelas bagi mana-mana jalan baharu melainkan penggunaan tanah itu bagi maksud ini telah diluluskan oleh pihak berkuasa yang layak di bawah mana-mana undang-undang berhubung dengan perancangan bandar dan desa.</p> <p>3) Subseksyen 70(3); Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)</p> <p>70. Notis mengenai bangunan baharu.</p> <p>(3) Tiada sesuatu pelan untuk mendirikan suatu bangunan boleh diluluskan—</p> <p>(a) jika bangunan itu hendak didirikan di atas sesuatu pegangan yang bersempadanan dengan sesuatu jalan baharu atau sesuatu jalan baharu yang dicadangkan atau yang mempunyai akses kepadanya sehingga pelan bagi jalan baharu itu telah diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan di bawah peruntukan Akta ini;</p> <p>(b) sebelum dibuat apa-apa deposit yang dikehendaki di bawah seksyen 18 atau melainkan jika bangunan atau kelas bangunan itu telah dikecualikan daripada subseksyen 17(1) oleh Pihak Berkuasa Negeri; dan</p> <p>(c) sebelum dipatuhi apa-apa syarat lain yang difikirkan perlu dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan.</p>

BIL.	PROSES TERLIBAT	RUJUKAN PERUNDANGAN
		<p>4) Subseksyen 70A(2); Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)</p> <p>70A. Kerja tanah.</p> <p><i>(2) Jika kerja tanah itu akan dimula atau dijalankan bagi maksud membina apa-apa bangunan, jalan, longkang, pementang, atau benteng, atau bagi menanam apa-apa kabel atau paip, atau bagi maksud apa-apa jua pembinaan atau kerja lain, pelan dan penentuan berhubung dengan pembinaan atau kerja itu yang kena dikemukakan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya hendaklah dikemukakan kepada pihak berkuasa tempatan pada masa mengemukakan pelan dan penentuan berkenaan dengan kerja tanah itu.</i></p> <p>5) Subseksyen 21(5); Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172)</p> <p>21. Permohonan untuk kebenaran merancang.</p> <p><i>(5) Jika pelan itu tidak dikemukakan semula dalam tempoh yang ditentukan atau tempoh yang dilanjutkan itu, permohonan untuk kebenaran merancang itu hendaklah disifatkan sebagai telah ditarik balik tetapi pemohon itu boleh mengemukakan permohonan baru.</i></p> <p>6) Subseksyen 21B(4); Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172)</p> <p>21. Permohonan untuk kebenaran merancang.</p> <p><i>(5) Jika pelan itu tidak dikemukakan semula dalam tempoh yang ditentukan atau tempoh yang dilanjutkan itu, permohonan untuk kebenaran merancang itu hendaklah disifatkan sebagai telah ditarik balik tetapi pemohon itu boleh mengemukakan permohonan baru.</i></p> <p>7) Subseksyen 70(6); Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)</p> <p>70. Pihak berkuasa tempatan boleh memberi arahan</p> <p><i>(6) Jika pelan yang dipinda itu tidak dikemukakan semula dalam tempoh yang dinyatakan itu, atau dalam suatu tempoh yang dilanjutkan, maka pelan itu tidak boleh dipertimbangkan semula dan hendaklah disifatkan sebagai telah ditarik balik tetapi orang itu boleh mengemukakan pelan dan penentuan baharu.</i></p> <p>8) Subseksyen 70(4); Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)</p> <p>70. Pihak berkuasa tempatan boleh memberi arahan</p> <p><i>(4) Pihak berkuasa tempatan boleh memberi arahan bertulis kepada orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan berkenaan dengan mana-mana daripada butir-butir berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <i>(a) pematuhan Akta ini atau mana-mana Akta lain atau mana-mana undang-undang kecil, perintah, kaedah atau peraturan yang dibuat di bawahnya;</i> <i>(b) tapak sesuatu bangunan dan ruang yang akan ditinggalkan lapang di keliling mana-mana bangunan untuk membolehkan cahaya matahari senang masuk dan udara senang beredar dan juga untuk memudahkan pembuangan sampah;</i>

BIL.	PROSES TERLIBAT	RUJUKAN PERUNDANGAN
		<p>(c) aras takat mana asas tapak dan tingkat yang rendah sekali hendak disusun atur;</p> <p>(d) meninggikan aras tapak supaya menjadi asas tapak yang stabil dan kukuh dan bahan yang hendak digunakan untuk meninggikan aras tapak itu.</p>
	Penyediaan Dan Edaran Keputusan Mesyuarat	<p>9) Subseksyen 70(5); Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)</p> <p>70. Pihak berkuasa tempatan boleh memberi arahan</p> <p>(5) Orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan yang telah diberi arahan bertulis hendaklah meminda pelan dan penentuan itu dengan sewajarnya dan mengemukakan semula pelan dan penentuan yang dipinda itu dalam tempoh yang dinyatakan oleh pihak berkuasa tempatan.</p>

Lampiran 1.2 : Perundangan bagi Proses 2 Di Bahagian Perancang

BIL.	PROSES TERLIBAT	RUJUKAN PERUNDANGAN
1.	<p>PROSES 2</p> <p>MENGULAS DAN MENYEDIAKAN KERTAS PERAKUAN PERMOHONAN (BAHARU, PINDAAN DAN PERLANJUTAN) KEBENARAN MERANCANG DAN PELAN NAMA KAWASAN, NAMA BANGUNAN DAN NAMA JALAN.</p>	<p>1) Subseksyen 21(3); Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172)</p> <p>21. Permohonan untuk kebenaran merancang.</p> <p>(3) Jika pemajuan itu melibatkan pendirian suatu bangunan, pihak berkuasa perancang tempatan boleh memberikan arahan bertulis kepada pemohon itu berkenaan dengan mana-mana daripada perkara yang berikut, iaitu—</p> <p>(a) aras tapak bangunan itu;</p> <p>(b) garisan hadapan dengan bangunan yang berjiran;</p> <p>(c) penaikan bangunan itu;</p> <p>(d) kelas, reka bentuk, dan rupa bangunan itu;</p> <p>(e) bahagian belakang bangunan itu ke suatu garisan bangunan;</p> <p>(f) laluan masuk ke tanah yang di atasnya bangunan itu akan didirikan; dan</p> <p>(g) apa-apa perkara lain yang difikirkan perlu oleh pihak berkuasa perancang tempatan bagi maksud perancangan.</p> <p>2) Subseksyen 21B(2); Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172)</p> <p>21B. Pelan susunatur</p> <p>(2) Pihak berkuasa perancang tempatan boleh memberikan arahan-arahan kepada seorang pemohon untuk kebenaran merancang berkenaan dengan perkara-perkara berkaitan pelan-pelan susunaturnya sebagaimana yang difikirkan perlu oleh pihak berkuasa perancang tempatan itu.</p> <p>3) Subseksyen 21 (4); Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172)</p> <p>21. Permohonan untuk kebenaran merancang</p> <p>(1) Pemohon yang diberikan apa-apa arahan bertulis di bawah subseksyen (3) hendaklah meminda pelan yang dikemukakan dengan permohonannya itu dengan sewajarnya dan mengemukakan semula pelan itu dalam tempoh atau tempoh lanjutan yang ditentukan oleh pihak berkuasa perancang tempatan.</p>

BIL.	PROSES TERLIBAT	RUJUKAN PERUNDANGAN
		<p>4) Subseksyen 21B(3); Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172)</p> <p>21B. Pelan susunatur</p> <p><i>(3) Pemohon yang telah diberikan arahan-arahan di bawah seksyen-kecil (2) hendaklah meminda pelan-pelan susunaturnya dengan sewajarnya, dan menyampaikan semula pelan-pelan susunatur itu dalam masa apa-apa tempoh atau tempoh lanjutan yang ditentukan oleh pihak berkuasa perancang tempatan.</i></p> <p>5) Subseksyen 21(5); Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172)</p> <p>21. Permohonan untuk kebenaran merancang</p> <p><i>(5) Jika pelan itu tidak dikemukakan semula dalam tempoh yang ditentukan atau tempoh yang dilanjutkan itu, permohonan untuk kebenaran merancang itu hendaklah disifatkan sebagai telah ditarik balik tetapi pemohon itu boleh mengemukakan permohonan baru.</i></p> <p>6) Subseksyen 21B(4); Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172)</p> <p>21B. Pelan susunatur</p> <p><i>(4) Jika pelan-pelan susunatur itu tidak disampaikan semula dalam masa tempoh atau tempoh lanjutan yang ditentukan, permohonan untuk kebenaran merancang itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik tetapi pemohon boleh menyampaikan permohonan yang baru.</i></p> <p>7) Subseksyen 21(6); Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172)</p> <p>21. Permohonan untuk kebenaran merancang</p> <p><i>(6) Jika pemajuan yang dicadangkan itu bertempat di sesuatu kawasan yang berkenaan dengannya tidak ada rancangan tempatan pada masa itu, maka, setelah menerima permohonan untuk kebenaran merancang, atau, jika arahan telah diberikan di bawah subseksyen (3), setelah dipatuhi arahan itu, pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah, melalui notis secara bertulis yang disampaikan kepada pemunya tanah berjiran, memberitahu mereka akan hak mereka untuk membantah permohonan itu dan untuk menyatakan alasan bagi bantahan mereka dalam masa dua puluh satu hari dari tarikh notis itu disampaikan.</i></p> <p>8) Subseksyen 21(7); Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172)</p> <p>21. Permohonan untuk kebenaran merancang</p> <p><i>(7) Jika ada bantahan yang diterima menurut subseksyen (6), pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah, dalam masa tiga puluh hari selepas tamatnya tempoh bantahan boleh dibuat, mendengar—</i></p> <p><i>(a) pemohon untuk kebenaran merancang itu; dan</i></p> <p><i>(b) mana-mana orang yang telah memasukkan bantahan menurut subseksyen (6) dan yang, dalam memasukkan bantahan itu, telah meminta suatu pendengaran.</i></p>

BIL.	PROSES TERLIBAT	RUJUKAN PERUNDANGAN
		<p>9) Subseksyen 70(9); Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)</p> <p><i>70. Notis memulakan semula kerja bangunan</i></p> <p><i>(9) Tiada seorang pun boleh memulakan pendirian sesuatu bangunan atau memulakan semula pendirian sesuatu bangunan dalam sesuatu hal jika kerja mendirikan bangunan itu telah digantung bagi suatu tempoh terus-menerus lebih daripada tiga bulan melainkan jika—</i></p> <p><i>(a) kerja itu dimulakan atau dimulakan semula, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam masa dua belas bulan daripada tarikh pelan dan penentuan bangunan itu telah diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan; dan</i></p> <p><i>(b) dia telah memberi pihak berkuasa tempatan empat hari notis secara bertulis akan maksudnya hendak memulakan atau memulakan semula kerja itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.</i></p> <p>10) Undang-undang Kecil 22; Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS 1984)</p> <p>22. Notis memulakan atau menyambung semula kerja-kerja bantuan</p> <p><i>(1) Notis mengenai niat hendak memulakan atau menyambung semula pembinaan sesuatu bangunan yang dikehendaki di bawah subseksyen (9) seksyen 70 Akta hendaklah dibuat dalam Borang B sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Kedua Undang-undang Kecil ini dan hendaklah meliputi butir-butir kerja yang dicadangkan itu.</i></p> <p><i>(2) Jika kerja itu tidak dimulakan semula pada tarikh yang diberi dalam notis itu, suatu notis selanjutnya dalam Borang B bagaimanapun dinyatakan dalam Jadual Kedua Undang-Undang Kecil ini hendaklah diberi sebelum kerja itu boleh dimulakan semula.</i></p> <p>11) Subseksyen 22(4)(b) Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172)</p> <p>22. Layanan terhadap permohonan</p> <p><i>(4) Pihak berkuasa perancang tempatan tidak boleh memberi kebenaran merancang jika—</i></p> <p><i>(b) pemohon untuk kebenaran merancang itu belum membayar caj pemajuan yang kena dibayar berkenaan dengan pemajuan itu atau belum mendapat kebenaran pihak berkuasa perancang tempatan di bawah subseksyen 34(1) untuk membayar caj pemajuan secara ansuran.</i></p> <p>12) Subseksyen 132; Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)</p> <p>132. Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan</p> <p><i>(1) Bagi maksud Akta ini suatu kumpulan wang yang dinamakan “Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan” hendaklah ditubuhkan dalam setiap pihak berkuasa tempatan dan hendaklah dibayar ke dalamnya semua wang yang mungkin dibayar dari semasa ke semasa kepada sesuatu pihak berkuasa tempatan bagi maksud menjalankan peruntukan Akta ini, semua wang yang boleh didapatkan oleh pihak berkuasa tempatan daripada seseorang di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya dan apa-apa sumbangan daripada seseorang bagi mencantikkan, membina atau menyusun atur sesuatu jalan*, parit, pemetung, salur atau alur air.</i></p>

Lampiran 1.3 : Perundangan bagi Proses 2 Di Bahagian Kejuruteraan

BIL.	PROSES TERLIBAT	PERUNDANGAN TERLIBAT
1.	<p>PENGELUARAN KEPUTUSAN RASMI DAN MUKTAMAD</p>	<p>1) Subseksyen 9 (2); Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974(Akta 133)</p> <p>9. Orang persendirian membuat jalan baharu.</p> <p><i>(2) Mana-mana orang yang bercadang hendak membuat sesuatu jalan baharu hendaklah memohon kepada pihak berkuasa tempatan, disertai dengan suatu pelan dalam dua salinan, menunjukkan aras dan pembinaan yang dicadangkan bagi jalan itu dan aras rumah yang akan dibina atas tanah yang bersempadanan dengannya dan cara pemaritannya yang dicadangkan dan juga dengan suatu pernyataan menyatakan bagi kegunaan apakah jalan itu dicadangkan:</i></p> <p><i>Dengan syarat bahawa pihak berkuasa tempatan itu tidak boleh meluluskan pelan jelas bagi mana-mana jalan baharu melainkan penggunaan tanah itu bagi maksud ini telah diluluskan oleh pihak berkuasa yang layak di bawah mana-mana undang-undang berhubung dengan perancangan bandar dan desa.</i></p> <p>2) Subseksyen 132; Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)</p> <p>132. Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan</p> <p><i>(1)Bagi maksud Akta ini suatu kumpulan wang yang dinamakan “Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan” hendaklah ditubuhkan dalam setiap pihak berkuasa tempatan dan hendaklah dibayar ke dalamnya semua wang yang mungkin dibayar dari semasa ke semasa kepada sesuatu pihak berkuasa tempatan bagi maksud menjalankan peruntukan Akta ini, semua wang yang boleh didapatkan oleh pihak berkuasa tempatan daripada seseorang di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya dan apa-apa sumbangan daripada seseorang bagi mencantikkan, membina atau menyusun atur sesuatu jalan*, parit, pemetung, salur atau alur air.</i></p> <p>3) Subseksyen 70A(2); Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)</p> <p>70A. Kerja tanah.</p> <p><i>(2) Jika kerja tanah itu akan dimula atau dijalankan bagi maksud membina apa-apa bangunan, jalan, longkang, pemetung, atau benteng, atau bagi menanam apa-apa kabel atau paip, atau bagi maksud apa-apa jua pembinaan atau kerja lain, pelan dan penentuan berhubung dengan pembinaan atau kerja itu yang kena dikemukakan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya hendaklah dikemukakan kepada pihak berkuasa tempatan pada masa mengemukakan pelan dan penentuan berkenaan dengan kerja tanah itu.</i></p>

Lampiran 1.3 : Perundangan bagi Proses 2 Di Bahagian Kejuruteraan

BIL.	PROSES TERLIBAT	PERUNDANGAN TERLIBAT
1.	PENGELUARAN KEPUTUSAN RASMI DAN MUKTAMAD	<p>1) Subseksyen 9 (2); Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974(Akta 133)</p> <p>9. Orang persendirian membuat jalan baharu.</p> <p>(2) Mana-mana orang yang bercadang hendak membuat sesuatu jalan baharu hendaklah memohon kepada pihak berkuasa tempatan, disertai dengan suatu pelan dalam dua salinan, menunjukkan aras dan pembinaan yang dicadangkan bagi jalan itu dan aras rumah yang akan dibina atas tanah yang bersempadanan dengannya dan cara pemaritannya yang dicadangkan dan juga dengan suatu pernyataan menyatakan bagi kegunaan apakah jalan itu dicadangkan:</p> <p>Dengan syarat bahawa pihak berkuasa tempatan itu tidak boleh meluluskan pelan jelas bagi mana-mana jalan baharu melainkan penggunaan tanah itu bagi maksud ini telah diluluskan oleh pihak berkuasa yang layak di bawah mana-mana undang-undang berhubung dengan perancangan bandar dan desa.</p> <p>2) Subseksyen 70A(2); Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)</p> <p>70A. Kerja tanah.</p> <p>(2) Jika kerja tanah itu akan dimula atau dijalankan bagi maksud membina apa-apa bangunan, jalan, longkang, pembetung, atau benteng, atau bagi menanam apa-apa kabel atau paip, atau bagi maksud apa-apa jua pembinaan atau kerja lain, pelan dan penentuan berhubung dengan pembinaan atau kerja itu yang kena dikemukakan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya hendaklah dikemukakan kepada pihak berkuasa tempatan pada masa mengemukakan pelan dan penentuan berkenaan dengan kerja tanah itu.</p>

Lampiran 1.4 : Perundangan bagi Proses 2 Di Bahagian Bangunan

BIL.	PROSES TERLIBAT	PERUNDANGAN TERLIBAT
1.	MENGELUARKAN ULASAN TEKNIKAL BAGI PERMOHONAN (BAHARU, PINDAAN DAN PERLANJUTAN) SELAIN PELAN BANGUNAN, PERMIT SEMENTARA DAN PERMIT PEMBINAAN KECIL.	<p>1) Subseksyen 70(9); Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)</p> <p>70. Pihak berkuasa tempatan boleh memberi arahan</p> <p>Notis memulakan semula kerja bangunan</p> <p>(9) Tiada seorang pun boleh memulakan pendirian sesuatu bangunan atau memulakan semula pendirian sesuatu bangunan dalam sesuatu hal jika kerja mendirikan bangunan itu telah digantung bagi suatu tempoh terus-menerus lebih daripada tiga bulan melainkan jika—</p> <p>(a) kerja itu dimulakan atau dimulakan semula, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam masa dua belas bulan daripada tarikh pelan dan penentuan bangunan itu telah diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan; dan</p> <p>(b) dia telah memberi pihak berkuasa tempatan empat hari notis secara bertulis akan maksudnya hendak memulakan atau memulakan semula kerja itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.</p>

BIL.	PROSES TERLIBAT	PERUNDANGAN TERLIBAT
		<p>2) Subseksyen 70(3); Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)</p> <p>70. Notis mengenai bangunan baharu</p> <p>(3) Tiada sesuatu pelan untuk mendirikan suatu bangunan boleh diluluskan—</p> <p>(a) jika bangunan itu hendak didirikan di atas sesuatu pegangan yang bersempadanan dengan sesuatu jalan baharu atau sesuatu jalan baharu yang dicadangkan atau yang mempunyai akses kepadanya sehingga pelan bagi jalan baharu itu telah diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan di bawah peruntukan Akta ini;</p> <p>3) Seksyen 70A(2); Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)</p> <p>70A. Kerja tanah</p> <p>(2) Jika kerja tanah itu akan dimula atau dijalankan bagi maksud membina apa-apa bangunan, jalan, longkang, pemetung, atau benteng, atau bagi menanam apa-apa kabel atau paip, atau bagi maksud apa-apa jua pembinaan atau kerja lain, pelan dan penentuan berhubung dengan pembinaan atau kerja itu yang kena dikemukakan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya hendaklah dikemukakan kepada pihak berkuasa tempatan pada masa mengemukakan pelan dan penentuan berkenaan dengan kerja tanah itu.</p> <p>4) Subseksyen 132; Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)</p> <p>132. Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan</p> <p>(1) Bagi maksud Akta ini suatu kumpulan wang yang dinamakan “Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan” hendaklah ditubuhkan dalam setiap pihak berkuasa tempatan dan hendaklah dibayar ke dalamnya semua wang yang mungkin dibayar dari semasa ke semasa kepada sesuatu pihak berkuasa tempatan bagi maksud menjalankan peruntukan Akta ini, semua wang yang boleh didapatkan oleh pihak berkuasa tempatan daripada seseorang di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya dan apa-apa sumbangan daripada seseorang bagi mencantikkan, membina atau menyusun atur sesuatu jalan*, parit, pemetung, salur atau alur air.</p>
2.	<p>PENYEDIAAN KERTAS PERAKUAN UNTUK PERTIMBANGAN JK OSC KALI KEDUA KE ATAS PEMATUHAN TEKNIKAL BERDASARKAN KELULUSAN DENGAN PINDAAN PELAN JK OSC KALI PERTAMA</p>	<p>5) Seksyen 70 (6); Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)</p> <p>70. Notis mengenai bangunan baharu</p> <p>(6) Jika pelan yang dipinda itu tidak dikemukakan semula dalam tempoh yang dinyatakan itu, atau dalam suatu tempoh yang dilanjutkan, maka pelan itu tidak boleh dipertimbangkan semula dan hendaklah disifatkan sebagai telah ditarik balik tetapi orang itu boleh mengemukakan pelan dan penentuan baharu.</p> <p>6) Seksyen 70 (4); Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)</p> <p>70. Notis mengenai bangunan baharu</p>

BIL.	PROSES TERLIBAT	PERUNDANGAN TERLIBAT
		<p><i>Pihak berkuasa tempatan boleh memberi arahan</i></p> <p><i>(4) Pihak berkuasa tempatan boleh memberi arahan bertulis kepada orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan berkenaan dengan mana-mana daripada butir-butir berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <i>(a) pematuhan Akta ini atau mana-mana Akta lain atau mana-mana undang-undang kecil, perintah, kaedah atau peraturan yang dibuat di bawahnya;</i> <i>(b) tapak sesuatu bangunan dan ruang yang akan ditinggalkan lapang di keliling mana-mana bangunan untuk membolehkan cahaya matahari senang masuk dan udara senang beredar dan juga untuk memudahkan pembuangan sampah;</i> <i>(c) aras takat mana asas tapak dan tingkat yang rendah sekali hendak disusun atur;</i> <i>(d) meninggikan aras tapak supaya menjadi asas tapak yang stabil dan kukuh dan bahan yang hendak digunakan untuk meninggikan aras tapak itu;</i> <i>(e) garis bidang hadapan dengan bangunan berdekatan, jika bangunan itu bersempadan dengan suatu jalan awam atau terletak dalam lingkungan lima puluh kaki dari suatu jalan awam;</i> <i>(f) pelan tegak depan, dan jika pelan tegak rusuk bersempadanan dengan suatu jalan awam atau di dalam lingkungan lima puluh kaki daripada suatu jalan awam, pelan tegak rusuk itu;</i> <i>(g) menganjak bangunan ke hadapan atau ke belakang ke garis aturan jalan sebagaimana ditakrifkan dalam seksyen 23;</i> <i>(h) kelas, reka bentuk dan rupa bangunan yang hendak didirikan di suatu daerah, tempat atau jalan di mana hanya bangunan daripada sesuatu kelas, reka bentuk atau rupa tertentu sahaja boleh didirikan;</i> <i>(i) mengadakan bekalan air yang bersih dan mencukupi dalam jarak yang munasabah daripada bangunan itu;</i> <i>(j) menganjak bangunan ke belakang ke mana-mana garis bangunan;</i> <i>(k) mengadakan dan membina sesuatu arked atau siar kaki berturap bagi kegunaan pejalan kaki di sepanjang mana-mana bahagian lot bangunan yang bersempadanan dengan sesuatu jalan</i>

Lampiran 1.5 : Perundangan bagi Proses 3

BIL.	PROSES TERLIBAT	PERUNDANGAN BERKAITAN
1.	PROSES 3 NOTIFIKASI MULA KERJA BINAAN	<p>1) Sub Perenggan 70(9)(a) dan Subseksyen 70(9A); Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)</p> <p>70. Notis mengenai bangunan baharu</p> <p>Notis memulakan semula kerja bangunan</p> <p><i>(9) Tiada seorang pun boleh memulakan pendirian sesuatu bangunan atau memulakan semula pendirian sesuatu bangunan dalam sesuatu hal jika kerja mendirikan bangunan itu telah digantung bagi suatu tempoh terus-menerus lebih daripada tiga bulan melainkan jika—</i></p> <p><i>(a) kerja itu dimulakan atau dimulakan semula, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam masa dua belas bulan daripada tarikh pelan dan penentuan bangunan itu telah diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan;</i></p> <p>70 (9A)Tiada seorang pun boleh memulakan pendirian sesuatu bangunan melainkan jika suatu salinan pelan struktur yang terperinci bangunan itu bersama dengan suatu salinan kiraan strukturnya yang boleh dibaca dan apa-apa butir, dokumen atau laporan lain yang dikehendaki oleh pihak berkuasa tempatan telah dikemukakan.</p>

Lampiran 1.6 : Perundangan bagi Proses 4

BIL.	PROSES TERLIBAT	PERUNDANGAN BERKAITAN
1.	PROSES 4 PEMANTAUAN TAPAK BINA DAN NOTIFIKASI PEMERIKSAAN INTERIM	<p>1) Undang-undang Kecil 22; Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS 1984)</p> <p>22. Notis memulakan atau menyambung semula kerja-kerja bantuan.</p> <p><i>(1) Notis mengenai niat hendak memulakan atau menyambung semula pembinaan sesuatu bangunan yang dikehendaki di bawah subseksyen (9) seksyen 70 Akta hendaklah dibuat dalam Borang B sebagaimana dinyatakan dalam Jadua Kedua Undang-undang Kecil ini dan hendaklah meliputi kerja-kerja yang dicadangkan itu.</i></p> <p><i>(1) Jika kerja itu tidak dimulakan semula pada tarikh yang diberi dalam notis itu, suatu notis selanjutnya dalam Borang B sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Kedua Undang-undang Kecil ini hendaklah diberi sebelum kerja itu boleh dimulakan semula.</i></p> <p>2) Seksyen 70(9); Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)</p> <p>70. Notis mengenai bangunan baharu</p> <p><i>(9) Tiada seorang pun boleh memulakan pendirian sesuatu bangunan atau memulakan semula pendirian sesuatu bangunan dalam sesuatu hal jika kerja mendirikan bangunan itu telah digantung bagi suatu tempoh terus-menerus lebih daripada tiga bulan melainkan jika—</i></p> <p><i>(a) kerja itu dimulakan atau dimulakan semula, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam masa dua belas bulan daripada tarikh pelan dan penentuan bangunan itu telah diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan; dan</i></p> <p><i>(b) dia telah memberi pihak berkuasa tempatan empat hari notis secara bertulis akan maksudnya hendak memulakan atau memulakan semula kerja itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.</i></p>

BIL.	PROSES TERLIBAT	PERUNDANGAN BERKAITAN
		<p>3) Subseksyen 70 (23), 70(24), 70(25) dan 70(26); Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974(Akta 133)</p> <p>70. Notis mengenai bangunan baharu.</p> <p>(23) Jika ternyata kepada pihak berkuasa tempatan itu bahawa suatu ketidakpatuhan pelan yang diluluskan dan peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya oleh orang utama yang mengemukakan telah berlaku dalam pendirian dan pembinaan sesuatu bangunan, pihak berkuasa tempatan boleh mengeluarkan kepada orang utama yang mengemukakan—</p> <p>(a) suatu notis bertulis, menghendaki pematuhan dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, sebagaimana yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa tempatan, supaya ketidakpatuhan itu dibetulkan; dan</p> <p>(b) suatu arahan bertulis untuk menahan pengeluaran perakuan siap dan pematuhan sehingga ketidakpatuhan itu telah dibetulkan.</p> <p>(24) Jika arahan yang disebut dalam perenggan (23)(b) tidak dipatuhi oleh orang utama yang mengemukakan, pihak berkuasa tempatan sendiri boleh menyebabkan apa-apa kerja dilaksanakan atau apa-apa langkah diambil jika pihak berkuasa tempatan berpendapat bahawa kerja atau langkah itu adalah perlu untuk membetulkan ketidakpatuhan itu.</p> <p>(25) Kos melaksanakan kerja atau mengambil langkah yang disebut dalam subseksyen (24) hendaklah ditanggung oleh pemunya bangunan.</p> <p>(26) Amaun kos yang hendak didapatkan sedemikian oleh pihak berkuasa tempatan hendaklah diperakui oleh pihak berkuasa tempatan dan perakuan pihak berkuasa tempatan mengenai perkara ini adalah bukti muktamad mengenai perkara yang dinyatakan dalamnya dan tidak boleh tertakluk kepada apa-apa rayuan atau kajian semula dalam mana-mana mahkamah.</p>
		<p>4) Subseksyen 29 (2); Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)</p> <p>29. Penguatkuasaan dalam hal pemajuan yang tidak selaras dengan kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan yang diubah suai.</p> <p>(2) Jika pihak berkuasa perancang tempatan berpuas hati bahawa mana-mana bahagian, aspek, atau bentuk pemajuan yang tidak selaras dengan kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan yang diubah suai itu boleh diubah suai, ditambah atau dirobah supaya selaras dengan kebenaran atau kelulusan yang diubah suai itu, maka pihak berkuasa perancang tempatan itu hendaklah—</p> <p>(a) jika pemajuan itu telah siap, menyampaikan kepada pemunya dan juga penduduk tanah itu suatu notis dalam bentuk yang ditetapkan menghendaki kedua-dua mereka itu mematuhi, dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau dalam tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh pihak berkuasa perancang tempatan itu, kehendak, yang hendaklah dinyatakan dalam notis itu, yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa perancang tempatan supaya selaras dengan kebenaran atau kelulusan yang diubah suai itu;</p> <p>(b) jika pemajuan itu belum siap, menyampaikan kepada pemunya tanah itu dan kepada orang yang, pada pendapat pihak berkuasa perancang tempatan itu, adalah menjalankan pemajuan itu, suatu notis dalam bentuk yang ditetapkan menghendaki mereka itu—</p>

BIL.	PROSES TERLIBAT	PERUNDANGAN BERKAITAN
		<p>(i) menghentikan semua aktiviti dengan serta-merta, kecuali aktiviti yang perlu untuk mematuhi kehendak pihak berkuasa perancang tempatan itu di bawah subperenggan (ii) dan aktiviti lain yang ditentukan oleh pihak berkuasa perancang tempatan itu, sehingga pihak berkuasa perancang tempatan itu berpuas hati bahawa kehendak itu telah dipatuhi; dan</p> <p>(ii) mematuhi, dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau dalam tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh pihak berkuasa perancang tempatan itu, kehendak, yang dinyatakan dalam notis itu, yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa perancang tempatan supaya selaras dengan kebenaran atau kelulusan yang diubah suai itu.</p>
		<p>5) Subsekyen 70 (23) ; Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Akta 133.</p> <p>70. Notis mengenai bangunan baharu</p> <p>(23) Jika ternyata kepada pihak berkuasa tempatan itu bahawa suatu ketidakpatuhan pelan yang diluluskan dan peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya oleh orang utama yang mengemukakan telah berlaku dalam pendirian dan pembinaan sesuatu bangunan, pihak berkuasa tempatan boleh mengeluarkan kepada orang utama yang mengemukakan—</p> <p>(a) suatu notis bertulis, menghendaki pematuhan dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, sebagaimana yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa tempatan, supaya ketidakpatuhan itu dibetulkan; dan</p> <p>(b) suatu arahan bertulis untuk menahan pengeluaran perakuan siap dan pematuhan sehingga ketidakpatuhan itu telah dibetulkan.</p>
		<p>6) Subsekyen 70A(4) dan 70A(5); Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Akta 133.</p> <p>70A. Kerja tanah.</p> <p>(4) Pihak berkuasa tempatan boleh, jika ia memperakui bahawa keselamatan nyawa dan harta-benda adalah terlibat atau mungkin akan terlibat oleh apa-apa kerja tanah, memerintah supaya diberhentikan dengan serta-merta kesemua atau sebahagian daripada kerja tanah itu; perakuan pihak berkuasa tempatan di bawah subseksyen ini adalah bukti muktamad mengenai perkara yang tersebut dalamnya dan tidak boleh dipersoalkan atau tertakluk kepada apa-apa rayuan atau ulangkaji dalam mana-mana mahkamah.</p> <p>(5) Tanpa menyentuh subseksyen (4), pihak berkuasa tempatan boleh, dari semasa ke semasa, memberi apa-apa arahan yang difikirkannya wajar berkenaan dengan apa-apa kerja tanah, dan arahan itu hendaklah dipatuhi oleh orang yang kepadanya arahan itu diberi, dan jika arahan itu tidak dipatuhi, pihak berkuasa tempatan boleh memerintah supaya diberhentikan kesemua atau sebahagian daripada kerja tanah itu.</p>

Lampiran 1.7 : Perundangan bagi Proses 5

BIL.	PROSES TERLIBAT	PERUNDANGAN BERKAITAN
1.	<p>PROSES 5</p> <p>NOTIFIKASI PEMERIKSAAN AKHIR</p>	<p>1) Undang-undang Kecil 25; Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS 1984)</p> <p>25. Perakuan kelayakan menduduki</p> <p>(1) Suatu perakuan siap dan pematuhan dalam Borang F sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua hendaklah dikeluarkan oleh orang utama yang mengemukakan-</p> <p>(a) Apabila semua syarat teknikal yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan telah dipatuhi dengan sewajarnya ;</p> <p>(b) Apabila Borang G1 hingga G21 berkenaan dengan perakuan berperingkat sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua telah diperakui dengan sewajarnya dan diterima olehnya;</p> <p>(c) Apabila semua perkhidmatan perlu, termasuk jalan akses, pandangan darat, tempat letak kereta, parit, pemasangan alat-alat sanitari, air dan elektrik, pili bomba, kehendak pembentungan dan pembuangan sampah dan, lif bomba jika dikehendaki, telah disediakan; dan</p> <p>(d) Apabila dia memperakui dalam Borang F bahawa dia telah mengawasi pembinaan dan penyiapan bangunan itu dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya bangunan itu telah dibina dan disiapkan mengikut Akta, Undang-Undang Kecil ini dan pelan yang diluluskan.</p> <p>(2) Apabila perakuan siap dan pematuhan dikeluarkan, orang utama yang mengemukakan menerima tanggungjawab sepenuhnya bagi pengeluaran perakuan siap dan pematuhan itu dan dia memperakui bahawa bangunan itu adalah selamat dan layak untuk diduduki.</p> <p>(3) Orang Utama yang mengemukakan hendaklah dalam masa empat belas hari dari pengeluaran perakuan siap dan pematuhan dan perakuan siap dan pematuhan sebahagian, mengikut mana-mana yang berkenaan, mendepositkan suatu salinan perakuan tersebut dan Borang G1 hingga G21 kepada pihak berkuasa tempatan dan, Lembaga Arkitek Malaysia atau Lembaga Jurutera Malaysia, mengikut mana-mana yang berkenaan.</p> <p>(4) Tiada apa-apa yang terkandung dalam Undang-Undang Kecil ini boleh menghalang pihak berkuasa tempatan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya secara bertulis bagi maksud itu, daripada memeriksa apa-apa kerja bangunan pada mana-mana peringkatnya dan menarik perhatian kepada apa-apa kemungkiran kepada bangunan atau ketidakpatuhan mana-mana Undang-Undang Kecil ini yang diadapatinya dan daripada memberi notis secara bertulis kepada orang utama yang mengemukakan memerintahkan supaya kemungkiran atau ketidakpatuhan itu diperbetulkan.</p> <p>(5) Tertakluk kepada perenggan (4), pihak berkuasa tempatan boleh mengeluarkan suatu arahan secara bertulis kepada orang utama yang mengemukakan untuk menahan pengeluaran perakuan siap dan pematuhan atau perakuan siap dan pematuhan sebahagian, mengikut mana-mana yang berkenaan.</p>

BIL.	PROSES TERLIBAT	PERUNDANGAN BERKAITAN
		<p>(6) Orang utama yang mengemukakan hendaklah dalam masa dua puluh satu hari selepas menerima notis yang dikeluarkan menurut perenggan (4) atau apa-apa tempoh lanjutan yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan, membetulkan kemungkiran atau ketidakpatuhan itu.</p> <p>(7) Jika orang utama yang mengemukakan telah membetulkan kemungkiran atau ketidakpatuhan itu, dia hendaklah mengeluarkan suatu notis kepada pihak berkuasa tempatan yang mengesahkan bahawa kerja-kerja pembedulan itu telah disiapkan dengan memuaskan.</p> <p>(8) Apabila menerima notis yang disebut dalam perenggan (7), pihak berkuasa tempatan hendaklah dalam masa empat belas hari dari penerimaan notis itu memeriksa bangunan itu untuk mengesahkan bahawa kemungkiran atau ketidakpatuhan itu telah dibetulkan dengan memuaskan.</p> <p>(9) Jika pihak berkuasa tempatan berpuas hati bahawa kemungkiran atau ketidakpatuhan yang dinyatakan dalam perenggan (4) telah dibetulkan dengan memuaskan, pihak berkuasa tempatan hendaklah mengeluarkan suatu arahan secara bertulis kepada orang utama yang mengemukakan supaya mengeluarkan perakuan siap dan pematuhan atau perakuan siap dan pematuhan sebahagian, mengikut mana-mana yang berkenaan.</p> <p>(10) Jika pihak berkuasa tempatan tidak menjalankan pemeriksaan ke atas kerja-kerja pembedulan menurut perenggan (8) dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan itu, maka hendaklah disifatkan bahawa pihak berkuasa tempatan berpuas hati bahawa kerja-kerja pembedulan itu telah disiapkan dengan memuaskan.</p> <p>(11) Jika kemungkiran atau ketidakpatuhan tidak dibetulkan oleh orang utama yang mengemukakan dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (6), pihak berkuasa tempatan sendiri boleh menyebabkan apa-apa kerja dilaksanakan atau apa-apa langkah diambil jika pihak berkuasa tempatan berpendapat bahawa kerja atau langkah itu adalah perlu untuk membetulkan ketidakpatuhan itu.</p> <p>(12) Kos untuk melaksanakan apa-apa kerja atau mengambil apa-apa langkah yang disebut dalam perenggan (11) hendaklah ditanggung oleh pemunya bangunan.</p> <p>(13) Perakuan siap dan pematuhan atau perakuan siap dan pematuhan sebahagian, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak boleh dikeluarkan oleh orang utama yang mengemukakan sehingga semua kemungkiran atau ketidakpatuhan berkenaan dengan bangunan itu telah dibetulkan dengan memuaskan.”.</p>

Lampiran 1.8 : Perundangan bagi Proses 6

BIL.	PROSES TERLIBAT	PERUNDANGAN BERKAITAN
1.	<p>PROSES 6</p> <p>PENDEPOSITAN CCC</p>	<p>1) Undang-undang Kecil 25; Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS 1984)</p> <p>25. Perakuan Siap dan Pematuhan.</p> <p><i>(1) Suatu perakuan siap dan pematuhan dalam Borang F sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua hendaklah dikeluarkan oleh orang utama yang mengemukakan-</i></p> <p><i>(a) Apabila semua syarat teknikal yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan telah dipatuhi dengan sewajarnya ;</i></p> <p><i>(b) Apabila Borang G1 hingga G21 berkenaan dengan perakuan berperingkat sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua telah diperakui dengan sewajarnya dan diterima olehnya;</i></p> <p><i>(c) Apabila semua perkhidmatan perlu, termasuk jalan akses, pandangan darat, tempat letak kereta, parit, pemasangan alat-alat sanitari, air dan elektrik, pili bomba, kehendak pembentungan dan pembuangan sampah dan, lif bomba jika dikehendaki, telah disediakan; dan</i></p> <p><i>(d) Apabila dia memperakui dalam Borang F bahawa dia telah mengawasi pembinaan dan penyiapan bangunan itu dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya bangunan itu telah dibina dan disiapkan mengikut Akta, Undang-Undang Kecil ini dan pelan yang diluluskan.</i></p> <p><i>(2) Apabila perakuan siap dan pematuhan dikeluarkan, orang utama yang mengemukakan menerima tanggungjawab sepenuhnya bagi pengeluaran perakuan siap dan pematuhan itu dan dia memperakui bahawa bangunan itu adalah selamat dan layak untuk diduduki.</i></p> <p><i>(3) Orang Utama yang mengemukakan hendaklah dalam masa empat belas hari dari pengeluaran perakuan siap dan pematuhan dan perakuan siap dan pematuhan sebahagian, mengikut mana-mana yang berkenaan, menandatangani suatu salinan perakuan tersebut dan Borang G1 hingga G21 kepada pihak berkuasa tempatan dan, Lembaga Arkitek Malaysia atau Lembaga Jurutera Malaysia, mengikut mana-mana yang berkenaan.</i></p> <p><i>(4) Tiada apa-apa yang terkandung dalam Undang-Undang Kecil ini boleh menghalang pihak berkuasa tempatan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya secara bertulis bagi maksud itu, daripada memeriksa apa-apa kerja bangunan pada mana-mana peringkatnya dan menarik perhatian kepada apa-apa kemungkiran kepada bangunan atau ketidakpatuhan mana-mana Undang-Undang Kecil ini yang diadapatinya dan daripada memberi notis secara bertulis kepada orang utama yang mengemukakan memerintahkan supaya kemungkiran atau ketidakpatuhan itu diperbetulkan.</i></p> <p><i>(5) Tertakluk kepada perenggan (4), pihak berkuasa tempatan boleh mengeluarkan suatu arahan secara bertulis kepada orang utama yang mengemukakan untuk menahan pengeluaran perakuan siap dan pematuhan atau perakuan siap dan pematuhan sebahagian, mengikut mana-mana yang berkenaan.</i></p>

BIL.	PROSES TERLIBAT	PERUNDANGAN BERKAITAN
